

**PANDANGAN MAX WEBER MENGENAI PERANAN  
PROTESTANTISME TERHADAP PEMBENTUKAN  
SEKULARISME DALAM TAMADUN BARAT**

**HASNYS @ YANTI ZAINAL**

**DISERTASI INI ADALAH UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SASTERA (MASTER OF  
ART) DALAM BIDANG PENGAJIAN PERADABAN**

**PENGAJIAN PERADABAN  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511142284

**PANDANGAN MAX WEBER MENGENAI PERANAN  
PROTESTANTISME TERHADAP PEMBENTUKAN  
SEKULARISME DALAM TAMADUN BARAT**

**HASNYS @ YANTI ZAINAL**

**DISERTASI INI ADALAH UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH  
SARJANA SASTERA (MASTER OF ART)  
12 OKTOBER 2002**

**PENGAJIAN PERADABAN  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2002**

# **PANDANGAN MAX WEBER MENGENAI PERANAN PROTESTANTISME TERHADAP PEMBENTUKAN SEKULARISME DALAM TAMADUN BARAT**

**“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”**

**HASNY @ YANTI ZAINAL  
IJAZAH SARJANA SASTERA (MASTER OF ART)  
12 OKTOBER 2002**

**PENGAJIAN PERADABAN  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2002/2003**

## **DEDIKASI**

*Khas buat bondaku Pn.Hjh.Kamaliah bte Abdul Rahman  
Hadiyah atas sebuah pengorbanan yang diberikan...namun ini bukan yang pertama  
dan bukan jua yang terakhir. Perjalananku masih panjang..mama restuiyah!.*

*Segunung Ucapan Terima Kasih  
Buat Kekandaku Along& Kak Long, Angah dan Acik atas iringan doa dan  
harapan disepanjang perjalanan ini.*

*Setinggi-tinggi Harapan  
Buat adindaku..Teh,Dek Ra, Roy dan Amirul. Lakarkan nama kalian dipuncak  
kejayaan*

*Dan Teristimewa Untukmu  
Abdullah Khairi Idris dan Azeq Khaireen  
Atas sebuah penantian, Atas sebuah pengorbanan dan Atas iringan kasih sayang,  
doa dan restu..masanya akan tiba jua.Insyallah*

*Segala apa yang kalian curahkan, mohon diberkati agar ilmu ini berkembang  
mekar, menjadi kebanggan setiap generasi.*

*Terima kasih.  
“Hadiyah Atas Sebuah Perjalanan Pencarian Ilmu”*

*5 Syaaban 1432 bersamaan 12 Oktober 2002*

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih pertamanya untuk Penyelia Penasihat saya, Prof.Madya Dr. Hazim Shah Abdul Murad yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan meluangkan waktunya dalam proses penyediaan dan penyemakan sehingga terhasilnya tesis ini.

Tidak lupa juga, pensyarah-pensyarah program Pengajian Peradaban atas ilmu yang dicurahkan. Kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya yang banyak membantu proses mendapatkan maklumat.

Buat rakan-rakan seperjuangan, Kak Yati, Shima, Rosaiza dan ramai lagi. Teruskan usaha kalian untuk mencapai cita-cita.

Akhir sekali kepada pihak MARA yang sudi menaja perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian ini.

*Kalau ada sumur di ladang  
Boleh saya menumpang mandi  
Kalau ada umur yang panjang  
Boleh saya menimba ilmu lagi.*

Insyaallah

5 Syaaban 1432 bersamaan 12 Oktober 2002

## **ABSTRACT**

The history of humanity has shown that "religion" is one of the importance factors in its development. In the West, academic discussion on the social function of religion has been going on for more than a century. Religion has been seen as a factor in the growth of rationalization in human civilization.

Among the scholars who discuss religion in detail is Max Weber, a German sociologist. In his famous book *"the Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism"* Weber claimed that Protestantism caused the growth of capitalism in Western Civilization. In that episode, Weber argued that the *"spirit of capitalism"* motivated the Western society to increase the human rationalization. It also led to the rise of the influence of secularism in Western civilization.

This thesis examines Max Weber ideas on Protestantism and its role on the rise of secularism in Western civilization, and attempts to assess the extent to which this view can be accepted.

## ABSTRAK

Sejarah perkembangan peradaban manusia memperlihatkan 'agama' sebagai satu faktor penting sama ada mempercepatkan atau meruntuhkan perkembangan peradaban tersebut. Dalam konteks peradaban Barat, perbincangan mengenai peranan agama telah bermula sejak berabad lalu. Agama telah menjadi satu subjek perbincangan dalam proses peningkatan rasionalisasi manusia bagi kebanyakan pembinaan tamadun-tamadun yang telah wujud.

Antara tokoh terkenal yang membincangkan peranan agama secara terperinci ialah "Max Weber", seorang ahli sosiologi Jerman. Dalam tesisnya *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism* contohnya Weber telah menemui perkembangan kapitalisme dalam Tamadun Barat. Perkembangan ini menurut Weber telah menimbulkan 'semangat kapitalisme' yang menjadi dorongan kepada masyarakat Barat untuk meningkatkan tahap rasionalisasi mereka. Malah dorongan daripada 'semangat kapitalisme' telah menyebabkan tersebarnya sekularisme dalam tamadun tersebut (Barat).

Sesungguhnya dengan itu tesis ini akan melihat "*Pandangan Max Weber Mengenai Peranan Protestantisme Terhadap Pembentukan Sekularisme Dalam Tamadun Barat*". Apakah tesis Weber mampu membuktikan perkembangan sekularisme disebabkan oleh Protestantisme ataupun sebaliknya

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
PENGAKUAN		i
DEDIKASI		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi

### 1 PENGENALAN

1.0	Latar Belakang Kajian	1
1.1	Objektif Kajian	5
1.2	Skop Kajian	7
1.3	Metodologi Kajian	8
1.3.1	Pengertian Metodologi	9
1.3.2	Metodologi Kajian Perpustakaan	9
1.3.3	Metodologi Pengumpulan Analisis Data	10
1.3.4	Pendekatan Historikal	12
1.3.5	Metode Histroografi	13
1.4	Cadangan Pembahagian Bab	14
1.5	Kesimpulan	15

<b>2</b>	<b>LATAR BELAKANG MAX WEBER DAN SEJARAH PERADABAN BARAT.</b>	
2.0	<b>Pengenalan</b>	<b>17</b>
2.1	<b>Latar Belakang Max Weber</b>	<b>17</b>
2.1.1	<b>Max Weber dan Pengaruhnya</b>	<b>19</b>
2.1.2	<b>Max Weber Sebagai Seorang Ahli Sejarah</b>	<b>23</b>
2.1.3	<b>Max Weber Sebagai seorang Ahli Sains Sosial</b>	<b>25</b>
2.1.4	<b>Max Weber Sebagai Seorang Ahli Sosiologi</b>	<b>26</b>
2.2	<b>Sejarah Ringkas Tamadun Barat</b>	<b>27</b>
2.2.1	<b>Ringkasan Sejarah Eropah</b>	<b>27</b>
2.2.2	<b>Zaman Pertengahan</b>	<b>29</b>
2.2.3	<b>Perkembangan Era Imperialisme</b>	<b>32</b>
2.3	<b>Sekularisme dan Agama</b>	<b>35</b>
2.3.1	<b>Pengertian Sekularisme</b>	<b>35</b>
2.3.2	<b>Agama dan Masyarakat</b>	<b>41</b>
2.3.3	<b>Agama dalam Tafsiran Barat</b>	<b>45</b>
<b>3</b>	<b>PROTESTANTISME DAN PERKEMBANGANNYA</b>	<b>54</b>
3.0	<b>Pengenalan</b>	<b>54</b>
3.1	<b>Protestantisme dan Perkembangannya</b>	<b>55</b>
3.1.1	<b>Reformasi Protestant</b>	<b>57</b>
3.1.2	<b>Kesan Reformasi Protestant</b>	<b>67</b>

<b>3.2</b>	<b>Kapitalisme dan Perkembangnya</b>	<b>71</b>
3.2.1	Definisi Kapitalisme	72
3.2.2	Prinsip dan Dasar Kapitalisme	74
3.2.3	Sejarah Perkembangan Kapitalisme	77
<b>3.3</b>	<b>Hubungan Antara Kapitalisme dan Sekularisme</b>	<b>80</b>
<b>4.</b>	<b>WEBER ; PROTESTANTISME PUNCA KEPADA SEKULARISME</b>	<b>86</b>
4.0	Pengenalan	86
4.1	Pandangan Weber Terhadap Etika Protestant	86
4.1.1	Perkembangan Protestantisme dalam Kebudayaan Masyarakat	87
4.1.2	Pengaruh Calvinistik dalam Pandangan Weber	90
4.1.3	Hubungan Protestantisme dan Kapitalisme dalam Pandangan Weber	93
<b>5</b>	<b>RUMUSAN KAJIAN</b>	<b>114</b>
5.0	Rumusan kajian	114
5.1	Hasil Kajian	114
5.3	Pandangan Penulis	130

# **BAB 1**

# **PENGENALAN**

## 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah tamadun Barat menyaksikan perubahan zaman bermula daripada Zaman Yunani Kuno, Zaman Gelap (Dark Ages), Zaman Pertengahan yang membawa kepada Zaman Renaissance dan Zaman Moden (Revolusi Saintifik). Perubahan zaman turut mempengaruhi pembentukan persekitaran masyarakat, terutamanya dari aspek agama dan kepercayaan yang membentuk corak kehidupan sesebuah masyarakat yang mana pada zaman Yunani Kuno, agama masih menjadi elemen penting dalam perkembangan tamadun Barat.

Namun, perkembangan Revolusi Saintifik pada abad ke 16 dan 17, mengubah tanggapan masyarakat Barat terhadap agama apabila ia mula diinstitusikan. Justeru, “penginstitusian agama”, menyebabkan menularnya pengaruh sekular secara besar-besaran hingga terbentuknya tamadun Barat moden yang dihasilkan oleh perkembangan sekularisme. Pembangunan pesat Barat dari sudut ekonomi, sains dan teknologi, juga keruntuhan moral yang berlaku dalam institusi-institusi sosial, ekonomi, politik dan pentadbiran kesan daripada gejala ini mendapat perhatian banyak pihak.

Walau bagaimanapun, pandangan yang lahir pada abad ke 19, terhadap pengaruh ini perlu diberi perhatian kerana ia seolah-olah menggambarkan punca menularnya pengaruh sekularisme dalam tamadun tersebut.

Pandangan ini datangnya dari Max Weber dan begitu hebat diperkata oleh golongan intelektual di dalam tesisnya yang bertemakan “Etika Protestant”. Di mana Weber berhujah bahawa Etika Protestant **adalah punca kepada pengaruh sekularisme dalam tamadun Barat.**

Sehubungan dengan itu, tajuk disertasi ini dipilih berdasarkan “ kajian lepas” yang dibuat ke atas pengaruh sekularisme dalam tamadun Barat. Memandangkan tiada lagi disertasi yang membabitkan pandangan tokoh ini terhadap sekularisme di Barat. Malah keberaniannya mengemukakan agama, yang merujuk kepada Protestantisme sebagai bertanggungjawab ke atas pembentukan sekularisme dalam tamadun Barat memberi tamparan hebat kepada Paus, golongan sarjana dan masyarakat, terutamanya tentang peranan agama dalam kehidupan manusia.

Buktinya penulisan tesis Weber yang terkenal iaitu *The Protestant Ethic* pertama kali diterbitkan dengan judul *Die Protastantische Etik Und Giest Des Kapitalismus* dalam *Archiv Fur Sozial Wissenschaft in Sozial Politics* pada tahun 1904-1905 ( Weber :1930) sangat popular di negara-negara Barat dan Timur. Objektif Max Weber dalam kajian sejarahnya ialah memahami budaya masyarakat kontemporari terutamanya kapitalisme moden.

Di dalam bukunya *The Protestant Ethic and Spirit of Capitalism* Weber menggunakan pendekatan “ideal types” tentang semangat kapitalisme dan Etika Protestant. Di mana dalam *The Protestant Ethic*, Weber menerangkan buat pertama kalinya permulaan kapitalisme. Disamping itu, bagi mengukuhkan kenyataannya Weber merujuk kepada tulisannya yang lepas tentang agama-agama dunia, *Agrarian sociology of Ancient Civilization, General Economic History* dan lain-lain.

Bagi melahirkan konsep kapitalisme, Weber membuat perbandingan antara mazhab Protestant dan Kristian dan agama-agama lain di dunia (Robertson:1997) seperti judaisme, Islam, Buddha, Hindu dan Falsafah seperti Toisme dan Confucianisme. Perbandingan ini adalah untuk menunjukkan tanggungjawab Etika Protestant terhadap pembentukan masyarakat kapitalis dan pengaruh sekular dalam tamadun Barat (Weber 1961:4)

Hasilnya Weber berhujah bahawa agama adalah penyebab kapitalisme bukan sebaliknya dan ia mempamerkan kekuatan sekularisme dalam tamadun Barat ketika itu. Weber, kemudian menggunakan pendekatan sejarah dalam mengkaji Etika Protestant di mana tumpuan diberikan pada zaman Reformasi Protestant. Weber juga melihat perbandingan Zaman Pra-pembentukan Katolik di Eropah dan Zaman Katolik Kuno terakhir.

Ternyata tesis Weber lebih bernilai daripada tesis ilmu sosial apabila apabila mencetus perbincangan ilmiah yang hebat dekad demi dekad. Buktiya di dalam setiap generasi selepas kelahiran tesis Weber, terdapat sebilangan tokoh yang membincangkannya. Nama-nama seperti Robertson, Fanfani Samuelson antara yang menolak tesis ini manakala Fischoff Bearling, Tawney dan Elton membicarakan hubungan langsung yang bersifat sebab dan akibat antara etika Protestant dan Kalvinisme di satu pihak , dan perkembangan kapitalisme di pihak yang lain.

Akibat daripada tesis Weber yang hebat, lahir pelbagai kritikan dan pandangan yang sentiasa berubah dari zaman ke zaman. Namun tidak ramai yang menyedari di sebalik keinginan dan kesungguhan mengkaji tesis ini, pengaruh sekularisme terus mengambil tempatnya dalam perkembangan peradaban masyarakat dunia.

Sehubungan dengan itu penulis merasakan adalah tanggungjawab besar bagi menghurai persoalan sekularisme dalam tamadun Barat. Oleh yang demikian, tajuk disertasi "*Pandangan Max Weber mengenai peranan protestantisme terhadap pembentukan sekularisme dalam tamadun Barat*" telah dipilih untuk melihat persoalan ini dengan lebih jelas.

## 1.1      **OBJEKTIF KAJIAN**

Pemilihan tajuk disertasi ini, diharapkan mampu mengisi kekosongan perbincangan tentang peradaban Barat di kalangan para sarjana, terutama terhadap sumbangsan tokoh yang dipilih. Menariknya, tesis ini akan meneliti peranan agama yang dianggap sebagai “candu” oleh masyarakat sekular Barat dan melihat peranan manusia dalam mengubah corak tamadun manusia itu sendiri .

Ini dijelaskan oleh tokoh yang dipilih iaitu Max Weber, di mana beliau memilih etika Protestant sebagai punca kepada sekularisme dalam tamadun Barat. Pada mulanya Protestantisme lahir dari gerakan yang bertujuan untuk menstrukturkan semula dunia. Iaitu protes sosial keagamaan terhadap kuasa Paus yang lebih kepada kepentingan diri terutamanya di Jerman. Namun keadaan ini mencetuskan perubahan sosio-budaya, politik, ekonomi dalam masyarakat Eropah (Barat dan Tengah ).

Dalam tempoh hingga akhir abad ke 17, perkembangan kapitalisme, Renaissance dan akhirnya kemutlakan krisis umum membawa kepada kemunculan krisis antara negara dan masyarakat sekaligus menyebarkan pandangan sekular dan ilmu pengetahuan Meskipun mereka menolak peranan agama , namun sebenarnya ia secara tidak langsung menunjukkan agama berperanan dalam menentukan hala tuju sesebuah bangsa.

Bagi memahami dan melihat kebenaran ini penulis juga akan membuat perbandingan dengan agama-agama lain di dunia, yang boleh menerangkan peranannya dalam membentuk tamadun dan peradaban yang tinggi. Secara ringkasnya objektif penulisan disertasi ini adalah seperti berikut;

- ✓ Memahami dan meneliti pandangan tokoh seperti Weber terhadap Protestant Ethic.
- ✓ Memahami sekularisme di dalam tamadun Barat serta melihat pengaruh keagamaan (protestant Ethic dan lain-lain) terhadap kesan sekularisme dalam tamadun Barat.
- ✓ Menilai pandangan tokoh ini atau sarjana terhadap hujah Weber ke atas kesan sekularisme dalam tamadun Barat.
- ✓ Membuat kesimpulan terhadap keseluruhan kajian.

Kajian ini diharapkan akan menjadi sumber rujukan kepada penulis dan generasi seterusnya terhadap kelahiran sekularisme dalam tamadun Barat. Malah penulis juga mengharapkan agar lebih banyak kajian seumpama ini dilakukan , ianya bukan sekadar untuk menambah pengetahuan, malah melihat tamadun dan peradaban Barat dari kacamata tokohnya sendiri. Ini kerana terdapat segelintir sarjana Barat yang mengakui agama, kepercayaan, tamadun dan peradaban Timur lebih tinggi dan bernilai daripada tamadun yang mereka ada sama ada secara sedar atau tidak.

## 1.2 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada pandangan Max Weber terhadap etika Protestant itu sendiri. Bagaimana Weber melihat etika Protestant punca kepada sekularisme dalam tamadun Barat terutama sekitar 1904-1905 yang berjaya menimbulkan perlbagai andaian dan menjadi perbincangan hebat. Bagi menjelaskan pandangan ini, kajian akan melihat kepada zaman sebelum Reformasi secara ringkas dan zaman Reformasi itu sendiri.

Kajian ini seterusnya melihat takrifan sekularisme itu sendiri untuk memahami pandangan Weber terutama selepas Reformasi Protestant. Bagi mengenali pengaruh sekularisme , penulis akan mengkaji tema utama dalam tesis Weber. Penulis juga akan melihat perbandingan yang telahpun diteliti Weber antara agama Protestant, Kristian dan agama dunia yang lain. Untuk memastikan pandangan terhadap hujah Weber seimbang, penulis juga akan meneliti sumbangan sarjana lain dalam tesis Weber. Sama ada mereka [golongan sarjana] bersetuju dengan pandangan yang dikeluarkan Weber atau sebaliknya. Kemudian, pandangan ini akan dihuraikan berdasarkan perubahan masyarakat Barat selepas Reformasi.

Seterusnya , penulis akan memberi ulasan/komen di bahagian akhir ini terhadap kajian yang penulis lakukan . Kesimpulan akan menjawab persoalan sama ada Protestantisme menjadi punca kepada sekularisme dalam tamadun Barat seperti pandangan Weber. Ia juga diharapkan memenuhi syarat disertasi bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Sastera (pengajian Peradaban) kepada penulis.

### 1.3 METODOLOGI KAJIAN

Bagi menghasilkan kajian yang bermutu, penulis menetapkan metodologi kajian seperti berikut ;

#### 1.3.1 Pengertian Metodologi

**Metodologi** – pertamanya berasal dari perkataan Yunani iaitu *methodos* yang bermaksud cara atau jalan dan keduanya *logos* yang bererti ilmu. Gabungan kedua-duannya menghasilkan metodologi yang lebih bermaksud sebagai ilmu yang berkaitan dengan cara atau kaedah.

Kamus Dewan menggariskan makna metodologi sebagai ilmu tentang metode dan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam membuat sesuatu kajian. (Dr.Teuku Iskandar 1994:11)

Keterangan-keterangan ini jelas menunjukkan pentingnya metode atau kaedah dalam membuat sesuatu kajian. Selain membantu ia juga dapat memastikan kajian tidak terkeluar dari asas perbincangan. Lebih sistematik, dan teratur sesuatu kajian dilakukan, ia akan menghasilkan kajian yang lebih berkualiti serta mencapai objektif yang ditetapkan.

### 1.3.2 Metodologi Kajian Perpustakaan

Memandangkan tajuk yang dipilih merupakan pandangan seorang tokoh abad ke 19, maka penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Dimana penulis akan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan sumber-sumber yang lain.

Penulis kemudian menggunakan kaedah pendekatan teks yang mengandungi tulisan-tulisan Weber, sama ada yang ditulis sendiri oleh tokoh tersebut ataupun sarjana lain. Namun begitu untuk menepati objektif kajian, penulis tidak akan tertumpu kepada sebuah buku sahaja, sebaliknya penulis akan memilih buku-buku yang berkaitan dengan kajian. Kajian teks kemudiannya akan membentuk bahagian pertama tesis yang berkaitan dengan latar belakang tokoh dan zaman yang dikajinya.

Kajian ke atas teks juga membantu penulis mengenalpasti kekuatan hujah tokoh dalam mengemukakan teorinya . Sementara itu, pandangan sarjana lain akan membantu penulis membuat penilaian terhadap pandangan tokoh dalam bahagian kesimpulan ini.

### **1.3.3 Metode Pengumpulan dan Analisis Data**

Setelah mengkaji teks yang berkaitan, penulis akan menggunakan kaedah pengumpulan dan analisis data untuk mendapatkan bahan kajian . Data-data yang merupakan fakta ini dikumpulkan dan dianalisis mengikut keutamaan dan kesesuaian kajian. Kaedah pemilihan atau analisis data ini terbahagi pula kepada beberapa bahagian ;

- a) Metode/ kaedah Induktif-; merupakan kaedah dimana kenyataan umum diutarakan dan disimpulkan melalui logic induktif ( mencari bukti hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil umum) iaitu kesimpulan berdasarkan faktafakta yang diperhatikan.
- b) Metode/kaedah Deduktif -; merupakan kaedah untuk membuktikan atau menafikan sesuatu secara logik. Iaitu berdasarkan pengetahuan yang dihasilkan melalui akal, ajaran agama dan kepercayaan mitos dan sebagainya.  
(Muhammad Kamlin 1986: 26-27)

- c) Metode/kaedah Komparatif-; merupakan kaedah menghasilkan kesimpulan melalui perbandingan data-data yang diperoleh dalam masa melakukan kajian dan penelitian. Dalam kajian ini kesesuaian metode komparatif ialah data yang digunakan akan dikumpul serta dibuat kesimpulan. Perbandingan ini berdasarkan kerangka teori-teori peradaban yang dikemukakan oleh sarjana terkenal seperti Arnold Toynbee, Ibn Khaldun, dan Syed Muhammad Naquib Alatas.

Kesemua kaedah ini akan menjadi rujukan penulis sewaktu menghasilkan teks kajian. Kebanyakkan buku yang digunakan adalah terjemahan kedalam Bahasa Inggeris, Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu.

### 1.3.4 Pendekatan Historikal

Bagi menampakkan kekuahan kajian, pendekatan historical merupakan kaedah yang terbaik. Ini kerana penulis perlu melihat zaman sebelum kemunculan tokoh dan zaman selepas penghasilan tesisnya. Tumpuan juga akan di berikan pada zaman Reformasi Protestant dalam sejarah Barat. Melalui pendekatan ini kita dapat melihat kesesuaian tokoh dengan zamannya.

Seterusnya, persoalan-persoalan yang menguji kekuatan tesis boleh diutarakan antaranya kaitan peribadi tokoh dan hasil kajiannya. Iaitu keterlibatan tokoh dengan negaranya, adakah hujah-hujah tokoh mengambilkira unsur-unsur sejarah dalam teorinya atau tidak. Seseorang yang menganggap sejarah hanyalah semata-mata peristiwa yang berlaku akan salah tafsiran jika melihat sejarah dari sudut terkini. Kaedah penting dalam situasi tersebut ialah dengan melihat kemungkinan (*possibilities*).

### 1.3.5 Metode Historiografi

Dalam kajian ini juga penulis akan menggunakan metode/kaedah historiografi [pensejarahan]. Menurut Ibn Khaldun, sejarah terbahagi kepada dua bahagian iaitu sejarah luaran dan sejarah dalaman. Sejarah luaran bersifat diskriptif

yang berisi fakta dan informasi politik sahaja. Tujuannya lebih menyenangkan sesiapa sahaja yang mengkajinya. Bahagian kedua, sejarah dalaman di mana mempunyai fakta tentang peristiwa sebenar yang kadang-kala tidak dicatat sejarah luaran. Tujuannya untuk melindungi sesebuah bangsa, negara dan politiknya. Ini diperjelaskan Dr Khoo Kay Kim (1922:20);

*"... sejarah perlu dipelajari secara kritis. Percubaan menentukan jawapan untuk setiap soalan di sekolah hanya akan melahirkan generasi yang naif.*

(Kamaruddin Salleh/ Ahmad Sunawari Sulong 1998:66)

Penulis merasakan kaedah-kaedah yang dipilih sangat sesuai dengan tajuk kajian. Kaedah ini mampu menjelaskan keadaan sebenar pandangan Weber terhadap etika Protestant dari sudut penulis sendiri. Kaedah-kaedah ini akan digunakan dalam keseluruhan kajian bagi menghasilkan kajian dan kesimpulan yang bermutu.

#### 1.4 CADANGAN PEMBAHAGIAN BAB.

Tesis ini akan dibahagi kepada 5 bab. Bab yang pertama merupakan pengenalan kepada kajian iaitu lanjutan daripada cadangan penyelidikan. Huraian lebih tertumpu kepada kajian yang merangkumi tajuk, matlamat, objektif, kaedah dan skop kajian.

Bab kedua akan menumpukan latar belakang tokoh yang dipilih iaitu Max Weber . Penulis akan melihat persekitaran hidup Weber sama ada ia menyumbang kepada penghasilan beliau terhadap tesis Etika Protestant ataupun sebaliknya.

Penglibatan Weber dalam bidang pembangunan intelektual seperti sejarah , sosiologi dan juga keagamaan. Malah dalam bab ini kita akan mendekatkan diri dengan ideologi Weber untuk memahami maksud penulisannya.

Bab ketiga, antara bab yang penting dalam penghasilan tesis ini. Bab ini akan menghuraikan situasi yang mendorong kepada tercetusnya Reformasi. Perkembangan Protestantisme selepas Luther dan era Reformasi yang lahir hasil dorongan Calvinisme. Bab ini akan memberi penjelasan kepada kita unsur kapitalisme yang lahir pada zaman tersebut.

Bab keempat akan menghuraikan persoalan yang menjadi tajuk tesis. Penulis akan mengupas tesis Weber yang iaitu The Protestant Ethic and Spirit of Capitalism, terutama tema tesis. Kemudian perbincangan akan tertumpu kepada agama-agama dunia yang lain seperti Islam, Confucius, Buddha, dan lain-lain. Meneliti dakwaan Weber terhadap gerakan sekularisme yang berpunca daripada kapitalisme (melalui protestant) dalam tamadun Barat.

Bab kelima dan terakhir merupakan kesimpulan yang dibuat oleh penulis setelah meneliti data-data dan fakta. Malah bab kelima akan menjadi satu aspek penilaian secara keseluruhan bagi , menyokong atau membangkang tesis yang lahir dari pandangan tokoh. Secara keseluruhan, perbincangan akan terikat kepada pandangan Weber itu sendiri.

## 1.5 KESIMPULAN

Perkembangan tamadun Barat banyak memberi sumbangan pemikiran yang lebih kreatif terutama kepada golongan intelektual. Melihat kepada perkembangan tamadun dan peradaban itu bukan sekadar melalui sejarahnya sahaja. Malah ia akan lebih jelas dan nyata sekiranya ia dikupas dan diperhalusi .

Kesesuaian metode/kaedah kajian banyak mempengaruhi sebuah kajian, sama ada mencapai matlamat ataupun tidak. Sekurang-kurangnya matlamat kajian akan lebih jelas dan penulis mempunyai garis panduan untuk menghasilkan teks yang lebih berkualiti.

Namun demikian, dalam meletakkan peradaban Barat sebagai tamadun yang lebih tinggi, para sarjana, golongan intelektual, pemimpin dan masyarakat menyedari adanya kekurangan dalam tamadun tersebut. Kekurangan ini pula lahir dari sentuhan sarjana yang cuba melihat sejarah dari sudut luaran. Namun akhirnya keunggulan peradaban Islam, menyekat kemaraan golongan ini menyebabkan mereka berusaha menutup kebenaran. Kesannya, agama terus dijadikan penghalang utama dalam membentuk kehidupan yang sempurna. Tanpa mereka sedari, mereka bukan sahaja menjerat diri mereka sendiri, malah negara, bangsa dan agama-agama mereka.

**BAB 2**

**LATAR BELAKANG**

**DAN**

**SEJARAH RINGKAS PERADABAN BARAT**

## 2.0 PENGENALAN

Bab ini akan menyentuh latar belakang tokoh iaitu Max Weber, yang penulis perolehi maklumatnya melalui hasil tulisan Weber sendiri atau melalui pandangan orang lain. Latar belakang Weber, dapat membantu penulis melihat keseimbangan penulisan Weber samada bersifat peribadi atau berdasarkan perkembangan tamadun Barat itu sendiri. Penulis juga akan menyentuh secara ringkas sejarah peradaban Barat untuk menjelaskan bilakah bermulanya tanggapan Weber terhadap peranan yang dimainkan Protestantisme sehingga membentarkan sekularisme menular dalam kehidupan masyarakat Barat sehingga hari ini.

### 2.1 LATAR BELAKANG MAX WEBER

Max Weber, merupakan satu nama yang cukup terkenal dalam dekad 1880an. Dilahirkan di Erfurt (Thuringia), Jerman iaitu pada 21 April 1864. Bapanya Max Weber Sr, merupakan seorang pakar undang-undang (jurist) dan penasihat perbandaran yang berasal daripada keluarga pedagang linen dan pengilang tekstil. Max Weber kemudian dibawa pindah oleh keluarganya di Berlin yang menjadi ibukota yang berkembang pesat di bawah pentadbiran Bismark (Donald G. Mac Rae 1974:18)

Di sinilah bapanya menjadi ahli politik yang kaya dan aktif dalam majlis perbandaran. Beliau juga penyokong Parti Liberal berhaluan kanan yang dipimpin oleh Benningson. Weber tinggal di persekitaran yang didiami oleh golongan elit yang terkenal, iaitu di Charlottenberg di pinggir Berlin. Persekitaran inilah yang membantu perkembangan pemikiran beliau, terutama melalui interaksi dengan masyarakat Sekeliling. Di sini juga Weber mula mengenali nama-nama seperti Dilthey, Mommsen, Julian Schmidt, Sybel, Treitschke dan Friedrich Kapp. (H.H Gerth dan C.Wright Mills 1969:3)

Sementara itu ibu beliau iaitu Helena Fallestien Weber, adalah seorang wanita berpendidikan dan seorang penyokong Liberal yang berfahaman Protestant. Helena melahirkan enam orang anak dan dua daripadanya meninggal semasa bayi. Helena telah diajar subjek humanis oleh Gervenus. Pengetahuan yang diperolehinya menyebabkan Helena bersimpati dengan kesengsaraan yang dihadapi masyarakat kelas industri.

Namun demikian Helena tidak berkongsi samada fahaman ataupun semangat kemanusiaan dengan suaminya. Kedua-dua mereka hidup dengan pendapat yang berbeza menyebabkan hubungan mereka renggang ketika Max Weber meningkat dewasa. Kesan daripada prinsip tersebut Weber terpaksa bergelut untuk membina pandangannya sendiri. Namun dalam tempoh tersebut pengaruh ibunya lebih

terserlah. Helena meninggal pada 1919 dan sehingga akhir hayatnya hubungan Helena dan Weber begitu rapat. Ini terbukti melalui surat yang dikirimkan, panjang, rapat (intimate) dan intelek dengan Weber. Kesan daripada pengaruh Helena dapat dilihat dalam penulisan Weber yang pertama iaitu "*Roscher and Knies and Logical Problem of Historical Economics*" (Randall Collins 1986:33) selepas beliau sembuh daripada serangan penyakit mentalnya.

### 2.1.1 Max Weber dan Pengaruhnya

Meskipun kehilangan ayah dan ibu dalam usia muda, Weber berjaya menjadi seorang yang terkenal melalui hasil pemikirannya. Donald C. Mac Rae memberikan empat faktor yang mempengaruhi reputasi Weber. Pertamanya agak kasar untuk diperkatakan tetapi didapati sekitar tahun 1960an, merupakan gaya atau fesyen (stail) di kalangan wartawan untuk memilih atau menonjolkan karisma individu yang berkuasa dan menarik dalam dunia politik, hiburan, dan seni kepada orang awam. Contohnya John F. Kennedy, Kwame Nkrumah, dan The Beatles di antara yang dikelaskan sebagai mempunyai personaliti yang karismatik.

Namun perkataan ini tidak popular lagi dalam era 70an, tetapi ramai yang berpendapat Weber layak mendapat perhatian melalui karisma yang ada pada dirinya. Bagaimanapun Weber memetik kata-kata dari teologi yang menjelaskan ;

*“untuk memiliki karisma perlu mendapat anugerah dari tuhan seperti kata Saint Thomas Aquinas, dalam ghaib merupakan anugerah untuk manusia dari tuhan”*

(Donald G Mac Rae 1974;12-13)

Dalam analisis Max Weber tentang karisma, kita akan melihat hubungan erat fenomena ini dengan apa yang disebut Durkheim sebagai hal yang suci dan hal yang kudus (the holy) oleh Otto. Dalam Karisma kita melihat satu titik kritis yang pasti akan ada dalam dunia “Sehari-hari”, iaitu sesuatu yang erat berhubungan dengan seseorang yang luar biasa dan mendatangkan kewajipan. Weber mambatasi karisma sebagai:

*“...Suatu kualiti tertentu dalam keperibadian seseorang dengan mana dia dibezaikan dari orang biasa dan diperlakukan sebagai seseorang yang memperolehi anugerah kekuasaan ...”*

(Donald G Mac Rac 1974;12-13)

Karisma bukanlah sebahagian dari perintah semulajadi, juga bukan bersifat kebendaan samada kepada dunia atau masyarakat. Oleh yang demikian adalah tugas ahli sosiologi, cuba memahami dengan lebih mendalam dari maksud sederhana konsep sains sosial dan bantuan pendidikan. Bagaimana mereka mendapatkannya atau gagal mendapatkannya bukanlah menjadi persoalan yang menarik. Ini meletakkan Weber dalam perhatian masyarakat intelek.

Kedua, adalah keupayaan Weber membicarakan hal-hal metafizik seperti karyanya *the Protestant Ethic* melalui pandangan yang begitu baik dalam pemikiran moden. Seseorang yang tidak biasa dengan perkembangan pantas ekonomi Jepun, Singapura dan Hong Kong, yang lebih mengenali Kristianiti daripada Protestantisme tetapi mampu memberikan pandangan yang bernalas, yang tidak dapat dilihat sarjana lain. Sehingga hasil tulisannya digunakan sebagai teks sekolah di British untuk menerangkan Revolusi Industri abad ke 18 dan kaitannya dengan Etika Protestant.

(Donald G Mac Rae 1974:12-13)

Faktor ketiga ialah kesan daripada kunjungan kerap orang ramai ke perpustakaan Weber di mana, buku-bukunya yang tebal dan suram di tempatkan. Ternyata hasil Weber sukar difahami[ perlukan perhatian dan pemahaman] samada dalam Bahasa Jerman, Bahasa Inggeris atau campuran Bahasa Jerman dan Perancis. Contohnya “*la historischer kausalzusammenghang*” . Namun begitu, pemikiran Jerman dalam dunia pendidikan bukan sahaja sangat menakjubkan malah menggerunkan. Weber pula berada dalam katogeri ini, di mana jika hasil tulisannya tidak di baca seseorang itu akan kekurangan ilmu pengetahuan dan kabur terhadap apa yang berlaku. Malah hasil tulisan Weber dianggap sebagai pemangkin kepada “industri Weber” [industri teori dan hasil penulisan Weber]

Akhir sekali , faktor yang mengangkat reputasi Weber di dalam peradaban Barat. Jika kita lihat abad ke 19 awal dan abad ke 20, metode sejarah menjadi begitu penting di Barat. Contohnya Darwinisme dengan sejarah biologinya dan Freudanisme dengan sejarah psikologinya. Hingga penghujung abad ke 20, sosiologi mengambil alih metode tersebut. Manakala dalam bidang sosiologi itu pula, Weber bertindak sebagai peneraju dan bapa sosiologi. Malah Weber juga digelar “sosiologist par excellence”. Ternyata keempat-empat faktor ini banyak membantu Weber meningkatkan reputasinya.

Namun pandangan mahupun anugerah yang diberikan kepada Weber tidak akan terbukti sekiranya tidak disokong oleh sifat beliau sendiri. Bukan sahaja sebagai seorang yang pakar dalam bidangnya malah seorang yang sentiasa menghadapi cabaran malah menerima kritikan atas teori yang dikemukakannya.

Max Weber menyambung pendidikan dalam bidang undang-undang di Universiti Heidelberg. Beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan dengan pengaruh bapanya Weber diterima masuk ke *dueling fraternity* (H.H Gerth Mills & C.Wright Mills 1958:6-7). Di sinilah Weber berusaha mengikis perasaan malu dan tidak yakin yang ada dalam dirinya. Beliau kemudian menyertai pasukan tentera pada usia 19 tahun dan menyambung kembali pelajarannya ketika berusia 20 tahun di Berlin dan Geottingen.

Apabila tamat pengajiannya Weber kemudian dilantik sebagai Profesor ekonomi di Universiti Heidelberg (1879-1899). Sekali lagi Weber terpaksa bersara kerana gangguan saraf (nervous disorder). Weber pulih pada tahun 1902 dan beliau menulis sebuah buku yang hebat iaitu hubungan antara Calvinisme dan Kapitalisme pada tahun 1904 (Max Weber 1976;10-11).

Walaupun menghadapi masalah mental yang serius, Weber tetap mampu menghasilkan pandangan yang bernalas melalui pemikirannya dan teori Weber masih menjadi perbahasan hingga hari ini. Max Weber melengkapkan dirinya dengan berbagai cabang ilmu sebelum mengutarakan pemikirannya. Ini merupakan usahanya untuk mendekatkan diri dengan masyarakat. Kelebihan ini juga antara penyebab Weber disanjungi dan pandangannya dihargai hingga ke hari ini. Malah Weber mendalamai ilmu sejarah, sains sosial, dan sosiologi sebelum menghasilkan teorinya.

### **2.1.2 Max Weber Sebagai Seorang Ahli Sejarah.**

Bagi mengkaji perkembangan undang-undang, agama dan masyarakat, Max Weber juga bersedia menjadi seorang ahli sejarah. Menurut Weber persoalan tentang permulaan dan akibat daripada rasionalisasi pemikiran manusia hanya boleh diperolehi jawapannya melalui sejarah sejagat (universal history). Weber meminjam istilah “Proses Rasionalisasi” yang berasal dari Kant dalam bukunya *Essay on*

*Universal History*. Baginya sejarah adalah kaedah untuk mencapai kesedaran yang jelas bagi mengetahui realiti matlamat hari ini . Beliau menganggap apa yang berlaku pada masa lepas (the past) adalah sesuatu yang lain yang berlaku pada hari yang sama (*another present*).

Melalui situasi ini Weber melihat gambaran jelas tentang sejarah dan keadaan sebenar. Namun seseorang yang menganggap sejarah hanya semata-mata peristiwa yang telah berlaku tidak boleh tidak akan menyalah tafsirkannya kerana melihat sejarah dari sudut terkini. Oleh itu, metode yang penting dalam pendekatan ini ialah penggunaan kemungkinan (possibilities) , dan untuk menemui kemungkinan adalah melalui perbandingan. Beliau dalam kajiannya membandingkan perkembangan di China, India dan Barat. Kerana itu, kajian Weber menyeluruh terhadap sejarah dunia yang lebih dikenali sebagai sejarah sejagat (Karl Jasper, Leonardo, Descartes 1964:230).

Pendekatan sejarah yang digunakan Weber tidak jauh bezanya dengan pendekatan sejarah Ibn Khaldun (1382-1406). Di mana sejarah dilihat secara luaran dan dalaman untuk memahami peristiwa sebenar di sebaliknya. Pendekatan sejarah juga membantu Weber mengukuhkan hujahnya terhadap peranan yang dimainkan oleh Protestantisme dalam tamadun Barat.

### 2.1.3 Max Weber Sebagai Seorang Ahli Sains Sosial.

Mengukuhkan lagi kajiannya, Weber melengkapkan dirinya sebagai seorang ahli sains sosial di mana beliau mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap metode sains tabii dan kemanusiaan. Selain mempunyai pendidikan dan latihan dalam bidang undang-undang, Weber juga mempelajari agama dan arif tentang selok-belok sejarahnya. Sama ada sejarah dahulu atau semasa. Weber meletakkan manusia sebagai “objek” kajiannya di mana persoalan dan perkembangannya boleh ditentukan oleh keadaan, yang boleh diketahui dan hasil perbuatannya adalah sesuatu yang berbeza daripada yang dihajati.

Kajiannya juga ada kepastian yang boleh difikirkan oleh manusia, menyiasat sebab dan akibat yang hanya boleh diketahui secara relatif dalam konteks yang khusus. Hasilnya, usaha saintifik beliau nampak berselerak (*disperse*) walaupun semuanya berhubung dengan satu idea iaitu kesedaran (*realization*).

### 2.1.4 Max Weber Sebagai Seorang Ahli Sosiologi.

Bagi Max Weber kajian saintifiknya merupakan aplikasi tulen tentang pemikiran realistik moden ke atas keseluruhan kewujudan manusia. Kepastian ini menurut Weber adalah setanding dengan pencapaian sains tabii dan matematik. Weber menggelarkannya sains sosiologi di mana sosiologi dianggap sebagai sains

empirikal yang tidak boleh memasukkan semua perkara. Oleh itu beliau membataskannya kepada kajian subjektif perbuatan manusia yang bermakna dan selagi ianya mengambil kira tingkah laku orang lain. Kesemua kebolehan yang ada dalam dirinya digunakan oleh Weber untuk menghasilkan tulisan-tulisan dan kajiannya.

Jelas, meskipun menghadapi keretakan keluarga Weber tidak menjadikannya sebagai alasan untuk gagal dalam hidup. Malah ibu menjadi pendorong utama dalam pembangunan kerier Weber selain daripada usahanya yang kuat. Kesemua faktor ini saling berkait menyebabkan Weber mempunyai pandangan yang sangat luas terutama yang berkaitan dengan masyarakat. Kerana itu teori-teori Weber sentiasa hangat diperbahaskan setiap generasi.

## 2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN TAMADUN BARAT.

Sejarah Perkembangan tamadun Barat, terlalu luas jika ingin dikupas secara terperinci. Bermula dengan zaman Pra Socrates hingga kini, perkembangan politik, ekonomi, sosial, yang merangkumi konflik agama dan kemunculan aliran saintifik, sangat luas dan memerlukan masa untuk menghuraikannya. Oleh kerana itu dengan itu penulis memilih sejarah perkembangan tamadun Barat yang berlangsung sekitar

abad ke sepuluh (10) hingga ke zaman Reformasi bersesuaian untuk menghuraikan tajuk tesis.

### 2.2.1 Ringkasan Sejarah Eropah.

Hasil tulisan Weber , terutama tesis-tesisnya banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran selain daripada faktor keluarga. Terutama keadaan yang tidak menentu di Eropah ketika era Imperialisme. Faktor ini dikaitkan pula dengan keadaan yang berlaku dalam setiap zaman. Dilihat dari sudut sejarah, perkembangan pemikiran politik, negara dan hukum di Eropah bermula sejak kedatangan agama Kristian yang di istiharkan oleh “*Caisar Constantine*” (313M).

Kehadiran agama Kristian menyebabkan kepercayaan kepada tuhan telah berubah. Tuhan telah menukar hak milik (kekuasaan bumi) kepada manusia sebagai amanah suci supaya manusia boleh menjalankan amanah yang diberi. Tuhan memberi hak kepada manusia supaya menguruskan hal-hewal dunia mengikut hukumNya, oleh itu kerajaan yang dianggap sebagai suatu sistem paksaan dan hukuman perlu untuk membersihkan orang ramai kerana dosa asal yang dilakukan oleh Adam a.s (Muhammad Kamlin 1986:59).

Ajaran Kristian mula di sebarkan oleh para mubaligh sebagai satu doktrin. Keadaan ini menyebabkan Weber mengkhususkan sifat agama Kristian sebagai *urban*. Ianya berkembang di kalangan rakyat bermula dari zaman Kuno, zaman Pertengahan dan zaman Puritanisme. Namun menurut Weber lagi, betapa tajam sekalipun pengaruh sosial yang diakibatkan oleh aspek politik maupun ekonomi, tetapi pada etika agama dalam kes tertentu, ia harus mempunyai pengesahan daripada sumber agama, terutama dari segi ajaran ataupun doktrinnya (Hgerth & Wright Mills 1946:267-87).

Selepas itu muncul konsep kerajaan dan diikuti konsep institusi yang dikenali sebagai Gereja . Di mana ia mempunyai satu badan yang bertanggungjawab dan berkuasa menjaga akhlak manusia di setiap negara. Ketika inilah kedua-dua lahir sebagai pihak berkuasa. Pertamanya kerajaan , bertanggungjawab menjalankan tugas yang bersifat sekular atau dunia ni manakala Gereja menjaga hal ehwal rohani dan susila rakyat.

Namun demikian, Gereja ternyata memonopoli kuasanya terhadap negara. Antara bukti yang ketara adalah dalam bidang ekonomi, Gereja telah menjadi salah satu penyokong paling penting dalam struktur ekonomi yang wujud. Bahkan sikap dogmatik Gereja menjadikan keadaan huru-hara dalam kerajaan dan kekuasaan negara.

### 2.2.2 Zaman Pertengahan.

Zaman Pertengahan merupakan era penting untuk dilihat dalam kajian ini kerana setiap peristiwa yang berlaku dalam zaman ini banyak menyumbang kepada terhasilnya tesis Weber. Dalam tempoh 700 tahun, zaman ini mengalami perubahan sistem pemerintahannya. Bermula dengan pemerintahan Charlemagne (800 masihi) hingga ke gerakan islah (Reformasi) dalam Gereja Kristian hampir penghujung abad ke 15.

Intisari masyarakat zaman Pertengahan didapati dalam pembahagian kelas yang berpunca daripada struktur *latifundia* Rom selepas zaman keagungannya. Menurut Muhammad Qutb (Badrul Hisham Hassan 1993;811)

*"sebagai contoh di Eropah, zaman Pertengahan terdapat tiga kelas atau golongan khusus; bangsawan, pendeta dan rakyat biasa.*

Dalam zaman ini kuasa Gereja sama besar, malah kadang-kadang bertentangan dengan kuasa raja dan maharaja. Pertentangan ini menyebabkan lahirnya sistem feudal. Rampasan tanah oleh penjajah yang kemudiannya menjadi raja; dan pemberian tanah (geran) oleh raja kepada penyokong lama dan penyokong baru adalah penyebab timbulnya sistem ini. Walaupun sistem ini berbeza mengikut tempat namun cirinya masih sama.

Namun persolannya apakah yang menyatukan masyarakat zaman Pertengahan. Hampir semua penulis sejarah yang menulis tentang zaman ini bersetuju dengan dua prinsip utama yang menjadi dasar kepada pemikiran politik dan masyarakat ketika itu. Prinsip pertama (1) ialah; seluruh masyarakat masih itu wujud di bawah dan juga tertakluk kepada Gereja dan kedua, kesemua manusia hendaklah terima kekuasaan dan undang-undang dalam masyarakat tersebut.

Jelasnya pada zaman Pertengahan ini, dari aspek sekularnya Gereja menjadi salah satu penyokong paling penting bagi struktur ekonomi yang wujud. Harta tanahnya yang semakin banyak meletakkan Gereja sebagai kuasa feudal tertinggi. Idea ekonomi dan politik merupakan sebahagian ajaran dogma Kristian, namun ia masih tidak mencukupi. Adanya pendapat berbeza banyak mempengaruhi perkembangan sistem pemerintahan seterusnya.


Tekanan dalam bidang ekonomi melahirkan pelbagai teori, namun ternyata agama Kristian memainkan peranan penting dalam pembentukan teori-teori ini. Contohnya idea ekonomi yang menjadi sebahagian moral agama Kristian, di mana doktrinnya menggabungkan ajaran Kitab Injil dan Paderi Kristian Awal dengan ajaran Aristotle. Walaupun jelas gabungan etika ekonomi ini bukanlah satu perkara yang mudah namun ia tidak runtuh sehingga institusi tersebut runtuh dengan sendirinya apabila lahir ekonomi baru.

Ini menunjukkan aktiviti ekonomi, sosial dan politik itu telahpun ditentukan. Meskipun mereka berpegang kuat kepada kepercayaan teologi namun akibat pengaruh sekularisme, kepercayaan tersebut akhirnya terhakis. Bermulanya pengubahsuaian teori riba, teori harga adil dan sistem bunga, kemudian lahir sistem kapitalisme , sekularisme mengambil alih kepercayaan teologi dalam Peradaban Barat sehingga ke hari ini (Eric Roll1907:23-25).

### 2.2.3 Perkembangan Era Imperialisme

Era Imperialisme bermula sejak abad ke 16 iaitu permulaan bagi zaman moden. Dalam tempoh abad ini juga bermula zaman pembaharuan (Renaissance) yang juga dikenali sebagai zaman keemasan (Golden Age). Secara etimologinya, Renaissance [dalam bahasa Perancis] berasal dari istilah Re [yang bererti kelahiran kembali] dan Naitre [bererti lahir] kemudiannya membawa maksud “*kelahiran kembali*” (Ahmad Suhelmi M.A 1999; 84).

Dalam konteks sejarah Barat , istilah ini merujuk kepada kebangkitan kembali minat yang besar dan mendalam terhadap kekayaan warisan Yunani dan Romawi kuno dalam pelbagai aspek dan zaman keislahan (*Reformasi*) . Antaranya pembaharuan kebangkitan semula tradisi budaya manakala zaman keislahan adalah satu perkembangan [bantahan] yang berlaku di kalangan agama masih untuk membersihkan ajaran agama itu sendiri (Muhammad Kamlin 1986;75).



Gerakan Renaissance awal lahir di Itali, khususnya di Milan dan Florence. Antara gerakan keislahan yang terkenal ialah Reformasi Protestant, yang berjaya nencabar beberapa andaian dan pegangan pokok yang telah membentuk sikap Gereja Katolik pada zaman pertengahan, terutama terhadap pekara duniawi atau sekular yang melibatkan agama, politik, negara dan kerajaan. Reformasi ini bermula di Jerman akhir abad ke 15 sehingga kelahiran zaman moden. Pada era ini pemisahan antara Gereja Katolik dan urusan-urusan kerajaan menampakkan hasil.

Antaranya gagasan kekuasaan yang ditonjolkan oleh Machiavelli. Mempertahankan kekuasaan seperti yang dilakukan oleh Hitler dan Mussolini. Bahkan gagasan ini juga dari segi sejarah memutuskan hubungan masa kini dan masa lalu yang merupakan satu daripada ciri penting zaman Renaissance (Ahmad Suhelmi MA 1999:103-103).

Cendikiawan seperti Darwin, Karl Marx, Spinoza, Voltaire dan ramai lagi berlumba-lumba untuk mencipta teori, falsafah dan ilmu pengetahuan yang seboleh-bolehnya bertentangan dengan ilmu Gereja Zaman Pertengahan. Darwin contohnya mencipta “teori Evolusi” yang menolak doktrin “Kreasionisme” (creationism) yang diajar kitab suci Gereja. Manakala lahir kapitalisme perdagangan dan teorinya tentang kebangkitan kapitalisme dikenali sebagai merkantalisme. England contohnya telah mengalami kemajuan kapitalisme.

Kehidupannya yang serentak dengan keadaan yang tidak menentu era Imperialisme menyebabkan Weber sering berfikir tentang hubungan antara kapitalisme, dan nilai-nilai yang dipegang sebagai seorang borjuis dan sebagai seorang Jerman. Beliau kemudian menekankan hubungan rapat antara borjuis, kapitalisme dan rasionalisme.

Jelas, Weber masih beranggapan bahawa generasi baru seringkali menginterpretasi kembali ajaran dan perjanjian ini dalam bentuknya yang dasar. Interpretasi semula ini bertujuan untuk menyelaraskan wahyu dengan keperluan komuniti, di mana menurut Weber ia setidak-tidaknya menyesuaikan doktrin agama dengan keperluan agama (Roland Robertson 1997:8). Max Weber mempunyai matlamat, iaitu untuk membangunkan satu set penulisan yang mempunyai keseluruhan konsep yang bebas nilai dan penerimaan rasional terhadap kajian tentang masyarakat untuk mengambil alih konsep tradisional.

Secara keseluruhannya zaman Renaissance merupakan zaman yang dianggap sebagai titik permulaan (*starting point*) kegemilangan peradaban Eropah. Ini kerana pencapaian yang tinggi dalam bidang seni, falsafah, sastera, sains, politik, pendidikan, perdagangan dan agama dapat dilihat dalam konteks yang luas. Melalui kebangkitan ini juga manusia di Barat khususnya berjaya menghidupkan kembali alam fikiran, yang kemudian disesuaikan dengan struktur dunia moden. Kelahiran

ideologi seperti hedonisme, naturalisme dan individualisme yang tidak hanya tertumpu kepada dunia moden semata-mata malah mereka juga kembali kepada karya Romawi kuno.

Akhir sekali kebangkitan *humanisme* sekular yang mengubah fikiran manusia daripada paksi teosentrik [dikawal oleh agama] kepada antroposentrik [dikawal oleh manusia itu sendiri]. Bermula dari perkembangan inilah Weber mula menghasilkan satu siri kajian tentang perkembangan undang-undang, agama dan masyarakat. Hasilnya lahir satu sejarah rasionalisasi dalam politik, agama, ekonomi dan institusi undang-undang manusia. Tesis Weber boleh dilihat dalam empat bentuk seperti berikut; Protestant Ethic (PE), the Spirit of Capitalism (SC), Modern Western Capitalism (MWC) dan the Economy and Society (ES), di mana menurut Weber kesemuanya mempunyai sebab dan akibat (Michael H. Lessnoff 1994:2).

## 2.3 SEKULARISME DAN AGAMA.

Setelah memahami fasa pembahagian zaman Barat, penulis akan menghuraikan pengertian sekularisme yang menjadi tema tesis Weber. Penulis juga akan menyentuh sedikit tentang agama yang begitu penting dalam membincangkan kesan daripada pandangan tokoh. Pengertian serba ringkas tentang sekularisme dan agama ini diharapkan dapat membantu sesiapa sahaja memahami tesis ini dengan lebih jelas.

### 2.3.1 Pengertian Sekularisme.

Perbincangan tentang sekularisme sememangnya mendapat tempat di kalangan sarjana dari abad ke abad. Namun pengertian atau maknanya tetap sama walau dalam konteks yang berbeza. Menurut Syed Muhammad Naquib Alatas, perkataan sekularisme ini bermula dari Barat iaitu daripada masyarakat Kristian di Barat. Sekularisme asalnya dari perkataan *secular* di mana dalam bahasa latinnya *saeculum*. Ia membawa dua makna iaitu masa dan tempat.

Masa merujuk kepada sekarang atau sedang berlaku. Manakala tempat merujuk kepada dunia atau dunia keseluruhannya. *Saeculum* pula merujuk kepada usia sekarang atau masa sekarang, iaitu kepada peristiwa yang berlaku di dalam dunia ini dan juga peristiwa semasa. Ini bermakna sekular merujuk kepada masa

khusus atau jangkamasa dalam pandangan dunia seperti proses sejarah (Syed Muhammad Naquib Alatas 1981;14). Manakala menurut Kamus Dewan sekularisme di definisikan sebagai;

*"Fahaman , (doktrin, pendirian dan sebagainya) yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan yang tidak bersangkutan dengan agama (seperti pentadbiran awam dan lain-lain)"*

(Kamus Dewan Edisi Baru .DBP1994;1137)

Lebih mudah difahami penjelasan oleh Muhammad Uthman El-Muhamady iaitu sekularisme bermaksud sesuatu itu menjadi milik dunia sekarang sahaja, dan tidak berhubung dengan ajaran agama atau urusannya. Ia juga digunakan dengan pengertian negetif untuk menunjukkan sesuatu itu tidak bersangkutan dengan Gereja, agama ataupun tidak kudus dan sakral.(Muhammad Uthman El-Muhamady 1976:239).

Malah sekularisme juga didefinisikan sebagai satu sikap yang menentang pengaruh agama dalam kehidupan masyarakat. Sekularisme antaranya cuba menjadikan agama sama tarafnya dengan pelbagai persatuan sosial dan budaya masyarakat, tanpa pengaruh keatas negara dan bangsa. (Franz Magnis 1996;67-68).

Melalui definisi ini , sekularisme boleh difahami sebagai satu sikap anti agama yang menghalang agama daripada mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Berbeza dengan sekularisasi yang bermaksud menjadikan sesuatu itu sekular melalui pemisahan antara hubungan Tuhan dan manusia. Sekularisasi hanya meletakkan Allah hanya sebagai pencipta dan manusia bertindak sebagai pengurus alam. Ini bermakna manusia bebas melakukan apa yang merekakehendaki sebagai tanggungjawab yang dimanaikan Tuhan. Malah perbezaan sekularisasi dengan agama tradisional ialah penolakan amalan ghaib yang dipercayai mempunyai hubungan erat terutama antara alam dan manusia.

Kerana itu sekularisasi akhirnya mengakibatkan pemisahan antara negara dan agama tetapi bukan atas dasar anti agama. Jika ditujukan kepada seorang manusia pula ia bermaksud menjadikan seorang manusia itu tidak berminat menjayakan hidup yang penuh rohani atau keagamaan, tetapi menjadikannya sebagai pengejar duniawi semata-mata (Muhamad Uthman El-Muhammady 1976:240)

Kebanyakan daripada sistem pemerintahan yang mengalami proses sekularisasi ini masih memberi perhatian kepada perkembangan agama, mengadakan dialog antara agama, kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya tetapi menegaskan

bahawa negara tidak bertanggungjawab untuk menguruskan agama, berpihak atas agama tertentu atau takut kepada agama tertentu. Sedangkan sikap sekularisme ialah satu sikap anti agama, bukan bermaksud menolak kepercayaan beragama sebaliknya menolak agama yang berkepentingan kepada suatu pihak sahaja.

Namun begitu, kelahiran sekularisme dalam tamadun Barat boleh dianggap sebagai punca kepada proses sekularisasi dalam tamadun Barat. Manakala punca perkembangan sekularisme adalah Reformasi Protestant yang akhirnya mengubah persepsi masyarakat terhadap agama dan seterusnya membenarkan proses sekularisasi sehingga kini. Kerana itu sekularisme dan sekularisasi mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya merupakan ciri-ciri rasionalisme yang meletakkan akal budi manusia di tempat yang pertama. Paling penting kaitan antara ketiganya ialah menjadi antara penyebab berkembangnya pandangan antroposentrik yang menolak sama sekali pandangan teosentrik dalam tamadun Barat khususnya dan dalam kehidupan manusia sejagat amnya.

Melalui definisi ini , sekularisme boleh difahami sebagai kehilangan dunia daripada agama dan pemahaman agama untuk memahami diri sendiri. Kemuncak penyebaran sekularisme dapat dilihat selepas Reform Bill 1832 yang berlaku di England. Kelahiran sekularisme sebagai ideologi dan fahaman meresapi kehidupan masyarakat Barat menimbulkan banyak persoalan, terutamanya dari aspek sosial yang memperlihatkan kepincangan sistem tersebut dalam masyarakat Barat.

Begitu juga dari aspek kehidupan yang lain malah pengaruh ini tidak berhenti di Barat sahaja, sebaliknya menular ke dalam tamadun –tamadun lain termasuk tamadun Timur. Secara tidak langsung, sekularisme menggalakkan pengikisan amalan agama dalam kehidupan seharian tanpa disedari manusia. Proses penduniawian ataupun sekularisasi sangat membantu perkembangan ideologi atau fahaman sekularisme ini.

Max Weber melihat pemisahan agama atau pengaruh sekularisme ini disebabkan oleh agama itu sendiri. Di mana Weber kelihatan meletakkan kesalahan ke atas agama dalam membentuk dan memimpin masyarakat yang sempurna [kehidupan yang ideal]. Malah dalam tamadun Barat sendiri Weber beranggapan ia adalah kesan daripada gerakan Protestantisme. Weber melalui pandangannya menegakkan teorinya iaitu Protestantisme sebagai punca kepada sekularisme. Iaitu sikap anti agama terhadap monopoli Gereja seawal abad ke 13 oleh gerakan Protestantisme secara tidak langsung melahirkan pengaruh (sekularisme) ini.

Weber menegakkan bahawa Protestantisme menyebabkan berlakunya pemisahan agama dalam jiwa manusia di Barat dan kepentingan kehidupan dunia mengambil alih kepentingan agama. Hujah Weber berdasarkan situasi sebelum kelahiran sekularisme di mana meskipun masyarakat Barat bekerja keras namun mereka tetap patuh kepada undang-undang dan peranan Gereja sebagai pemimpin. Masyarakat Barat bekerja keras untuk mendapat kebahagiaan sedangkan hasil usaha mereka di monopolii oleh kuasa Gereja. Tambahan pula para Paus dan pemimpin

Gereja menggunakan doktrin dan melakukan perbuatan tidak bermoral sewenang-wenangnya. Sehingga Protestantisme membantah secara besar-besaran.

Namun sahaman Protestant ini akhirnya melahirkan sekularisme yang tanpa sedar menolak fungsi keagamaan. Sehingga melahirkan masyarakat Barat yang bebas daripada cengkaman Gereja dan kemudian berkembang sehingga lahirnya masyarakat moden bersama pengaruh sekularisme dan sekularisasi.

Weber seolah-olah mengandaikan bahawa pengaruh sekularisme itu tidak akan lahir tanpa Protestantisme. Namun andaian Weber ini ditolak oleh beberapa sarjana Barat yang mengatakan masih ada sebab lain yang menyebabkan menularnya pengaruh sekularisme. Tetapi Weber menguatkan hujahnya dengan melihat peranan yang dimainkan oleh agama-agama lain di dunia. Perbandingan antara agama-agama ini dan pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat tamadun tersebut untuk menjelaskan bagaimana Protestantisme bertindak sebagai punca kepada sekularisme hanya di dalam tamadun Barat.

### **2.3.2 Agama dan Masyarakat.**

Perlembagaan agama dengan orientasi yang khusus merupakan proses dua muka. Dalam tulisan Thomas F.O'dea dalam bukunya sosiologi agama, penerangan hubungan antara agama dan masyarakat memberi gambaran tentang perkembangan agama itu sendiri. Proses dua muka mencakupi perubahan internal dalam erti gerakan keagamaan yang akhirnya menjadi proses penyesuaian organisasi keagamaan dengan masyarakat umum.

Pada tahap awal, Gereja Kristian Purba, dengan orientasi keduniawinya menghadapi masalah dalam perkara ini [hubungan dengan masyarakat]. Gereja dalam kehidupan sehari-hari menolak dan menentang orientasi tersebut tetapi memandang dunia dalam dua pengertian. Pertama, Sebagai perwaris Bible Hibrani dan ajaran Jesus serta muridnya , sudah jelas ia menentang posisi heretis yang menolak teologi penciptaan. Tuhan adalah pencipta dunia yang menciptakannya melalui Kristus dan dunia itu sendiri baik. Kristianiti menerima dunia, tetapi sangat memuliakan nilai-nilai keduniawiannya jauh di atas ajaran Kristian, sehingga menempatkan dirinya di tempat yang rendah.

Keduanya, Gereja menerima dunia, dalam erti menyesuaikan diri dengan perundangan lembaga-lembaga sosial yang perlu selaras dengan waktu dan tempatnya. Namun bagi jiwa Kristian, Gereja juga mengajar bahawa dunia merupakan tempat berbahaya, bahawa dalam hal tertentu dunia berada di bawah kekuasaan Iblis. Komuniti Kristian, sementara berada di dunia nyata dan menyesuaikan diri dengannya, kadangkala menghindari dan melepaskan diri dari dunia tersebut (Thomas F.O'dea 1996:98-99)

Proses penyesuaian inilah akhirnya membawa Gereja ke dalam hubungan dengan dunia. Dalam kerajaan Romawi contohnya, kependetaan telah berubah menjadi kelas baru. Mereka mula memasuki jabatan-jabatan negara pada abad ke tiga. Dua abad kemudian tampil dengan pakaian khas dan pada zaman Constantine mereka telah menjadi pengurus Gereja yang mempunyai kelas khusus. Penyesuaian ini berlanjutan apabila raja memberi mereka hak-hak istimewa sehingga para Paderi ini diberi kedudukan tertinggi setaraf dengan jabatan tertinggi dalam pemerintahan negara.

Sehingga penganut Kristian tulen dilahirkan, iaitu bukan penganut agama lain yang masuk ke dalam Kristian. Gereja kemudian tampil pengelola besar yang murah hati dan menjadi entiti sosial yang stabil dalam kerajaan yang mula rapuh. Akibat dari penyesuaian inilah Gereja mula diwarnai dengan warna dunia. Sedangkan perkembangan ini bertentangan dengan ajaran Kristian. Penganut-penganut Kristian

yang lahir pula semakin dipengaruhi oleh masalah keduniawian yang semakin canggih.

Manakala sebahagian darinya mencuba ajaran-ajaran keduniaan yang lain kerana Gereja terus mengajar kecurigaan terhadap dunia dan keduniaan. Sifat Gereja ini mula berubah-ubah. Kekayaan dan kesenangan dikutuk, penerimaan terhadap penderitaan di persetujui sehingga sifat tidak peduli terhadap dunia menjadi ciri khas perjanjian baru yang lebih kepada kecurigaan terhadap dunia. Ini berlaku apabila timbul masalah yang lebih berbaur seks. Di mana praktik menghukum diri sendiri mula diterima. Permasalahan ini melahirkan golongan yang mengabadikan diri untuk menyucikan diri mereka dengan cara “terkecuali dari perkahwinan”. Mereka menjadi kelompok ekslusif yang mengasingkan diri atau monoteisme yang hidup dalam komuniti, memencarkan diri berdasarkan peraturan tertentu.

Kelahiran kelompok ini berusaha menyelaraskan kembali kehidupan duniawi dengan ajaran al-kitab yang kemudian di sesuaikan dengan peredaran zaman. Biarawan dan biarawati mempelopori lapisan baru di dalam gereja yang cuba meraih kehidupan ideal yang lebih tinggi. Dengan semangat ascetiksme mereka menentang amalan duniawi berkaitan dengan pengekangan nafsu seks.

Monoteisme sendiri kemudiannya dicurigai oleh Gereja sebagai satu gerakan ekstrim yang dilihat cuba menghalang kuasa Gereja. Namun demikian, ia akhirnya berada di tempat tertinggi dalam institusi Gereja yang kemudiannya menjadi model

kehidupan baru yang diterima oleh masyarakat. Malah ascetisme telah menjadi prinsip kehidupan Kristian yang dominan.

Namun demikian, berlaku proses asimilasi antara biarawan dan golongan kependetaan yang akhirnya bersama-sama membentuk Gereja. Seringkali juga mereka berselisih faham dengan kumpulan tidak beragama, yang kebetulan merupakan tuan tanah feudal atau pemimpin istana. Berlaku lagi penyesuaian iaitu Gereja mengklasifikasikan dua anggota kelas, pertama manusia mementingkan keselamatan dan ketaatan beragama dan kedua mereka yang dinamakan orang awam (jemaah). Agama kemudian melihat jemaah ini sebagai pemuasan atas kelemahan sifat manusia.

Inilah yang dilihat oleh Weber perbezaan jelas antara agama Kristian dengan agama-agama lain yang mementingkan tingkat pemujaan atau ibadat, intelektual, organisasional yang berlangsung dalam perhubungan yang intim. Malah dalam Kristian hanya boleh didapati pada Kristian Purba yang mana pemujaan bertindak sebagai gerakan pengembang agama. Kecuali apabila perkembangan ini melalui protes terhadap perkembangan dan praktik pemujaan. Dan pengecualian ini Protestantisme asketis menjadi sangat anti pemujaan dan anti simbol. Tetapi sikap ini hanya boleh difahami dalam hubungannya dengan protes terhadap kondisi pemujaan itu sendiri. Kerana itu dalam perkembangan gerakan agama pemujaan itu akhirnya menjadi sesuatu unsur yang bersifat umum.

Secara tidak langsung, gambaran penyesuaian agama dan masyarakat ini membantu kita melihat ke dalam Kristian yang menjadi penjana kepada gerakan Protestant. Sehingga akhirnya juga melahirkan penganut-penganut Protestantisme yang bukan datangnya dari agama-agama lain.

### **2.3.3 Agama dalam Tafsiran Barat**

Kajian disertasi ini secara tidak langsung melihat fungsi agama dalam kehidupan manusia. Terutama Protestantisme yang dikatakan punca sekularisme dalam tamadun Barat. Oleh yang demikian, penulis akan menghuraikan secara ringkas maksud agama melalui tafsiran sarjana Barat. Ini akan menerangkan kepada kita sejauhmana penerimaan masyarakat Barat terhadap agama yang mereka anuti.

Secara umumnya agama boleh di definisikan sebagai satu peraturan yang menjadi garis panduan antara kehidupan manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, manusia dengan alam ghaib, dan manusia dengan Tuhan. Definisi ini menjelaskan kepada kita agama yang dilengkapi teks atau doktrin [kitab] perlu kita patuhi dalam setiap urusan kehidupan. Jelas lagi, sebagai penganut sesebuah agama kita terikat dengan undang-undang yang digariskan.

Namun demikian, agama ini berbeza dengan kepercayaan lain kerana sistemnya berasaskan suci (sacred) dan bertentangan dengan sifat duniawi, dan berasaskan yang ghaib (supernatural) yang bertentangan dengan hukum alam. Maksudnya, agama merupakan satu kepercayaan yang memerlukan manusia mengabdi dan menghambakan diri kepada tuhan samada hidup atau mati. Malah tuntutan agama itu menetapkan supaya manusia tidak hanya mengejar nikmat duniawi semata-mata sebaliknya bersedia untuk tuntutan selepas mati [akhirat].

Bagi sarjana Barat, agama juga merupakan satu kepercayaan yang dipelihara sejak zaman Yunani Kuno lagi. Namun perubahan atas masyarakat manusia itu sendiri menyebabkan kepentingan agama itu terhakis sedikit demi sedikit dan sehingga ia menjadi undang-undang atau kepercayaan yang hanya memusnahkan kehidupan manusia. Durkheim antara sarjana Barat yang mendefinisikan agama sebagai;

*“...suatu sistem kesatuan kepercayaan dan amalan yang bersifat relatif terhadap perkara yang suci, iaitu segala perkara yang dihindari dan dilarang. Agama adalah kepercayaan serta amalan yang mengajarkan moral yang tinggi kepada suatu komuniti; hadirnya dalam satu institusi yang disebut Gereja, tempat semua orang “mengidentitikan diri” pada agama”.*

(Durkheim.E dipetik daripada Roland Robertson(ed) 1997;31-46).

Namun demikian, agama itu sendiri akhirnya ditandai oleh elemen sekular. Perhatikan sahaja bagaimana agama itu disatukan dengan amalan duniawi ketika di zaman Pertengahan. Sehingga tiba disuatu peringkat agama disingkirkan terus menjadikan ia terpisah dengan amalan duniawi. Maksudnya, manusia tidak lagi menjadikan agama sebagai garis panduan dalam aktiviti yang dijalankan. Akhirnya masyarakat Barat bebas melakukan apa sahaja meskipun perbuatan itu asalnya merupakan larangan dalam agama dan perbuatan itu juga akhirnya menyebabkan keruntuhan peradaban masyarakat Barat. Keadaan bertambah rumit apabila lahir penemuan saintifik yang meletakkan kepercayaan terhadap agama dan tuhan sebagai tidak relevan (Levi,Albert William1991:143) sebaliknya manusia perlu percaya kepada akal (reason) seperti yang diketengahkan oleh Aquinas tentang bagaimana mencari kebenaran.

Bagaimanapun, pemikiran antitesis Machiavelli walaupun melalui kepentingan politik dilihat sebagai relevan dengan kemunculan Reformasi Protestant. Di dalam bukunya *The Prince and Discourses* Machiavelli menulis, kebenaran sesuatu agama , doktrin atau isi kandungannya tidak begitu penting. Samada ia wahyu daripada tuhan (relavation) atau ciptaan manusia . Antara agama Kristian dan agama Romawi Kuno, beliau lebih menyenangi agama Romawi kuno.

Ini kerana beliau melihat agama Romawi Kuno berjaya mengangkat peradaban masyarakat Romawi melahirkan sebuah negara yang aman damai dari aspek politik, sosial, dan ekonomi. Rakyat sentiasa patuh kepada pemerintah sehingga berjaya mengangkat peradaban Romawi.(Max Lerner1950; xxxiii).

Weber pula melabelkan agama dunia yang merujuk kepada lima agama besar atau sistem peraturan hidup yang menghimpunkan begitu banyak orang yang membuat dosa di sekelilingnya. Beliau menggunakan istilah neutral dan antara yang tergolong dalam agama dunia ialah etika Confucius, Hindu, Buddha, Kristian dan Islam. Weber juga memasukkan Judaisme, kerana ia memberi prasyarat sejarah yang memberikan pemahaman tentang Kristian dan Islam. Judaisme turut menerangkan makna sejarah dan autonomi perkembangan etika ekonomi moden negara Barat.(Roland Robertson 1997:5)

Weber kemudian mendapati terdapat hubungan antara agama dan strafisikasi sosial yang dijelaskannya melalui dua kesimpulan. Pertamanya terdapat dalam sejarah agama Kristian, Yahudi, Islam, Hindu dan Buddha dan Taoisme, iaitu suatu hubungan yang jelas dan dapat diamati di antara posisi sosial dengan kecenderungan menerima pandangan keagamaan yang berbeza. Keduanya , ini bukanlah satu penentuan yang tepat terhadap pandangan keagamaan oleh stratifikasi sosial.

Contohnya, masyarakat kelas menengah rendah, yang dianggap Weber memainkan peranan strategik dalam sejarah agama Kristian, melihat satu kecenderungan yang pasti ke arah “congregational religion”, ke arah agama keselamatan dan akhirnya ke arah agama etika rasional( Max Weber 1963:95-96). Keadaan ini berbeza dengan kecenderungan beragama masyarakat kelas petani.

Perbezaan ini menurut Weber, kerana masyarakat kelas menengah rendah tidak rapat dengan alam semulajadi berbanding dengan petani yang terlibat dalam kehidupan yang bertolak daripada pertimbangan ekonomi yang rasional. Kerana itu cara kedua-dua golongan ini menangani situasi kehidupan mereka berbeza. Bagi golongan kelas menengah rendah percaya bahawa bekerja dan kewajipan bekerja akan menghasilkan keseimbangan. Kerana itulah golongan ini menerima satu pandangan dunia yang rasional dijawai oleh etika pembalasan.

Pola agama lain pula bagi Weber perlu dibuat kerana wujudnya unsur sejarah yang berkaitan antara satu sama lain. Pendapat Radcliffe Brown, bahawa agama apabila dilembagakan [diinstitusikan ] bersama-sama kepercayaan lain ia akan mempengaruhi perilaku di mana ia adalah sebab, bukan akibat. Sekali lagi Weber tampil memberi pandangan dalam karyanya yang terkenal iaitu “ *the Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism* ”.

Weber menjelaskan dengan komprehensif bahawa di dalam agama Kristian dan bukan Kristian terdapat dua ciri penting . Pertama, peranan agama terhadap perilaku manusia sebagai unsur sebab dan akibat yang bebas di mana Weber cuba menyangkal hujah Marx yang mengatakan agama tidak lebih daripada turunan berasal dari variabel sosial fundamental. Kedua, Weber berpendapat bahawa etika Protestantisme merupakan antisedan kapitalis moden dan faktor utama pengembangannya.

Dari kajian yang dilakukannya Weber mendapati manusia [Masyarakat] memerlukan jawapan bagi setiap setiap “masalah makna” yang mereka hadapi. Contohnya yang berkaitan dengan nasib, ketidakyakinan, ketidakupayaan masa depan, penderitaan akibat bencana dan sebagainya.

Weber membuat perbandingan dengan agama-agama dunia dan mendapati setiap agama mempunyai jalan atau cara ke arah menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Bagi Weber, agama akan mempengaruhi sikap praktis manusia terhadap berbagai aktiviti kehidupan seharian dengan cara paling akrab. Oleh yang demikian sudah pasti agama memberikan jawapan bernas terhadap masalah makna yang diutarakan Weber (Thomas F.O’dea 1996:20-21).

Justeru, pandangan sarjana-sarjana ini memberi kita gambaran jelas terhadap kepercayaan dan pandangan agama dalam masyarakat Barat. Meskipun masyarakat Barat menolak peranan agama dalam kehidupan dunia mereka, namun mereka sentiasa menyedari bahawa mereka diburu atas kesilapan tersebut. Buktinya ketandusan amalan-amalan bermoral di Barat menunjukkan kepada dunia sebenarnya bahawa agama itu sangat perlu diutamakan. Bagi negara-negara Timur, agama menjadi pegangan atau panduan hidup yang paling utama di dunia. Manakala pencapaian kebahagiaan kehidupan akhirat dipercayai hanya diperolehi sekiranya kehidupan dunia berpaksikan agama.

Walaupun masyarakat Barat cuba “mengajak” masyarakat Timur, mencari kebahagiaan dunia secara total dengan menolak batasan yang ditentukan agama, namun mereka masih gagal kerana, bagi masyarakat timur atas setiap apapun usaha dilakukan untuk mengatasi “masalah makna” kejayaannya hanya akan tercapai jika agama dijadikan garis panduan penyelesaiannya.

Atas kesedaran inilah Weber cuba menjelaskan, bahawa Protestantisme telah mengundang pelbagai “masalah makna” dalam kehidupan masyarakat Barat. Fahaman ini juga berusaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah tersebut.

Namun apa yang mereka perolehi akhirnya ialah penyingkiran terus agama setelah masyarakat Barat mencapai tingkat tertinggi dalam perubahan ekonomi. Ini kerana banyak perkara yang melibatkan aspek politik, sosial, dan ekonomi terlalu terikat dengan kepercayaan beragama sehingga membataskan kreativiti manusia.

Oleh yang demikian, jelas kepada kita bahawa baik di Barat maupun Timur, kepercayaan terhadap agama sememangnya wujud. Namun, pergolakan yang berlaku dalam masyarakat Barat telah menghapuskan kepentingan tersebut sedangkan masyarakat Timur terus meletakkannya di tempat tertinggi untuk mencapai kebahagiaan abadi. Paling menarik apabila Weber menjelaskan bahawa puncanya adalah Protestantisme meskipun sarjana lain berpendapat lebih banyak punca utama lain yang menjana kepada tersebarnya sekularisme dalam tamadun Barat. Bagi menjelaskan maksud Weber, penulis akan melihat ke dalam Protestantisme itu sendiri dan pandangan Weber melalui tesis-tesisnya terhadap pengaruh agama tersebut dalam masyarakat Barat.

**BAB 3**

**PROTESTANTISME**

**DAN**

**PERKEMBANGANNYA**

### 3.0 PENGENALAN

Max Weber, menulis tesisnya “*The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism*” menggunakan pendekatan “*ideal types*”, iaitu melalui *historical sociology*. Weber bukan sahaja menceritakan naratif sesuatu peristiwa tetapi melalui kajian-kajian yang menggunakan disiplin sejarah dan sosiologi. Bagi beliau, kapitalisme ialah satu konsep *ideal types* dan salah satu cirinya ialah *rasionalisme*. Rasionalisme dikatakan berlaku di seluruh dunia tetapi perkembangannya di Barat tidak terbatas. Malah minatnya yang mendalam terhadap perkembangan rasionalisme tamadun Barat (*Occidental rationalism*) menyebabkan lahirnya kajian ini.

Ciri-ciri utama rasionalisme ialah kepercayaan kepada kekuatan akal budi manusia. Iaitu manusia harus melihat dan memahami setiap situasi secara rasional atau masuk akal. Sifat ini berbeza dengan sifat kepercayaan tradisional yang mempercayai kewujudan Tuhan, kewujudan alam lain ataupun alam ghaib. Proses penerimaan rasionalisme inilah yang dinamakan rasionalisasi. Weber ingin membuktikan teorinya bahawa peradaban itu menuju kepada tingkat rasionalisasi yang membawa kepada kebangkitan moden dan keadaan ini hanya berlaku di Barat.

Weber kemudian mengkaji hubungan antara agama dan ekonomi dan seterusnya menghasilkan satu tesis yang mantap. Meskipun mendapat banyak kritikan, Weber walaubagaimanapun dapat menghasilkan kajian yang menarik minat sarjana hingga ke akhir ini.

Bagi melihat sejauhmanakah pandangan Weber dalam tesisnya “*The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*” penulis merasakan amat perlu mendedahkan secara ringkas perkembangan Reformasi itu sendiri. Pengaruh ekonomi dalam hal ini tidak boleh di ketepikan terutama selepas Zaman Renaissance. Ini kerana tekanan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Jerman menjadi penyebab mengapa Reformasi itu bermual di Jerman tidak di Itali seperti yang dijangkakan oleh kebanyakan pemerhati zaman itu.

### 3.1 PROTESTANTISME DAN PERKEMBANGANNYA

Tekanan ekonomi yang kuat dipengaruhi oleh Gereja, akhirnya menimbulkan rasa tidak puashati dikalangan rakyat. Namun demikian kebanyakkan sarjana yang mengemukakan idea-idea pembaharuan tetap mempunyai unsur-unsur yang menyokong Gereja. Sehingga lahir tokoh-tokoh seperti Martin Luther (1483-1546), Zwingli (1448-1531), John Calvin (1509-1564) dan ramai lagi.

Pelbagai agenda telah di ketengahkan oleh pemimpin Reformasi ini dan ianya mempunyai tujuan untuk menjatuhkan dominasi Gereja yang menjadikan rakyat Jerman sentiasa dibelenggu kemiskinan. Kejayaan Reformasi ini dilihat apabila lahir mazhab Protestant (sebelum ini hanya mazhab Katolik) yang membentuk negara-negara Protestant di Eropah dan negara-negara lain di Barat.

Kemuncak Reformasi berlaku di tangan Luther dan Calvin, ternyata mempengaruhi Raja-Raja sebelah Utara sehingga mencetuskan beberapa siri peperangan. Perubahan masyarakat selepas Reformasi terutamanya di bawah Pengaruh Gereja Protestant inilah yang dilihat oleh ahli sosiologi Jerman , Max Weber sebagai punca kepada Perkembangan sekularisme dalam tamadun Barat.

Dalam tulisan-tulisannya Weber menjelaskan bahawa terdapat “sesuatu” dalam Reformasi ini yang menggerakkan masyarakat Jerman untuk mengubah hidup dari belenggu kemiskinan. Tanpa di sedari, lahir idea-idea sekular yang menjana kepada amalan-amalan sekular. Perkembangan ini berterusan dan memuncak apabila aliran sekularisme menjadi pegangan dalam tamadun Barat. Proses sekularisasi meresap bersama perkembangan ekonomi kapitalisme yang didasari oleh ciri rasionalisme. Acuan-acuan inilah yang dilihat Weber sebagai “sesuatu” dalam tamadun Barat itu tadi.

Ternyata mulai detik itu, pemisahan agama dan amalan dunia tidak lagi meletakkan agama itu sebagai sakral (suci/kudus) kerana amalan-amalan seharian telah dipisahkan terus dari pegangan agama. Contohnya pendidikan tradisional yang lebih kepada kepercayaan agama telah bertukar menjadi pendidikan sekular, yang mengandungi matlamat tertentu seperti mencapai kejayaan dalam kehidupan. Isi kandungan Pendidikan juga berubah kepada kepentingan dunia, iaitu untuk mengetahui ilmu dunia sahaja (zahir) dan tidak bersangkutan dengan ilmu alam abadi

(akhirat). Perubahan ini dibuktikan melalui hujah Aquinas bahawa, “tuhan hanya menciptakan tetapi manusia yang menguruskan alam” telah diterima pakai oleh sarjana dan masyarakat seterusnya. (Betrand Russel 1961:544)

Pemisahan agama, awalnya menimbulkan keraguan di kalangan rakyat. Jika sebelumnya agama di gunakan oleh sesetengah pihak untuk mencapai keuntungan, sehingga pada satu tahap agama disingkirkan setelah masyarakat barat menyedari agama di jadikan batu loncatan untuk meningkatkan keperluan ekonomi. Akhirnya lahir masyarakat yang tidak dibayangi oleh agama sehingga membenarkan amalan sekular asalkan manusia berpuashati dengan amalannya.

Sebelum lahir sekular secara terbuka, agama disatukan dengan negara di bawah Kekaisaran Suci Rom. Ini memberi kesempatan kepada golongan tertentu untuk mempergunakan agama . Golongan ini menyeru rakyat supaya patuh kepada Gereja untuk mencapai kedudukan tinggi di sisi tuhan. Namun demikian, akibat pemesongan agama ini akhirnya masyarakat Barat menolak agama yang dilihat hanya menyekat pergerakan mereka untuk mencapai kebahagiaan dunia.

Jelas disini, hanya kerana perbezaan sumber doktrin dan amalannya, masyarakat Barat ketandusan kepercayaan terhadap agama hingga membenarkan perkembangan sekularisme. Oleh yang demikian , bab ini akan mengupas secara terperinci perkembangan Reformasi Protestant dan Pandangan Weber terhadapnya.

### 3.1.1 Reformasi Protestant

Martin Luther (1483-1546) dan John Calvin (1509- 1564), merupakan dua tokoh penting yang menggerakkan Reformasi Protestant dan menjadikannya sebagai Gerakan islah yang begitu berpengaruh dalam sejarah peradaban Barat. Bermula Zaman Renaissance, tamadun Barat kembali bersinar terutama perkembangan ilmu pengetahuan. Namun tidak dapat disangkal juga “kelahiran semula” tamadun Barat ini membawa kepada “kelahiran sekular” hingga ke hari ini.

Perkembangan tamadun Barat ini sesungguhnya terhutang budi kepada peradaban Judeo-Kristiani ataupun orang-orang Yahudi, yang banyak membantu. Nama-nama seperti Baruch Spinoza, Hegel dan Marx, telah meninggalkan aliran-aliran pemikiran (*school of thought*) yang terus berkembang melalui karya-karya yang telah mereka hasilkan.

Burn and Ralph (1964), menjelaskan bagaimana permulaan Reformasi Protestant di negara Jerman. Menurutnya terdapat beberapa faktor yang boleh dikenalpasti pertamanya, Jerman pada abad kesepuluh hingga abad keempat belas masih merupakan sebuah negara pertanian yang ketinggalan. Kedua, rakyat Jerman yang rata-ratanya petani dicengkam oleh Gereja Katolik yang memegang kuasa feudal tertinggi. Masalah pemilikan tanah dan harta yang kebanyakkannya dirampas

dengan mudah oleh Gereja menyebabkan rakyat Jerman berada dalam belenggu kemiskinan.

Betrand Russel (1961) pula menyatakan, bahawa keislahan dan islah Katolik tertumpu kepada pemberontakkan politik dan teologi. Luther dan Calvin sendiri digambarkan membentuk penentangan untuk mengurangkan kuasa Gereja dalam hubungan antara roh dan Tuhan (Betrand Russel 1961:628). Agama Kristian bertindak sebagai agama penting kerana telah merintis kebangkitan Reformasi dalam tamadun Barat.

Malah dalam hal ini sumbangan tokoh seperti Saint Thomas Aquinas mempercepatkan lagi Reformasi. Martin Luther tokoh Reformasi abad ke 14, menyangkal aliran Skolatisisme yang dipelopori oleh Saint Thomas yang banyak dipengaruhi oleh Aristotle. Reformasi Protestant pula lahir dari rasa tidakpuas hati rakyat terhadap institusi Gereja Katolik.

Gereja yang dilihat sebagai institusi tertinggi dimata rakyat telah menstrukturkan kehidupan rakyat berdasarkan kepentingannya sahaja. Lihat sahaja dominasi Gereja dalam bidang ekonomi, politik dan sosial dengan meluasnya tanpa mengambil kira kepentingan rakyat. Gereja berjaya mencapai kemewahan disebalik peranannya sebagai pemimpin masyarakat sedangkan rakyat terus menderita.

Namun demikian, persoalan yang harus difikirkan bagaimanakah institusi Gereja Katolik ini mampu berkembang dan akhirnya dijatuhkan oleh rakyat. Melihat sejarah perkembangan Gereja, dalam abad keempat di kerajaan Romawi, Kristian menjadi agama yang mampan dan dalam abad keenam Gereja berdiri sebagai sebuah imperium yang tersendiri iaitu satu-satunya lembaga sosial yang stabil.

Gereja ketika itu terdiri daripada tiga lapisan sosial iaitu; Pendeta yang berfungsi sebagai pengatur, pengajar, pengendali anggota dan pemimpin ibadat. Pada lapisan kedua adalah para biarawan dengan gaya hidup yang terasing dari kelompok masyarakat dan lapisan terakhir ialah terdiri daripada jemah (laity) yang berada “dalam dunia” (Odea, Thomas F 1996:99)

Lama-kelamaan berlaku proses asimilasi antara biarawan dan golongan kependetaan ketika membentuk institusi Gereja. Malah ada kalanya golongan ini berselisih faham dengan golongan bukan agama yang terdiri daripada penduduk kota, tuan tanah feudal dan pemerintah (istana). Akibat daripada proses penyesuaian inilah Gereja telah dipengaruhi oleh “warna duniawi” dan perkembangan ini bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Bagi mengelakkan terhapusnya kepercayaan rakyat, Gereja bertindak menjual surat-surat pengampunan dosa yang dikatakan lebih mendekatkan rakyat dengan Tuhan dan lebih mudah mendapat pengampunan Tuhan.

Penyelewengan Gereja mendapat perhatian Martin Luther, yang memulakan gerakan Reformasi menentang perbuatan Gereja. Martin Luther lahir pada tahun 1482 di Eisleben . Ibu –bapanya Hans Luther dan Margaratte merupakan keluarga petani miskin yang dapat melihat dominasi Gereja sebagai satu penindasan kepada golongan petani seperti mereka.

Luther merupakan seorang mahasiswa yang melibatkan diri dalam mistisisme Katolik dan beliau dipengaruhi oleh John Wycliff seorang mistik abad ke 13. Luther mendalamai bidang teologi dan mengkaji falsafah Saint Augustine, beliau juga pernah menjadi mahaguru tafsir Al-kitab (Ahmad Suhelmi 2000:116). Dengan latar belakang dan ilmu pengetahuan yang mantap, Luther tidak gentar memulakan perbalahan dengan pihak Gereja.

Kemarahan Luther bermula apabila beliau buat pertama kalinya melawat Gereja besar di Rom untuk menyaksikan kehebatan para paderi yang warak, kudus dan zahid (ascetik). Namun kekecewaan menyelubunginya apabila mendapati kehebatan itu sebenarnya ialah penyelewengan paderi dengan memperkecilkan hukum agama dan mengutamakankekayaan. Penjualan surat pengampunan dosa dan kemewahan Pope Julius ke 11 hasil daripada penyelewengan Gereja menambahkan lagi kemarahan Luther (Othman 1994:153).

Tindakan awal yang diambil oleh Luther ialah menghantar surat kepada paderi-paderi di German untuk bertindak malangnya Luther telah dipersalahkan dan dipecat daripada kerjanya. Luther mengambil kesempatan tersebut dengan memprotes Gereja Katolik. Luther membacakan 99 perkara yang menjadi ketidak puasan rakyat terhadap Gereja. Luther berpendapat, penjualan surat pengampunan dosa oleh Gereja yang bertindak sebagai sebuah institusi keagamaan dan memikul amanah rakyat adalah tidak patut sama-sekali.

Malah menurut Luther lagi amalan ini bertentangan dengan ajaran Jesus kerana untuk mendapatkan pengampunan, seseorang itu perlulah melakukan perkara-perkara kebijakan seperti membantu orang-orang miskin. Malah tidak Gereja berhak menentukan sama ada seseorang itu diampunkan ataupun tidak, pengampunan tersebut terletak di tangan tuhan. Doktrin ini dikenali sebagai “*justification by faith*”.

Malah Luther juga menekankan doktrin keimanan (*the doctrin of faith*) dan doktrin panggilan (*Calling*). Tindakan Luther dilihat seolah-olah meruntuhkan mitos kesucian yang dipegang kuasa Gereja. Menurutnya lagi, tiada perbezaan antara para Pendeta dan manusia biasa. Kesemuanya sama disisi tuhan (*equality before God*). Ini menyebabkan Luther mendapat sokongan penuh daripada rakyat. Luther meneruskan protesnya terhadap Gereja yang menggunakan tradisi Katolik, melarang sesiapa jua selain daripada golongan Pendeta mentafsir isi kandungan Al-kitab. Sikap inilah

yang menyebabkan kandungan Al-kitab disalah gunakan oleh golongan Pendeta untuk kepentingan sendiri bukan untuk rakyat.

Prinsip utama perjuangan Luther dalam doktrinnya ialah prinsip “Kepaderian orang Kristian biasa”. Ianya bermaksud hak yang dimiliki oleh golongan Paderi atau Pendeta turut dimiliki oleh rakyat biasa. Luther menolak kesemua kelebihan yang di berikan kepada Pendeta, Paderi dan kuasa-kuasa yang ada di dalam Gereja. Ekoran doktrin baru yang dibawanya, Luther telah memecahkan Jerman kepada beberapa bahagian. Satu pihak menyokongnya dan satu dipihak lagi lahir satu mazhab baru yang Luther sendiri tidak begitu sedar akan perkembangannya.

Kekaisaran suci Rom (Holy Roman Empire) turut diancam perpecahan ini. Kemuncak kejayaan Reformasi di bawah pimpinan Luther dapat dilihat apabila kaum petani melancarkan pemberontakan untuk membasmikan kemiskinan. Akibatnya Luther terpaksa meminta pertolongan daripada Raja-Raja Jerman, membantu menyelesaikan pemberontakan golongan petani yang melihat adanya harapan untuk mereka menikmati pembangunan. Malah berlangsungnya Perang Tigapulu Tahun (*thirty year's war*) di bumi Eropah di lihat oleh Weber sebagai kesan yang paling besar dalam melahirkan kapitalisme moden. (Randall Collins 1986:49)

Pada tahun 1555, satu perjanjian Ausburg dianjurkan oleh Kekaisaran Suci Rom yang memberi kelonggaran kepada rakyat untuk memilih mazhab mereka sendiri berdasarkan satu lunas dalam bahasa latin yang berbunyi “cejus regio ejus religio” bermaksud sesebuah kawasan berhak memilih mazhab mereka sendiri. Maka mazhab Protestant diiktiraf secara rasminya, manakala Holy Roman Empire masih dianggotai oleh sekutu-sekutu yang memilih mazhab Protestant tetapi dalam masa yang sama terus patuh kepada Gereja Katolik (Muhammad Kamlin 1986:76).

Gereja Protestant kemudiannya berpecah kepada pelbagai bahagian kerana pengaruh politik. Terbentuk Gereja Anglican di England dan Gereja Lutheran di Jerman. Bahkan perkembangan Reformasi Protestant di bawah pimpinan Luther berjaya memisahkan agama dan negara. Gereja tidak lagi dilihat sebagai kuasa tertinggi yang perlu dipatuhi. Perkembangan ini melahirkan taat setia masyarakat Barat terhadap bangsa dan negara (*nation states*). Pada peringkat awal perubahan ini turut menimbulkan perbalahan tetapi perkembangannya dalam jangkamasa yang singkat jelas menunjukkan masyarakat Barat bersedia menolak agama secara total.

Seterusnya Reformasi ini melahirkan hak-hak ketuhanan Raja (*divine right of king*) iaitu para penguasa atau bangsawan yang mempunyai hak-hak memerintah yang wajib di taati. Ini kerana pemerintah menerima kuasa daripada Tuhan. Jika

mereka melanggar perintah bermakna mereka melakukan penyelewengan kuasa (*abuse of power*) dan harus bertanggungjawab ke atasnya. Keadaan ini akhirnya melahirkan kekuasaan mutlak raja (*royal absolutism*) dan bangsawan yang menggerak perkembangan negara dan bangsa seterusnya (Sharma 1982:228)

Walau bagaimanapun inti Protestantisme ialah etika keagamaan yang di sesuaikan dengan etika kapitalisme yang disebut Max Weber sebagai *elective affinity*. Ini berkaitan dengan “doktrin panggilan” (*calling*) yang disarankan oleh Luther iaitu, kerja keras ini sebagai satu dosa tetapi sebagai jalan untuk memperolehi kekayaan dan setiap pengikutnya yang bekerja sebenarnya melakukan satu bentuk pengabadian kepada tuhan. Namun demikian Luther menyebabkan mazhab Protestant beransur lemah. Lahir mazhab Protestant radikal yang baru antaranya di bawah pimpinan Zwingli (Zurich) di Switzerland. Mazhab Zwingli lebih terbuka dan bebas daripada fahaman Luthernisme.

Sehingga John Calvin (1509-1564), muncul mencabar dan menentang Gereja Katolik dari kota Geneva. Di bawah pimpinan Calvin, Protestantisme sekali lagi menjadi mazhab yang kukuh di Barat. Malah Calvin dalam tulisannya institutes menolak dan menafikan kekuatan Gereja dengan lebih hebat berbanding Luther (Muhammad Kamlin 1986:77).

Terdapat beberapa kumpulan yang mengancam peraturan social ketika itu yang digelar Weber sebagai Peitist, terdiri daripada golongan Quaker dan Babtist. Mereka ini dianggap radikal kerana tidak mahu kepada mana-mana kuasa selain tuhan (Randall Collins 1986:149).

Doktrin Protestantisme dan Calvinisme ini bertitik-tolak daripada prinsip yang menempatkan manusia sebagai “petugas” tuhan. Manusia harus menguruskan harta benda tuhan di dunia ini secara efektif dan efisyen dan kerana itu manusia harus bekerja keras, berdisiplin dan hormat serta tidak membazir. Dalam doktrin Calvinis yang ditulis oleh John Calvin dan disebar seluruh Eropah oleh Gereja Presbyterian, menekankan faktor takdir (predestine) Calvin percaya bahawa seseorang itu akan menjadi baik atau jahat, dan masuk syurga atau neraka telahpun ditentukan. Tiada siapa antara mereka yang boleh menolak takdir. Keadaan ini menyebabkan keresahan di kalangan jemaah kerana penyiksaan neraka diterima dengan jelas sebagai realiti di dunia.

Walau Calvin menjelaskan bahawa semua manusia adalah pembuat dosa, ia tidak dapat menenangkan jemaah ini melainkan hanya mereka yang terpilih sahaja yang akan terselamat. Doktrin inilah yang menjadi asas terpenting Protestantisme (Roger Bacon 1984:24)

Penganut Protestant merasakan bahawa mereka adalah golongan yang dipilih itu. Inilah yang membantu Calvin mencipta motivasi bagi pengikutnya untuk menjalankan kehidupan sempurna sebagai petugas tuhan. Calvin menjelaskan bahawa manusia perlu menjalani ujian keselamatan tetapi bukan dengan menjalani kehidupan monastic. Melalui monteks inilah Calvin merumuskan tentang ascetik duniawi (worldly asceticism) di mana manusia boleh hidup suci tanpa menjadi biara atau biarawati. Malah manusia boleh menjadi pendeta tidak kira sama ada di rumah, dalam keluarga, industri ataupun dalam lingkungan sosialnya (Ahmad Suhelmi 2000:121).

Melalui doktrinnya, Calvin sama seperti Luther melihat bahawa sakremen suci dalam Katolikisme tidak mampu memberikan penyelamatan. Situasi yang diwujudkan Calvin melahirkan Reformasi agama yang menjadikan etika kerja sebagai dituntut oleh agama. Semua manusia tiada berkecuali harus bekerja untuk mengabdi diri kepada tuhan. Setiap orang yang bekerja keras akan mendapat ganjaran, semakin seseorang bekerja keras, semakin besar pahala yang akan diperolehnya. Calvin menjelaskan;

“...sumber segala dosa adalah perbuatan mensia-siakan waktu”.  
(R.P Curzzot 1969:57)

Inilah yang dilihat Weber sebagai tekanan yang menggerakkan manusia melakukan apa sahaja untuk menyelamatkan diri mereka.

Keadaan ini juga menggerakkan ekonomi Zaman Pertengahan di mana mereka boleh menghabiskan masa yang panjang ke arah mendapatkan wang. Golongan Puritan mula mengalih tumpuan ekonomi yang bergantung pada musim-musim tertentu kepada bidang seperti perniagaan. Sementara bidang ketenteraan dan politik pula menjadi pilihan golongan kaya dan mewah. Perubahan ini menjadikan golongan puritan bertambah kaya.

Berlakunya perubahan struktur yang mendasar ini secara tidak langsung sebenarnya menjana kepada perubahan pada sistem dan sikap keagamaan itu sendiri yang akhirnya membawa golongan miskin ini keluar dari belenggu kemiskinan. Akhirnya Gereja Protestantisme menentang kegiatan ekonomi yang berlandaskan sistem ekonomi tradisional iaitu pencarian keuntungan di luar etika. Tawney meringkaskan pandangan Kristian seperti berikut ;

*"...bekerja yang lazimnya dijalankan oleh setiap manusia - adalah perlu dan terhormat; perdagangan itu perlu tetapi merugikan jiwa; wang; kalau bukan immoral sebaik-baiknya tidak diagung-agungkan kecurigaan akan motif ekonomi adalah satu-satu unsur ajaran sosial Gereja paling awal dan tetap akan berlaku sampai Calvinisme mewariskan kehidupan ekonomi dengan usaha pencarian yang baru.*

(R.H Taweny 1947:36)

### 3.1.2 Kesan Reformasi Protestant

Sejarah perkembangan peradaban Barat , tidak berhenti disitu sahaja malah kesinambungan daripada Reformasi menghidupkan suasana baru terutama dalam kelompok ekonomi, sosial dan politik. Perkembangan utama ialah Protestantisme yang menjadi landasan kepada perubahan struktur tamadun Barat di mana agama tidak lagi dilihat mempunyai kedudukan yang tertinggi. Namun pada tahap ini agam tidak disingkirkan sepenuhnya sebaliknya mengalami perubahan-perubahan atau proses asimilasi yang sepatutnya.

Muhammad Kamlin (1986) menjelaskan, terdapat enam sumbangan yang dihasilkan oleh Reformasi dalam tamadun Barat. Pertamanya, Berhubung dengan pemikiran dan pendekatan terhadap masalah-masalah sosial iaitu sikap keinsanan (*humanism*). Sikap ini mencabar sikap beragama dan mengembangkan fahaman sekularisme yang mengasingkan bidang politik dan sosial dari agama. Keduanya dalam bidang ekonomi lahir sistem pelaburan modal yang baru iaitu kapitalisme, wang dan kemudahan pinjaman disediakan untuk memajukan perusahaan dan perniagaan.

Ketiganya, berlaku peningkatan dalam perniagaan apabila terjumpanya kawasan-kawasan baru seperti Amerika dan teknik-teknik baru yang membantu perkembangan perniagaan. Dalam bidang kemajuan sains dan teknologi, meskipun

berkembang sekitar abad ke 17 namun, asas kemajuan tersebut di pelopori oleh tokoh-tokoh seperti Leonardo Da Vinci, Copernicus, Galileo bermula abad ke 15. Terdapat juga perkembangan dari aspek rekaan baru iaitu pengeluaran alatan perperangan, bahan-bahan letupan, pembuatan mesin dan perkembangan percetakan.

Perkembangan terakhir ialah perkembangan ilmu pengetahuan yang menyumbang kepada kesenian, pembinaan bangunan dan lukisan dari segi gaya, teknik, rekabentuk dan sebagainya. ( Muhammad kamlin 1986: 90-91 ). Perkembangan ini di asaskan oleh satu pendekatan baru yang tidak lagi berdasarkan ajaran agama. Pendekatan ini menggunakan prinsip rasionalisme yang menjadi asas bagi segala pencapaian manusia di dunia. Ini bermaksud, segala fenomena alam yang boleh diterangkan oleh akal sahaja dianggap rasional.

Brinton (1963) mentakrifkan rasionalisme sebagai satu kelompok idea yang menjurus supaya kita berkeyakinan bahawa alam ini bergerak seperti kita bergerak, apabila kita berfikir secara objektif. Pemikiran rasional sedemikian biasanya bertentangan dengan ajaran agama kerana ia menolak segala kejadian baik yang ajaib, mukjizat atau alam ghaib. (Wan Fuad Hassan 1988:230)

Seterusnya akibat daripada protestantisme beberapa prinsip asas ini terus menjadi pegangan. Pertamanya keinsanan (*humanisme*) yang menekankan akal fikiran, keintelektualan budi pekerti dan kehendak manusia itu sendiri dalam usaha menyelesaikan segala perkara yang terdapat di dunia ini. Prinsip kedua keindividuan

(*individualisme*), yang bukan sahaja bermaksud mementingkan diri sendiri tetapi dalam konteks lebih luas iaitu usaha individu melakukan sesuatu untuk menaikkan taraf dirinya dan masyarakat. Pembebasan manusia sebagai individu dilihat sebagai satu nilai. Ketiga dan terakhir ialah prinsip *sekularisme* (pengasingan agama) yang mengasingkan usaha-usaha duniawi manusia dengan ajaran agama dan kawalan gereja. Masyarakat tidak lagi mementingkan keagamaan dalam bidang keduniawian sebaliknya menggunakan cara-cara saintifik, objektif dan rasional untuk menentukan sesuatu. (Muhammad Kamlin 1988: 92).

Prinsip-prinsip asas inilah yang membantu perkembangan Protestantisme dalam menjayakan tuntutan-tuntutan reformasi. Paling utama timbul kesedaran individu “*individual conscience*” yang membawa perubahan seterusnya dalam sejarah peradaban Barat. Sementara itu, perubahan ekonomi selepas reformasi lebih dilihat sebagai membantu perubahan dari segala aspek. Kelahiran kapitalisme antaranya membawa kepada perkembangan sekularisme.

Luther dan Calvin secara keseluruhannya cuba menyampaikan bahawa kegiatan duniawi dan kegiatan ekonomi yang disarankan kepada rakyat merupakan sebahagian daripada kewajipan agama yang perlu dipikul oleh semua orang. Inilah yang di jelaskan oleh Max Weber sebagai punca kepada sekularisme di mana akhirnya lahir satu moraliti kapitalistik (*capitalistic morality*) yang tidak pernah wujud dalam ajaran Katolik abad pertengahan. (R.P Cuzzort 1996:55)

Walaubagaimanapun, sejauh manakah kaitan antara perkembangan Protestantisme dan kapitalisme masih belum dapat dipastikan, sehingga kita kenalpasti apakah maksud kapitalisme sebenarnya, bagaimanakah sejarah perkembangannya dan adakah ia mempunyai perkaitan dengan perkembangan Reformasi Protestant.

### 3.2 KAPITALISME DAN PERKEMBANGANNYA

Secara keseluruhan, perkembangan ekonomi Zaman Pertengahan turut menjadi penjana utama gerakan Reformasi. Eric Roll dalam bukunya *A History of Economic Thought 4<sup>th</sup> Edition terj.* (1907) dengan jelas menerangkan perkembangan ekonomi Zaman Pertengahan. Sememangnya dalam tempoh seribu tahun bermula kejatuhan empayar Rom abad kelima hingga pertengahan abad kelima belas, perkembangan ekonomi Rom sangat lembab. Berbanding dengan struktur sosial yang begitu dititik beratkan terutama yang melibatkan pembahagian harta-harta yang diasaskan oleh perkembangan tertentu pada penghujung Empayar Rom.

Sehingga era kejatuhan masyarakat Feudal secara perlahan dan kebangkitan kapitalisme perdagangan dalam dunia Zaman Pertengahan. Idea ekonomi ememangnya merupakan sebahagian deripada ajaran moral Kristian Zaman Pertengahan. Oleh kerana berlaku banyak penyelewengan dan perubahan sistem ekonomi, gerakan reformasi di lancarkan untuk mengubah situasi ini. Kesannya kapitalisme menjadi idea ekonomi yang kukuh sehingga hari ini.

Adam Smith, Thomas Hobbes dan Jhon Locke antara tokoh kapitalisme yang berpengaruh. Adam Smith(1723-1790) seorang ahli ekonomi yang menulis buku bertajuk *The Theory of Moral Sentiment*(1759) dan *An Inquiry Into The Nature And Causes of Wealth of Nations* menjadi tunggak kepada perkembangan kapitalisme klasik malah menjana kepada perkembangan kapitalisme industri dan kapitalisme lanjut.

### 3.2.1 Definisi Kapitalisme

Menurut Bagus(1996), kapitalisme adalah sistem perekonomi yang menekankan peranan kapital (modal) iaitu kekayaan dalam segala jenis termasuk barang-barang yang digunakan pengeluaran barang lain. Ebenstien(1990) mentakrifkan kapitalisme sebagai sistem sosial yang menyeluruh, lebih dari sekadar sistem perekonomi. Ia mengaitkan perkembangan kapitalis sebagai sebahagian daripada gerakan individualisme. Manakala Hayek(1978) melihat kapitalisme sebagai kewujudan liberalisme dalam ekonomi. Menurut Ayn Rand (1970),kapitalisme adalah;

*"a social system based on the recognition of individual right, including property right, in which all property is privately owned"*

Heilbroner (1991) pula menyebut kapitalisme sebagai “formasi sosial” yang memiliki hakikat tertentu dan logik sejarah yang unik. Logik formasi sosial ini bermaksud membawa kepada gerakan-gerakan dan perubahan-perubahan dalam proses kehidupan dan konfigurasi perlembagaan dari satu masyarakat. Istilah formasi sosial ini diperkenalkan oleh Karl Marx dan di gunapakai juga oleh Jurgen Habermas. Di mana dalam Legitimation Crisis (1988), Habermas menyebut kapitalisme sebagai salah satu daripada empat formasi sosial iaitu primitif, tradisional, kapitalisme, post kapitalisme.(Husain Heryanto 1999:2)

Secara keseluruhannya, kapitalisme membawa maksud tunggak kehidupan dan kesejahteraan yang mana penggunaan modal sebagai titik kepada kesejahteraan. Manakala dengan menggunakan makna kesejahteraan, definisi kapitalisme dikembangkan dengan maksud “akumulasi keuntungan” yang diperolehi dalam setiap ekonomi. Kerana itu interpretasi awal kapitalisme adalah proses pengusahaan kesejahteraan untuk memenuhi keperluan manusia. Oleh itu setiap orang yang mempunyai keinginan asasnya dan berjuang untuk memenuhi keinginan asasnya terlibat dalam proses kapitalisme. Ini di antara kandungan prinsip asas kapitalisme yang akan dibincangkan seterusnya.

### 3.2.2 Prinsip dan Dasar Kapitalisme

Kekuatan prinsip asas ataupun dasar kapitalisme banyak membantu perkembangannya. Menurut Ayn Rand dalam *Capitalism* (1970) tiga prinsip dasar kapitalisme iaitu kebebasan individu, kepentingan diri, dan pasar bebas. Kebebasan individu menjadi tunggak utama kerana apabila individu mendapat hak semulajadi tersebut, mereka bebas berfikir, berkarya dan menghasilkan pengeluaran untuk meneruskan kehidupan. Pengakuan institusi hak individu ini memungkinkan individu untuk memenuhi kepentingan dirinya. Ini kerana, menurut Rand manusia hidup pertamanya untuk dirinya sendiri, bukan untuk kesejahteraan orang lain. Malah Rand menolak keras kolektivisme, altruisme dan mistisisme.

Konsep dasar bebas Rand, merupakan aplikasi sosial dan pandangan epistemologinya yang natural mekanistik. Rand juga terpengaruh dengan gagasan “*the invisible hand*” oleh Smith, pasar bebas dilihat sebagai proses yang sentiasa berkembang dan selalu menuntut yang terbaik atau paling rasional. Smith pernah berkata;

“...free market forces are allowed to balance equitably the distribution of wealth”

(Robert E.Lerner:1988).

Heilbroner (1991) telah mendalami prinsip kapitalisme dan mendapati kapital adalah faktor yang menggerakkan satu proses transformasi yang berlanjutan. Bermula daripada “kapital sebagai wang kepada kapital sebagai komoditi”, diikuti pula oleh suatu transformasi “kapital sebagai komoditi kepada kapital sebagai wang” dengan jumlah yang semakin bertambah. Rumusan Money-Commodity-Money ini di perkenalkan oleh Marx bermaksud metamorfosis berulang dan meluas di lalui oleh proses kapital merupakan penemuan Marx keatas *esense* kapitalisme iaitu “akumulasi modal”. Inilah yang ditemui oleh Heilbroner ketika mencari jawapan terhadap persoalan apakah maksud kapital sehingga dapat menjelaskan formasi sosial tempat manusia hidup sekarang adalah kapitalisme.(Husain Heryanto 1999:13)

Oleh kerana itu, kapital bukanlah suatu benda material melainkan suatu proses yang memakai benda-benda material sebagai tahap-tahap dalam existence dinamiknya yang berlanjutan. Kapital adalah satu proses sosial, bukan proses fizik. Meskipun mengambil bentuk fizik ianya hanya boleh difaham jika kita memandang benda-benda material ini mewujudkan satu simbol totalistik yang meluas.

Namun begitu, prinsip kapitalisme iaitu dorongan untuk mengakumulasi kapital juga di teliti dengan mendalam oleh Heilbroner. Malah beliau temui gagasan kapital sebagai suatu hubungan sosial yang mana inti hubungan tersebut adalah *dominasi*. Hubungan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama; kebergantungan sosial kaum yang tidak berpunya kepada pemilik kapital, di mana

tanpa kebergantungan itu kapital tidak memiliki pengaruh apa-apa. Keduanya, dorongan tanpa puas dan tanpa henti mengakumulasi modal.

Dorongan tanpa henti ini, digerakkan oleh keinginan untuk mendapatkan prestij atau realisasi diri. Memetik pernyataan Smith dalam karyanya "Theory of Moral Sentiments";

"orang kaya berbangga-bangga dengan kekayaan mereka, kerana dia merasakan kekayaan-kekayaan itu membuatnya di perhatikan dunia. Memikirkan hal ini membuat dia merasa berbesar hati dan membuatnya semakin menyintai kekayaan". Ini kerana, menurut Smith "tingkah laku manusia secara semulajadi di dorong oleh enam motif iaitu cinta diri sendiri, simpati, keinginan untuk bebas, perasaan sopan santun, tabiat bersungguh-sungguh dan kecenderungan bertukar-tuker barang"

(Eric Roll terj. 1907:120)

Walaupun demikian, keperluan efektif ini hanyalah satu kondisi yang perlu (necessary condition) tetapi belum menjadi syarat cukup (sufficient condition) untuk dorongan mengejar kekayaan. Heilbroner akhirnya menemui bahawa kekayaan memberikan pemiliknya kemampuan untuk mengarahkan dan menggerakkan kegiatan-kegiatan masyarakat. Ini merupakan kekuasaan di mana kekayaan adalah suatu kategori sosial yang tidak terpisah dari kekuasaan (Heilbroner terj. 1991 :25).

Oleh itu , hakikat kapitalisme adalah dorongan tanpa henti dan tanpa puas untuk mengakumulasi kapital sebagai sublimation dorongan bawah sedar manusia. Kesemua ini untuk merealisasikan diri, mendominasikan dan berkuasa. Kerana

dorongan ini berakar dari jati diri manusia kerana itulah kapitalisme mampu bertahan hingga ke hari ini.

### 3.2.3 Sejarah Perkembangan Kapitalisme

Perkembangan kapitalisme dikatakan bermula abad ke 17 melalui ajaran klasik Adam Smith dalam karyanya *An Inquiry Into The Nature and Causes of the Wealth Nations* (1776). Beliau memperkenalkan konsep Laissez Faire, berasal dari perkataan Perancis yang bermaksud “pasaran bebas”. Smith percaya kepada keuntungan yang dihasilkan dari kebebasan dalam pasar (penjualan-pembelian) dan dalam keadaan tanpa kompromi. Keadaan tanpa kompromi ini menurutnya memberikan jalan terbaik untuk mengkoordinasikan kepentingan para individu. Bertentangan sekali dengan merkantalisme yang adanya campur tangan daripada pemerintah dalam urusan negara. (Adam Smith 1776: dipetik daripada Eric Roll; 115)

Robert E.Lerner (1988) dalam Western Civilization menjelaskan bahawa revolusi industri pada awal dunia moden dipengaruhi oleh andaian-andaian kapitalisme dan merkantalisme. Melalui pemerhatian sederhana kapitalisme adalah sebuah sistem pengeluaran, pengagihan, dan pertukaran di mana kekayaan yang terkumpul dilaburkan kembali oleh pemilik peribadi untuk memperolehi keuntungan. Kapitalisme sebagai sebuah sistem yang dibentuk untuk mendorong perkembangan

komersial, melewati batas-batas sempadan tempatan menuju kepada skala pelaburan antarabangsa. Para pedagang kapitalis akan mempelajari pola-pola perdagangan antarabangsa, dimana pasaran berada dan bagaimana untuk memanipulasi pasaran bagi mengaut keuntungan.

Max Weber pernah menyatakan bahawa akar kapitalisme berasal daripada sistem Codex Luris Romae sebagai aturan ekonomi yang lebih kurang universal dan di pakai oleh pedagang Eropah, Amerika, Afrika, Asia Barat dan Asia Timur. Sehingga pada Zaman Kekaisaran, berkembang dan memerlukan sistem undang-undang ekonomi untuk menjamin keadilan para pedagang, tuan tanah feudal dan kaum rohani. Kapitalisme ketika ini lebih ke arah mencari pasaran dan perdagangan dan berusaha mencari nilai lebih (surplus value) dalam perdagangan.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Eric Roll (1995), berlaku pergolakan dalam Zaman Pertengahan di mana usaha Gereja mencari pendekatan bagi menyelesaikan masalah ekonomi yang akhirnya diikuti pemikiran sekular. Selepas Reformasi, kapitalisme terus berkembang menjadi sebuah sistem ekonomi yang kukuh. Gereja tidak mampu menghalang perkembangan ekonomi termasuklah Protestantisme. Sehingga abad ke 19, kebangkitan Revolusi Industri merupakan kemuncak pencapaian kapitalisme.

Perkembangan kapitalisme mengukuhkan lagi akar rasionalisasi dalam pemikiran manusia di zaman itu. Seperti yang dijelaskan Weber bahawa peradaban itu menuju kepada tingkat rasionalisasi yang membawa kepada kebangkitan moden. Rasionalisasi dilihat mampu menghasilkan kebenaran mutlak. Ini disokong oleh kenyataan Hegel bahawa sejarah adalah gerak rasionaliti yang menaik secara dialektis untuk mencapai kebenaran mutlak (Ahmad Sahal 1994:13).

Sementara itu rasionalisasi dalam ajaran Protestant Calvinistik merupakan pendorong berkembangnya kapitalisme dalam kebudayaan Barat. Melalui rasionalisasi tersebut, seluruh aktiviti kebudayaan bergerak dalam kelompok homogen. Hubungan sosial, perkembangan ilmu pengetahuan dan pengiraan keuntungan adalah antara ciri umum yang dikenalpasti dalam budaya kapitalisme.

Oleh kerana itu, Max Weber perpendapat bahawa Protestantisme menjada asas kepada pembentukan sekularisme dalam tamadun Barat. Perkembangan ini dikaitkan dengan prinsip-prinsip kapitalisme yang kemudian berkembang melalui proses rasionalisasi yang dicapai masyarakat Barat. Seterusnya kita melihat bagaimana hubungan antara kapitalisme dan sekularisme dalam proses perkembangan peradaban Barat ini.

### 3.3 HUBUNGAN ANTARA KAPITALISME DAN SEKULARISME.

Setelah melihat perkembangan Protestantisme dan kapitalisme, penulis akan meneliti apakah terdapat hubungan antara kapitalisme dan sekularisme. Ini kerana penjelasan terhadap hubungan tersebut akan membantu penulis menilai tesis Weber terutama ketika meniti perkaitan antara Protestantisme dan kapitalisme.

Apakah terdapat hubungan antara Protestantisme dan kapitalisme dan mengapa Weber meletakkan kapitalisme sebagai punca sekularisme?. Ayn Rand (1970) meletakkan tiga prinsip utama iaitu kebebasan individu, kepentingan diri dan pasar bebas. Mengapa ketiga-tiga ini begitu penting sedangkan kapitalisme merupakan teori ekonomi yang pada dasarnya hanya memerlukan proses jual –beli. Sejarah masyarakat Zaman Pertengahan jelas menunjukkan berlakunya ketidakseimbangan dalam bidang sosial. Kaum puritan contohnya,menghadapi kemiskinan berbanding dengan tuan tanah dan bangsawan. Faktor utama perbezaan kelas ini disebabkan oleh cengkaman Gereja yang menggunakan doktrin indulgence dalam pemerintahan dan ini hanya menguntungkan Paus, Pendeta dan Gereja (Betrand Russel 1961:628). Namun begitu proses asimilasi antara Gereja dan dunia sebenarnya menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku sosial dalam anggota Gereja itu sendiri.

Ternyata perubahan ini memberi kesan kepada perkembangan stratifikasi sosial. Weber dalam kajiannya mendapati pengaruh perkembangan agama dalam stratifikasi sosial hanya berlaku dikalangan kaum buruh, petani, golongan kelas menengah dan rendah. Sebaliknya beliau mendapati kaum elit yang terdiri daripada kaum pedagang yang sangat kaya, tidak percaya kepada “tika pembalasan”. Menurut Weber;

*“semakin tinggi kedudukan keistimewaan kaum tersebut, semakin kurang kemungkinan mereka untuk mengembangkan agama keduniaan lainnya”*  
(

Max Weber 1963:91)

Bagi golongan kelas menengah, rendah, pedagang kecil dan masyarakat kota, kehidupan mereka bertitik-tolak daripada pertimbangan ekonomi yang rasional. Bagi mereka bekerja dan kewajipan berkerjasama akan menghasilkan pulangan yang seimbang. Weber menjelaskan lagi;

*“...atas alas an ini, para pedagang kecil dan masyarakat kota ini bersedia menerima suatu pandangan dunia yang rasional dijiwai oleh etika pembalasan”*

(Max Weber 1963:97)

Keadaan ini berbeza dengan kaum petani yang menganggap kuasa magik dan mitos antara hubungan kehidupan dan alam semulajadi lebih menentukan. Ini kerana dalam masyarakat tradisional, mereka tidak terlibat dengan sistem ekonomi pasar

yang rasional. Malah, menurut Weber, mereka tidak akan campur tangan selagi hak mereka tidak diganggu (diancam) dan campur tangan hanya akan berlaku jika petani menerima pengaruh luar yang kuat. Melalui kajiannya, Weber mengklasifikasikan masyarakat elit dan golongan bawahan (buruh dan budak suruhan) tidak banyak menyumbang kepada perkembangan keagamaan.

*"Bagi golongan elit, tekanan sosial dan ekonomi merupakan sumber yang efektif bagi keselamatan keyakinan, walaupun bukan sumber ekslusif satu-satunya"*

(Weber 1963 ;107)

Sebaliknya kelas pertengahan atau yang tidak mempunyai keistimewaan, menunjukkan kecenderungan untuk menerima dan mengembangkan agama keselamatan (solvation religion) Lanjutan daripada perkembangan ini, gereja yang memegang kuasa tertinggi mencorakkan pemerintahannya melalui penyesuaian "Gereja dan dunia" menurut Troeltsch (1931);

*"Sejarah Gereja Kristian dapat jelas di sahami dari dua sudut yang berbeza, saling bertentangan namun saling melengkapi. Iaitu kompromi dengan dunia dan penolakan dunia-akomodasi dan protes terhadap akomodasi"*

(O'dea ,Thomas F 1996:999)

Akibat daripada penolakan inilah paling tidak Gereja cenderung menerima, kebudayaan sekular dan mengadakan rujukan antara satu sama lain dengan lembaga masyarakat. Weber , Troelstch dan sarjana lain mendapati dua pilihan penting yang dihadapi oleh kelompok berdasarkan perkembangan ini, pertamanya kelompok yang memprotes sedangkan sebahagian tubuh mereka masih dalam cengkaman dan campurtangan Gereja.

Kelompok inilah yang membuat perubahan untuk meningkatkan kesedaran Gereja. Contohnya lahir golongan monastikisme yang mengasingkan diri dari dunia untuk memperlihatkan ciri istimewa Gereja dan mereka bertindak secara halus.

Pilihan kedua, yang juga berkembang daripada pilihan pertama, ialah dengan memisahkan diri daripada Gereja. Kelompok ini sering pula dianaya oleh Gereja yang berkuasa dan hukuman ini menambahkan lagi semangat pengikut mazhab Protestant (O' dea, Thomas F 1996:999). Ini memperlihatkan perkembangan Protestantisme dalam menuntut hak-hak kemanusiaan yang akhirnya menjadi mazhab paling berpengaruh selepas golongan Katolik.

Kembali semula kepada persoalan hubungan antara kapitalisme dan sekularisme, evolusi Gerejalah yang menentukan hubungan antara keduanya. Ini kerana, kesan dari proses penyesuaian telah melahirkan Reformasi untuk memprotes dominasi Gereja. Malah protes ini datangnya daripada golongan yang beranggapan bahawa agama ini tidak banyak memberi kesan dalam kehidupan mereka iaitu kaum tani, buruh dan kelas pekerja. Ini kerana hubungan yang tidak secara langsung dengan sistem ekonomi menyebabkan mereka “dipergunakan” oleh Gereja untuk memenuhi keperluan sendiri.

Sehingga lahir masyarakat baru dalam sejarah peradaban Barat yang melihat agama sebagai halangan mencapai kejayaan hidup. Dalam hal ini, kapitalisme lahir dan berkembang di tengah-tengah kekeliruan masyarakat Barat, kekeliruan ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab terhadap Gereja dan dunia. Situasi ini membenarkan perkembangan sekularisasi kebudayaan yang terdiri daripada dua transformasi yang saling berhubung dengan fikiran manusia. Pertamanya ialah *desakralisasi* sikap terhadap orang dan benda iaitu menafikan keterlibatan emosional dalam menanggani hal-hal keagamaan yang suci. Keduanya *rasionalisasi* pemikiran iaitu mengeluarkan peranan emosi dalam memahami dunia (O'dea, Thomas F:1956).

Seterusnya "*individual conscience*" bersatu dengan "*humanisme*" melahirkan semangat sekularisme. Akhirnya gabungan mantap antara kapitalisme dan sekularisme ini melahirkan fenomena baru yang dijelaskan Weber sebagai moraliti kapitalistik dalam sejarah Barat. Masyarakat ini secara sedar dan rasional menyibukkan diri dengan usaha mengejar harta dunia. Kemakmuran memungkinkan mereka menikmati kesenangan dunia. Malah mereka tidak lagi membenarkan pengurusan Gereja melakukan apa yang dianggap baik untuk mereka atau membiarkan Gereja menangani masalah sosial dan ekonomi yang mereka rasakan dapat ditangani dengan cara yang lebih memuaskan melalui usaha sendiri (Ferguson dipetik daripada O'dea, Thomas F 1996:67-70)

Sehingga lahir masyarakat baru dalam sejarah peradaban Barat yang melihat agama sebagai halangan mencapai kejayaan hidup. Dalam hal ini, kapitalisme lahir dan berkembang di tengah-tengah kekeliruan masyarakat Barat, kekeliruan ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab terhadap Gereja dan dunia. Situasi ini membenarkan perkembangan sekularisasi kebudayaan yang terdiri daripada dua transformasi yang saling berhubung dengan fikiran manusia. Pertamanya ialah *desakralisasi* sikap terhadap orang dan benda iaitu menafikan keterlibatan emosional dalam menanggani hal-hal keagamaan yang suci. Keduanya *rasionalisasi* pemikiran iaitu mengeluarkan peranan emosi dalam memahami dunia (O'dea, Thomas F:1956).

Seterusnya "individual conscience" bersatu dengan "humanisme" melahirkan semangat sekularisme. Akhirnya gabungan mantap antara kapitalisme dan sekularisme ini melahirkan fenomena baru yang dijelaskan Weber sebagai moraliti kapitalistik dalam sejarah Barat. Masyarakat ini secara sedar dan rasional menyibukkan diri dengan usaha mengejar harta dunia. Kemakmuran memungkinkan mereka menikmati kesenangan dunia. Malah mereka tidak lagi membenarkan pengurusan Gereja melakukan apa yang dianggap baik untuk mereka atau membiarkan Gereja menangani masalah sosial dan ekonomi yang mereka rasakan dapat ditangani dengan cara yang lebih memuaskan melalui usaha sendiri (Ferguson dipetik daripada O'dea, Thomas F 1996:67-70)

Secara keseluruhannya hubungan antara kapitalisme dan sekularisme dilihat jelas melalui persamaan prinsip kedua-duanya yang mementingkan hak individu dalam membuat keputusan. Tambahan pula terdapat keraguan terhadap keupayaan Gereja dalam menentukan kesejahteraan hidup. Namun demikian Weber tidak dapat melihat perkembangan kapitalisme dan sekularisme tanpa adanya Protestantisme malah beliau menjelaskan bahwa kedua-duanya (kapitalisme dan sekularisme) berkembang selepas kejayaan Protestantisme. Sebelum ini, kita telah melihat bagaimana perkembangan sekularisme, Protestantisme, sekularisme dan kapitalisme. Oleh itu , kita akan meneliti hujah-hujah Weber dalam menekankan Protestantisme sebagai punca perkembangan sekularisme dalam tamadun Barat.

## BAB 4

MAX WEBER ;

PROTESTANTISME

PUNCA KEPADA SEKULARISME

#### 4.0 PENGENALAN

Di dalam bab sebelumnya, saya telah membincangkan antaranya perkembangan sekularisme, kapitalisme dan Protestantisme. Ketiga-tiganya saling berkaitan antara satu sama lain dan perlu dirujuk dari masa ke semasa untuk melihat pandangan Weber tentang “Protestantisme punca kepada perkembangan sekularisme dalam tamadun Barat”. Mengapakan Weber melihat Protestantisme bukan kapitalisme atau prinsip sekularisme itu sendiri. Persoalan yang menarik ini jarang diberi perhatian sarjana-sarjana Barat. Ini kerana kebanyakan sarjana berpendapat dakwaan Weber tidak dapat dibuktikan, tambahan pula kapitalisme yang berkembang mempunyai kekuatan tersendiri. Saya akan berusaha mengaitkan ketiga-tiga aspek ini dengan hujah Weber sebelum membuat kesimpulan.

#### 4.1 PANDANGAN WEBER TERHADAP ETIKA PROTESTANT

Tesis Weber “*The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*” turut mencerminkan dan menjadi petanda kepada kelahiran kapitalisme moden, yang mempengaruhi Protestantisme khususnya Calvinisme. Tesis ini telah dibincang dari berbagai aspek tetapi masih tiada perbincangan terperinci. Protestantisme sebagai punca kepada sekularisme. Bagi memulakan perbincangan ini kita akan melihat apakah pandangan sebenar Weber terhadap etika Protestant yang menunjukkan bahawa ada hubungan langsung antara Protestantisme dan sekularisme.

#### 4.1.1 Perkembangan Protestantisme dalam Kebudayaan Masyarakat

Weber berpendapat agama adalah faktor penyebab berkembangnya kapitalisme moden dan faktor penting bagi perkembangan kapitalisme lanjut. Malah dalam kajiannya yang lain Weber menjelaskan bagaimana kedudukan agama yang lahir dari keterbatasan manusia itu sendiri berupaya bertindak mengembangkan masyarakat. Weber melihat manusia berhadapan dengan “masalah makna” di mana, penderitaan yang dihadapi manusia tidak hanya boleh disesuaikan oleh penyesuaian emosional tetapi jaminan kognitif. Penderitaan yang berkait rapat dengan masalah nasib, disiplin dan moral, bencana ketidakadilan serta maut menyebabkan manusia bergerak mencari jawapan bagi menjawab persoalan ini. Jawapan ini pula akan menjadi sebahagian daripada kebudayaan yang mampan dan struktur institusi masyarakat.

Perkembangan ini menunjukkan agama akan mempengaruhi sikap praktis manusia terutama dalam aktiviti seharian dengan cara tersendiri. Melalui caranya, konsep agama mempengaruhi pula pembentukan tujuan, hukum yang mengatur kehidupan dan struktur nilai umum yang mempengaruhi pilihan dan keputusan . Weber pula menganggap untuk umatnya, agama telah memberi jawapan yang tertinggi kepada penyelesaian masalah makna. Penjelasan Weber ini menunjukkan bahawa manusia untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan akan mencari agama yang mampu memberi keyakinan dan panduan. Dalam konteks masyarakat

Barat, buktinya ialah berlaku peralihan agama, yang mana ada manusia yang sanggup meninggalkan agama asal dan memilih agama baru untuk keselamatan. Sehubungan dengan penjelasan Weber, Protestantisme dilihat sebagai salah satu daripada aliran agama yang dilahirkan menyelesaikan bagi masalah makna. Ketika itu rakyat Jerman yang rata-ratanya berhadapan dengan kemiskinan dan kebergantungan terhadap Gereja. Bagi kelas menengah yang memeluk ajaran Protestant ascetik selepas Reformasi, mereka mendapati ada beberapa perkara di dalam Protestan ascetik yang tidak sesuai dipraktikkan. Mereka kemudian mencampurkan ajaran Katolik untuk melengkapannya.

Pada peringkat ini hubungan antara Tuhan dan manusia dilihat secara manipulatif. Tuhan memanipulasi manusia (yang secara aktif menunjukkan implikasi pilihannya sendiri), maka etika Protestant melihat dunia sebagai gelanggang untuk dikuasai secara aktif oleh manusia. Situasi inilah yang merintis kepada sekularisasi kebudayaan dan pengingkaran terhadap Tuhan. Ini dijelaskan oleh Bayer (1991);

*"Tuhan memang tidak dinafikan seperti kecenderungan masyarakat pada tahun 1960. Tuhan tetap diakui kewujudannya tetapi secara bersama-sama, iblis (evil) semakin diakui pula..., masyarakat moden menyintasi Tuhan, tetapi telah kehilangan rasa takut terhadap Tuhan"*

(Bayer 1991:380)

Tidak dapat disangkal lagi, Protestantisme turut membangkitkan “semangat awam” yang disebut sejarawan iaitu “sentimen menguatkan harga diri dengan nilai kegiatan dunia” serta kepentingannya seperti yang terdapat dalam Calvinistik. Menurut Henri Pirenne, semangat awam ini “bersatu dengan semangat agama yang paling dalam”. Pembaharuan dan konflik inilah yang sama-sama mempercepatkan proses sekularisasi.

Ini dijelaskan oleh Franz Magnis bahawa manusia memandang alam, sesama manusia dan Tuhan kedalam dirinya sendiri. Kekuatan keyakinan teologi telah lebur dalam kenyataan-kenyataan kehidupan. Kekuasaan Tuhan dan alam semesta telah diambil oleh subjektiviti manusia sebagai penakluk alam semesta. Manusia menjadi lebih bebas dalam merealisasikan kehidupannya tanpa campur tangan kekuatan lain diluar dirinya sendiri. Manusia kemudiannya berkembang sebagai makhluk pekerja (humo faber) yang bebas untuk membentuk kehidupannya di dunia(Franz Magnis 1992:60)

Apabila dilihat dari sudut keyakinan agama, subjektiviti manusia ditemui dalam aliran keinsanan (humanisme) iaitu kebebasan individu dalam menolak kepercayaan yang tidak sesuai dengan suara hati. Gereja yang memegang kuasa utama tidak lagi dilihat sebagai satu-satunya sumber kebenaran. Sebaliknya masyarakat Barat bebas mencari sumber-sumber yang lain. Malah tafsiran kitab suci juga tidak lagi menjadi hak pemimpin Gereja. Franz Magnis sekali lagi menekankan

bahawa “ setiap orang berhak membaca dan merenungkan kitab suci sendiri (Franz Magnis (1992:63)

Perkembangan ini menurut Weber berlaku selepas Reformasi Protestant yang pada dasarnya berlaku kerana pemimpinnya Martin Luther, merasa tercabar dan malu dengan sikap pemimpin dan Gereja yang tidak bertanggung jawab. Reformasi ini berlanjutan dan apabila dibawah pemerintahan Calvin, ia menjadi semakin kukuh dan berkembang dengan cara tersendiri.. Tanpa disedari ia membentuk mazhab baru yang dikenali sebagai mazhab Protestant

#### **4.1.2 Pengaruh Calvinistik dalam Pandangan Weber.**

Pengkajian Max Weber tentang etika Protestant menunjukkan bagaimana konsep teologi telah menjadi kelengkapan orientasi yang lebih dalam dan sangat mempengaruhi tindakan masyarakat. Weber melihat gerak Protestantisme cenderung ke arah ascetikisme dunia yang mempunyai kesan menghilangkan unsur-unsur magik dan mitos dari pandangan keagamaan dan memusatkan tenaga dan perhatian manusia kepada tindakan (Weber 1963:269). Sedangkan dalam agama Asia yang popular menganggap “dunia tetap merupakan taman yang memikat “dimana kita mencari keselamatan melalui proses ritual (pemujaan), musyrik dan bersifat suci”. Berbalik kepada Protestantisme, yang mana Weber melihat Protestantisme itu sendiri

mencipta motivasi keagamaan dalam mencari keselamatan terutama melalui keterlibatan dalam pekerjaan dunia seseorang (Weber 1963:267).

Sumbangan Calvin dalam gerakan Protestantisme dilihat oleh Weber sebagai kemuncak kejayaan Protestantisme. Terdapat mekanisme khusus di mana menurut Weber melalui mekanisme ini kepercayaan Calvinis berubah atau terikat kepada motivasi kegiatan ekonomi yang dunia ini, iaitu melalui unsur takdir Tuhan (Predestination). Akibat daripada kegelisahan luar biasa, manusia menjalankan kegiatan dunia dengan bersemangat untuk menjadi orang-orang yang terpilih. Sikap mementingkan pekerjaan ini sebagai salah satu daripada jaminan keselamatan menyebabkan masyarakat Barat cenderung meninggalkan Katolikisme.

Malah Weber melihat gagasan anti sakramen suci sebagai "*the great historic process in the development of religion*" yang menghapuskan kepercayaan magik dan mitos keagamaan yang diamalkan berabad-abad (Weber 1963:56). Doktrin anti sakramen suci, lebih jauh memperkuatkan semangat individualisme malah Protestantisme juga menjunjung tinggi effsiensi dan rasionaliti (Waber 1963:56)

Weber turut menerangkan bahawa doktrin panggilan (calling) telah menyebabkan kaum puritan menjadi rajin dalam perdagangan demi kebebasan Tuhan (Robertson dipetik daripada Roland 1997:11). Ianya berkait rapat dengan

kebangkitan kapitalisme namun untuk membuat analisa perbandingan sebab dan akibat antara agama dan kapitalisme dalam dunia Barat, Weber membuat pemeriksaan ke atas kebudayaan-kebudayaan lain. Weber dapti walaupun ada bibit-bibit permulaan kapitalisme namun dalam erti Barat terutamanya kapitalisme tidak pernah tumbuh. Hanya dunia Barat terutamanya ascetic duniawi yang telah menghasilkan keperibadian tertentu.

Seterusnya Weber menekankan bahawa kebangkitan kapitalisme mempunyai berbagai sebab. Antaranya sebab agama itu ialah Kristian, dalam agama Kristian sebabnya ialah Protestantisme dan dalam Protestantisme itu pula ada Calvinisme. Kita lihat kembali perkaitannya. Reformasi terhasil akibat keraguan terhadap sesetengah pihak yang mengendalikan pentadbiran Kristianiti dan terhadap masalah-masalah yang diputuskan oleh Gereja.

Keadaan ini melahirkan bibit-bibit pertentangan sehingga menyebabkan wujud perasaan anti agama yang dipelopori oleh Martin Luther dan John Calvin iaitu Protestantisme. Protestantisme ternyata mendapat sambutan hebat dari golongan rakyat (petani) yang bersama-sama melancarkan gerakan sehingga berlakunya “*perang tiga puluh tahun*”. Di dalam Protestantisme pula terdapat pengaruh sekularisme dan kapitalisme yang berkembang akibat daripada proses rasionalisasi..

Gerth dan Mills menjelaskan bahawa Weber melihat pengaruh Calvin sebagai satu aspek penting yang mempengaruhi perubahan ketaatan masyarakat Barat terhadap agama. Inilah yang dikatakan Weber sebagai pandangan Protestantisme itu iaitu;

*"sepanjang ruang lingkup pengaruh pandangan puritan, dalam segala keadaan dan tentu sahaja ini jauh lebih penting daripada dorongan untuk memupuk modal, ia mendorong untuk memupuk modal dan ia mendorong pembangunan suatu kehidupan ekonomi borjuis yang rasional, ia merupakan pengaruh atas perkembangan kehidupan tersebut yang paling utama dan paling penting. Ia terdapat pada tempat lahirnya manusia ekonomi moden".*

(Weber 1958:174)

Pandangan Weber inilah yang menimbulkan kontroversi seterusnya ascetiksme duniawi Calvin, ditekankan Weber sehingga membentuk kajian ilmiah. Oleh itu dalam perkembangan ini, sememangnya menurut Weber berhubung antara satu dama lain dan mewujudkan hubungan langsung antara kapitalisme dan Protestantisme yang memberarkan perkembangan sekularisme.

#### **4.1.3 Hubungan Protestantisme dan Kapitalisme dalam Pandangan Weber.**

Sudah tentu untuk mengukuhkan hujahnya, Weber melihat kapitalisme dalam konteks Etika Protestant. Setelah gerakan Reformasi Calvin menjadi aspek penting kejayaan Protestantisme. Weber melihat pula, bagaimana pengaruhnya kepada perkembangan kapitalisme. Menurut Weber kapitalisme moden lahir daripada kekuatan kumulatif, sosial, politik, ekonomi dan agama dalam sejarah Eropah. Hujah Weber boleh disokong apabila kita melihat bahawa kapitalisme tidak memperkenalkan dirinya sendiri secara mampan. Ini kerana kapitalisme tidak

memiliki asas kebudayaan yang lahir dari dirinya sendiri. Sebaliknya kita melihat didalam sejarah, bahawa kapitalisme lahir daripada hubungan sosio-budaya yang telahpun wujud seperti Protestantisme. Kapitalisme berjaya meresapi pemikiran masyarakat Barat secara halus dan evolusi, buktinya, budaya-budaya negatif yang ditimbulkan kapitalisme tidak disedari. Contohnya sekularisme yang mengambil kekuatan kapitalisme bagi mempengaruhi masyarakat Barat.

Masyarakat dituntut supaya menilai kehidupan yang sedia ada dan melihat samada bersesuaian dengan keadaan semasa ataupun tidak supaya mencapai standard yang ditetapkan kapitalisme. Dalam proses ini agama secara beransur-ansur beralih dari kedudukannya sebagai sumber nilai utama yang membentuk gaya hidup, dan bertukar menjadi alat bagi gaya hidup itu sendiri. Kehidupan keagamaan ini telah ditarik dari wilayah sakral menuju pola kehidupan yang bersifat tidak tetap. Pola kehidupan ini akan mencipta suatu kuasa berpengaruh sebagai satu pilihan yang mungkin bertentangan dengan kehendak agama (Headar Nahsir 1997:115) .

Malah Weber menjelaskan bahawa sebelum kapitalisme lahir telah wujud pelbagai usaha untuk mendapatkan keuntungan. Malah menurut Weber aktiviti-aktiviti ini ada yang jelas bertentangan dengan agama tetapi masih tiada penolakan terhadap agama. Aktiviti-aktiviti ekonomi ini walau bagaimanapun memiliki persamaan dengan kapitalisme dari aspek mendapatkan keuntungan, dan keuntungan sentiasa diperbaharui,dengan usaha kapitalis yang berterusan dan rasional (Weber 1958:17).

Weber kemudian menyambung bahawa semangan kapitalisme moden ini berbeza, dari sistem sosial yang bersifat rasmi serta usaha kapitalis tidak selamanya mengiringi dua hal yang terakhir ini. Dalam kerangka jenis hubungan-hubungan ini mungkin terdapat semangat-semangat yang berbeza-beza iaitu yang moden dan yang tradisional (Weber 1958:65). Manakala persamaan antara nilai Calvin dan Kapitalisme secara paling jelas terlihat pada jenis manusia yang menjadi pendukungnya. Mereka menolak kemegahan berlebih-lebihan dan pemborosan, memberi cadangan dan kejujuran, dengan sedikit sifat ascetiksme (Weber 1958:71).

Sifat inilah yang dilukis Weber sebagai ascetikme duniawi. Menurut Weber, hubungan langsung antara Calvinisme dan kapitalisme moden telah wujud pada masa lampau dan ia didahului oleh hubungan yang sama seperti sekarang. Ini bererti bahawa mana-mana agama boleh bersifat menentukan hubungan kapitalisme. Sama ada mempercepatkan atau menghalang pertumbuhan tersebut (Weber 1858:284).

Sementara itu doktrin panggilan dalam calvinisme dilihat Weber sebagai faktor utama. Doktrin panggilan menekankan bahawa dengan bekerja keras manusia akan memperolehi keselamatan dan mungkin petanda keselamatan. Memberi peluang kepada segelintir agar mereka termasuk ke dalam manusia yang terpilih pleh Tuhan.

Situasi ini memperlihatkan bagaimana manusia mendapat dorongan untuk memperolehi kejayaan dunia. Kesannya ia semakin berkembang dan melepaskan pengaruh pengaruh kapitalisme (Weber 1958:2-3). Sedangkan ajaran ini bukan tidak wujud dalam lain agama bahkan Kristian, Yahudi turut menekankannya. Namun begitu Calvinisme memberi ruang dan jalan apabila mengaitkan pemikiran manusia bahawa mungkin sekali kejayaan merupakan petanda keselamatan.

Oleh itu inilah yang dijelaskan dalam tesis Weber iaitu Calvinisme punca kepada pertumbuhan kapitalisme dalam sejarah tamadun Barat. Ajaran Calvin Bersifat menentukan apabila menekankan tanggung jawab individu untuk menyelamatkan diri dan kejayaan dunia adalah hasilnya. Kemudian institusi ini menimbulkan kehidupan yang bersifat teratur dan berdisiplin. Sifat-sifat ini kemudiannya bersatu di dalam aspek-aspek bukan ekonomi dalam kehidupan dan melahirkan "moraliti kapitalistik" apabila sekularisme menjadi intipati utama untuk mencapai matlamat, memperolehi keselamatan.

#### 4.2 AGAMA DUNIA DAN PERKEMBANGAN KAPITALISME

Terdapat segelintir sarjana tidak berpuashati dengan pandangan Weber yang menekankan konsep teologi bagi menjadi kelengkapan orientasi yang lebih dalam dan sangat mempengaruhi tindakan manusia dan masyarakat. Malah pandangan Weber terhadap Protestantisme sebagai bukti punca pertumbuhan kapitalisme dalam tamadun Barat tidak dapat diterima kebanyakkan mereka. Dipihaknya, Weber telah mengkaji agama-agama dunia yang berpengaruh bagi melihat apakah agama-agama ini turut mempengaruhi pertumbuhan kapitalisme dalam tamadun masing-masing.

Weber membuat kajian ke atas agama Hindu dan hubungannya dengan kapitalisme di India. Weber mendapati bahawa India banyak memiliki situasi sosial yang memihak kepada kapitalisme. Antara sebabnya menurut Weber, ia adalah kawasan perdagangan dengan perkembangan bidang kraftangan dan adanya pengkhususan pekerjaan. Pedagang tidak dibebankan dengan kekuasaan negeri dan cukai yang tinggi tetapi mereka terdiri daripada lapisan masyarakat yang bekerjasama seperti di Zaman Pertengahan Eropah. Weber mendapati wujud institusi pinjaman dan instrument pinjaman yang lain untuk perdagangan jarak jauh, hutang negeri, cukai pertanian, dan polisi fizikal kerajaan yang lain seperti terdapat di Eropah. India juga merupakan negeri yang kaya, bandar perdagangan, ekonomi yang berkembang pesat dan mempunyai tahap rasionalisasi yang mendahului dunia.

Namun kesemua ini menurut Weber tidak dapat membenarkan pertumbuhan kapitalisme. Sebab utama yang menghalang pertumbuhan tersebut ialah hukum karma masyarakat Hindu. Ia menghalangnya meskipun terdapat faktor baik lain yang boleh menggalakkan pertumbuhan kapitalisme (Weber 1958:337). Sistem kasta dan nilai agama yang menyokongnya iaitu doktrin agama Brahman, Hinduisme dan struktur politik India membebaskan India dari belenggu kapitalisme (Randall Collins 1986:111-118)

Sebaliknya Weber menjelaskan terdapat tiga halangan untuk melahirkan masyarakat kapitalisme di China. Pertama, bandar pusat pentadbiran dan berjual-beli. Bandar dibahagikan kepada kumpulan yang kecil (suku), tidak memberi ruang kepada perkembangan kuasa borjuis dan wakil mereka dalam undang-undang. Kedua, sistem suku menghalang penyatuan etika. Perasaan kesukuan yang kuat menghalang interaksi dengan pihak luar. Berbeza dengan masyarakat Kristian Eropah yang menganjurkan perasaan persaudaraan sesama manusia yang kemudian memanjangkan etika tersebut dalam urusan perniagaan.

Halangan ketiga ialah, tiada sistem undang-undang rasional yang bebas. Terutamanya undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan harta dan transaksi ekonomi yang perlu untuk perkembangan kapitalisme. Weber menggariskan Confucius dan Toisme sebagai faktor utama yang terbabit dalam halangan-halangan tersebut. Menurut Weber ;

*“...Utilitarianisme yang tidak kenal putus asa serta disistematiskan secara beragama yang tidak dapat pada ascetisme rasional untuk hidup “di dalam” sambil tidak menjadi sebahagian daripadanya, telah membantu menghasilkan kecenderungan-kecenderungan rasional yang tinggi dan dengan itu semangat orang di bidang kejurusan yang pada analisis terakhir, tidak terdapat pada Confucianisme. Ertinya cara hidup yang berdasarkan Confucianisme memang rasional tetapi ditentukan oleh dunia luar dan bukan seperti puritanisme, oleh dunia batiniyah. Pertentangan ini dapat mengajar kita bahawa kesederhanaan serta sifat hemat semata-mata, dikombinasikan dengan kemahiran untuk mendapatkan serta penghargaan akan harta sangat tidak representatif dan jauh dari melepas “semangat kapitalis”, dalam erti bahawa ini didapati pada setiap anggota bidang kejurusan dalam ekonomi moden”.*

(Weber 1951:237)

Weber menggambarkan masyarakat Cina sebagai separuh rasional dan elemen rasional tersebut telah dicapai agak awal dalam sejarah. Dari aspek agama, Weber melihat ada satu gambaran yang agak rasional mengenai pandangan dunia dimana penyelesaian dibuat oleh intelek agama Confucius dan ia menjadikan aktiviti keduniaan berbanding dengan mistik sebagai fokus utama. Tetapi struktur yang sama ini juga bertolak ansur dengan sistem famili kuno dengan sifatnya yang magik. Birokrasi Cina dan Confucianisme bergabung dan menjadikannya asas pembinaan tembok kepada peraturan yang tidak berubah yang cuba dipegangnya.

Kesan paradoksikal kepada elemen masyarakat Cina “moden” ialah, mereka membuat bentuk “pre moden” menjadi bentuk yang kekal dan memperkuuhkan mereka sebagai halangan kepada perkembangan penuh kapitalisme moden (randall Collins 1986:118-124)

Islam pula menurut Weber mempunyai dua ciri yang terserlah. Weber mulai dengan mengakui Islam sebagai agama monoteis yang didasarkan pada ramalan sesuai dengan etika (berhubung) yang menolak ilmu ghaib. Dengan meletakkan Allah sebagai Yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui, dan nasib manusia telah ditakdirkan, ascetikisme mungkin timbul sebagai jalan keluar bagi rasa bimbang tidak memperoleh keselamatan. Weber mengatakan bahawa perkembangan ascetikisme dihalangi oleh dua kelompok sosial yang penting; golongan pejuang yang merupakan pendukung sosial utama dari Islam, dan persaudaraan kaum sufi yang memupuk sikap mistik dalam beragama.

Weber mendapati ciri-ciri Etika Protestant seperti tanggungjawab secara langsung kepada Tuhan, kejujuran dalam perbuatan, kerja keras, sifat hemat, pembahagian waktu yang terurus dalam kehidupan sehari-hari ada di dalam Islam. Juga dari aspek konsep panggilannya di mana setiap orang yang berusaha dalam kehidupan dinyatakan sebagai mendapat berkat dari Tuhan (Alatas, Syed Hussin 1963:21-35).

Namun demikian, menurut Weber pembawa sosial Islam adalah pahlawan Arab yang menukar doktrin keselamatan (salvation) kepada mengejar kemewahan. Oleh yang demikian, kebimbangan yang dialami puak Calvinis tidak pernah wujud sepenuhnya dalam Islam. Kedua, sistem pemilikan tanah di dalam Islam telah menyebabkan muncunya negeri yang berpusat. Islam seterusnya menjadi satu ideologi yang berstrukturkan patrimonial dan menghalang pertumbuhan bandar

yang sederhana. Di kalangan pejuang Arab, konsep keselamatan batin tidak pernah berkembang sepenuhnya, dan yang lebih diutamakan ialah pelaksanaan upacara-upacara keagamaan, bukan Iman. Islam yang dulu hanya mensyaratkan pengakuan ketaatan kepada Tuhan dan Rasul-Nya, ditambah beberapa perintah yang sifatnya praktis dan pemujaan untuk menjadi seorang Muslim (Weber 1965:72)

Kesimpulan Weber “Islam tidak pernah bersungguh-sungguh merupakan agama penyelamat”, walaupun tumbuh dari monoteisme dan Kristian” (Weber 1965:263). Tetapi menurut Weber, Islam mengembangkan satu jalan menuju ke arah keselamatan sejati yang akhirnya merupakan tujuan-tujuan keagamaan, tetapi jalan ini bersifat mistik dan keluar dari dunia (other worldly). Paling penting Islam menekankan persamaan hak melalui perpaduan antara sikap beragama kaum pejuang dengan penerimaan dunia secara mistik menimbulkan seluruh jiwa yang sangat khas feudal, penerimaan perbudakan, pengabadian dan poligami, tanpa dipertanyakan tuntutan keagamaan yang sangat sederhana, dan bahkan syarat-syarat etis yang lebih sederhana lagi (Weber 1965:264).

Namun begitu, memandangkan Islam tidak menunjukkan perubahan yang radikal kepada kuasa sekular dunia, ia gagal untuk membangunkan satu sahaman yang rasional, yang boleh membawa pengikutnya kepada satu posisi yang penting dalam penguasaan dunia. Islam menurut Weber tidak pernah mencabar struktur politik yang boleh mengasaskan perubahan sosial. Di dalam Islam, ibu kotanya selalu beku dalam pelaburan melibatkan harta wakaf. Walaupun harta benda adalah subjek

kepada campurtangan politik adalah sukar untuk mendapat jaminan undang-undang kerana sifat undang-undang agama yang sangat tidak stabil (Bryan S.Turner 1983: 21-23). Oleh kerana itu Islam tidak memiliki dasar yang diperlukan untuk menumbuhkan sistem kapitalis, iaitu tradisi hukum formal yang sistematik.

Kesemua penjelasan Weber ini meletakkan Protestantisme punca kepada sekularisme dalam tamadun Barat. Meskipun terdapat unsur-unsur kapitalisme dalam agama-agama lain khususnya Asia, namun Weber melihat terdapat kekuatan dalam agama itu sendiri yang menghalang pertumbuhan pantas sekularisme. Malah Weber menemui penyebab bagi kemunculan kapitalisme moden di Asia dewasa ini dan ia adalah pengaruh dunia Barat (Weber 1959:61)

Secara keseluruhannya, Weber membuktikan melalui kajian-kajiannya sebelum meletakkan Protestantisme sebagai punca berkembangnya semangat kapitalisme dalam tamadun Barat. Daripada semangat kapitalisme inilah pengaruh sekularisme meresap dalam kehidupan masyarakat yang akhirnya meletakkan kepercayaan agama di tempat kedua. Upacara ritual dan kepercayaan ghaib tidak mendapat tempat sebaliknya penggunaan akal (rasionalisme) mampu memberikan jalan terbaik bagi mengubah kehidupan.

Malah, kesedaran individu menggalakkan tumbuhnya semangat *humanism* dengan *homo universale* (manusia universal) yang merintis kepada perkembangan *antroposentrik*. Inilah yang dijelaskan Weber sebagai tingkat rasionalisasi manusia,

untuk memperolehi kehidupan yang selamat dunia dan akhirat. Manusia diangkat sebagai subjek dan berdepan dengan dunia sekularisme

Walaupun demikian, kebanyakan sarjana tidak kira ahli sosiologi, ahli ekonomi atau ahli-ahli politik dan pemerintah melihat argumentasi Weber terhadap peranan Protestantisme sebagai longgar atau “satu interaksi yang dangkal”. Weber dikatakan hanya melihat perkembangan tersebut dari sudut pandangannya, tanpa melihat faktor lain terutama kapitalisme itu sendiri. Seterusnya kita akan melihat kritikan-kritikan ke atas tesis Weber yang dibuat oleh beberapa orang sarjana bagi melihat kelebihan Weber melalui sudut pandangan masing-masing.

#### 4.3 KRITIKAN SARJANA KE ATAS TESIS WEBER

Sejak mula dicetak awal abad ke 19, tesis Weber begitu “laris” sehingga banyak kritikan dan sokongan diterima oleh bapa sosiologi ini. Malah terjemahan ke dalam pelbagai bahasa membantu pengkajian terhadap kebenaran tesis Weber . Sehingga kini, setiap kali membicarakan kebangkitan semangat kapitalisme para sarjana tidak akan meninggalkan hasil tulisan Weber sebagai rujukan. Malah kejayaan tesis ini dilihat apabila sarjana-sarjana moden mengupas tentangnya dalam era yang berlainan namun masih berpandukan tulisan tersebut.

Antara sarjana yang melihat kebenaran dan kelonggaran tesis Weber ialah Talcott Parsons, Tawney, Troeltsch, Fischoff, Robertson, Fanfani dan ramai lagi. Penolakan atau penerimaan ini disebabkan oleh pandangan Weber bahawa Protestantisme (Calvinisme) adalah sebab pertumbuhan kapitalisme dalam dunia Barat. H.M. Robertson, antaranya menolak keras tanggapan Weber yang dianggap hanya sebagai "psikologi Weber". Beliau melihat kapitalisme timbul dari keadaan "material" bukan dari "dorongan jiwa keagamaan tertentu" (H.M. Robertson 1935 XIII).

Kebanyakan ahli sosiologi yang menolak tesis Weber menekankan bahawa tesis tentang etika Protestant hanyalah monopoli awal yang bersifat percubaan. Ini kerana di dalam intipati Etika Protestant, ascetiksme adalah syarat yang penting dan memadai untuk membenarkan pertumbuhan kapitalisme rasional tetapi ascetik perlu diletakkan dengan sejumlah variable asas yang lain (Niles M Hansen 1963, 462 - 474).

Ahli-ahli sosiologi ini kebanyakan beralih kepada "sejarah umum" untuk mencari kebenaran tesis Weber dan mendapati antara prasyarat bagi kelahiran kapitalisme moden yang meliputi bentuk-bentuk pemilikan kapitalis, tenaga kerja yang bebas, hukum yang rasional dan pasaran bebas. Kerana itu, ada di antara mereka yang mengatakan bahawa Weber mempunyai rancangan umum dan melakukan ujian ke atas etika Protestant dengan menggunakan perbandingan ke atas pelbagai kebudayaan.

Talcott Parson kemudian menjelaskan bahawa Weber, sambil berpaling dari metode penyesuaian (persamaan) kepada metode perbezaan, melaksanakan serangkaian kajian perbandingan yang sangat besar dan semuanya diarahkan kepada pertanyaan apa sebab kapitalisme borjuis yang rasional dan moden tumbul sebagai fenomena yang menonjol hanya di dunia Barat (Talcott Parsons 1949,512)

Penolakan ke atas tesis Weber bukan setakat itu sahaja. Dilihat daripada perspektif idealis yang sederhana etika Protestant mengalami dua masalah. Pertamanya, Weber juga dikatakan menerima metodologi J.S. Mill dan dengan demikian mengecilkan *Verstehende sosiologie* (sosiologi 'kefahaman')nya sendiri. Keduanya ia berpendapat bahawa tesis Etika Protestant berterusan dan merupakan inti dari sosiologi Weber yang lepas. Namun persoalan-persoalan yang diutarakan dalam "Judaism Purba", "Agama di China" dan "Agama di India" bersamaan dengan birokrasi patrimonialisme dan organisasi desa jauh lebih luas daripada tema tesis Etika Protestant pula terbatas dan dalam beberapa hal persoalan asketisme sebagai satu ciri perubahan sosial yang radikal menyentuh analisa Weber tentang masyarakat Asia. (Hisao Otsuka 1966,275-298)

Sementara itu, Ferdinand Kolegar mengkritik komentar-komentar tertentu yang menjelaskan teori kapitalisme dan Protestantisme Weber sebagai hanya satu telahan kausal yang sederhana tentang pembangunan ekonomi. Kolegar menjelaskan bahawa Weber cuba memperlihatkan "tenaga yang saling memperkuatkan" antara etika ekonomi dan etika agama (Ferdinand Kolegar 1964,362). Dalam hal ini Weber

dikatakan tidak mempunyai pandangan positif atau kemanusiaan mengenai sebab dan akibat lalu cuba menjelaskan aksi-aksi dengan cara memahami ertiinya yang subjektif.

Sesetengah sarjana pula cuba membahaskan hubungan langsung sebab dan akibat antara etika Protestant dan Calvinisme di satu pihak dan perkembangan kapitalisme di pihak yang lain. Pada peringkat ini tesis Weber di cabar habis-habisan antaranya perkembangan Geneva-Calvin sendiri, komuniti-komuniti Calvin di Belanda, Scotland atau Palanata tidak gemar adanya perkembangan baru orientasi ekonomi, atau organisasi ekonomi yang lebih berautonomi. Dalam manifestasi sikap mereka terhadap berbagai-bagai kegiatan ekonomi, ia tidak terlepas dari orientasi Katolik yang kuat (S.N Eisendstadt 1976; 25-46).

Sesetengah ahli sarjana meragui “mekanisme khusus” Weber di mana melalui mekanisme ini kepercayaan Calvinisme terikat kepada motivasi kegiatan ekonomi yang duniawi iaitu unsure “psikologi takdir Tuhan”. Ia memperlihatkan kegelisahan luar biasa dikalangan penganutnya dan mendorong mereka menjalankan kegiatan duniwi dengan bersemangat untuk membuktikan mereka sebagai orang yang terpilih. Malah ada juga diantara mereka yang menganggap Calvinisme lebih menekankan tanggungjawab individu, orientasi umum pada “dunia kini” berbanding “alam kekal” yang dititikberatkan agama lain (Hudson, W 1949 :3-16). Tidak kurang juga yang menganggap Protestantisme memiliki kegemaran yang sama dengan berbagai-bagai

aspek dunia moden. Kerana itu perkembangan kapitalisme abad ke 17 hingga ke 18 tidak lagi dibayangi oleh kepercayaan Calvinistik yang murni.

Kesemua ini adalah gambaran sarjana yang menyangkal tesis Weber, ada diantara mereka kemudian menambah bahawa kecenderungan Protestantisme turut serta dalam aktiviti masyarakat bukanlah cirri sebenar Calvinisme atau Protestant itu sendiri. Sebaliknya ia adalah proses peralihan Protestantisme ke dunia yang lebih pluralistik, toleran separuh sekular, dan memperlihatkan kemerosotan pengaruh agama yang kuat jika dibandingkan sebelumnya. Menurut mereka lagi ini adalah disebabkan kurangnya pegangan agama kaum puritan menyebabkan wujudnya landasan antara Protestantisme dengan modernisasi.

Walau bagaimanapun penerangan penerangan yang dibuat oleh Fischhoff dalam bahagian terakhir tulisannya tentang kontroversi ini lebih kemas. Penjelasannya tentang tesis Weber adalah seperti berikut;

*“... dari sudut tesis Weber, harus diterangkan bukan berdasarkan interpretasi biasa melainkan untuk mengusut pengaruh kausatif dari Etika Protestant terhadap munculnya kapitalisme, tetapi sebagai satu eksposisi dari pelbagai persamaan dari aspek-aspek satu kebudayaan seperti agama dan ekonomi, yang demikian beragam. Karangan itu perlu dianggap sebagai satu projek hermantentik (ilmu penafsiran yang merangsang) suatu penyataan tentang korelasii yang menarik antara pelbagai faktor kebudayaan. Sekalipun pada waktu penerbitan semula esei itu, Weber mempertahankan bahawa pandangan tentang esei itu sama –sekalii tidak berubah, namun seluruh jiwa dari karya-karya tulisannya kemudian memantulkan secara terselubung perubahan pandangan, atau paling tidak perpindahan titik- berat. ... Penting untuk ditekankan bahawa beberapa hujah yang didapati dalam metode ideal type Weber dineutralisasikan dalam kajian sosiologinya yang menyusul kemudian mengenai agama-agama bukan Kristian, yang sedikit sekali mendapat perhatian.*

( E. Fischoff 1959 : 13-14)

Tetapi Fischoff masih gagal untuk menerangkan maksud sebenar tesis Weber. Menurutnya hubungan antara Etika Protestant dan kapitalisme bukan semata-mata persamaan tetapi soal cara yang menyebabkan satu kesan.

Berbeza dengan pernyataan Samuelsson yang memahami hubungan antara sebab dan akibat. Samuelsson menjelaskan :

*"Weber berkeras mempertahankan bahawa kaitan-kaitan sebab dan akibat seperti itu memang Protestantisme menyemat prakonchiri untuk suatu "semangat kapitalisme". Perkataan ini tidak berlaku kepada Lutheranisme yang memiliki sikap kaedah Gereja tradisional terhadap perdagangan. Akan tetapi ia berlaku tanpa batasan-batasan pada Calvinisme serta pelbagai mazhab Protestant."*

(Kurt Samuelsson 1961:2)

Para sarjana kebanyakkan melihat tesis Weber tidak menghiraukan sebab-sebab yang wujud sebaliknya tetap berpegang bahawa Protestantisme dan Calvinisme adalah sebab yang menentukan. Namun tulisan Luethy dan Welzer sekurang-kurangnya mampu memberi petunjuk penting dalam mengkaji tesis Weber. Kajian ini tertumpu kepada perselisihan perbahasan daripada kajian hubungan langsung sebab dan akibat yang terikat antara Protestantisme dengan kapitalisme (dengan aspek dunia moden yang lain) mengkaji tentang kapasiti transformatif Protestantisme.

Pada dasarnya Reformasi bukanlah satu gerakan modenisasi tetapi satu gerakan yang bertujuan untuk membentuk sosio-politik baru yang lebih mewujudkan berlandaskan agama. Manakala Protestantisme pula adalah gerakan agama yang bertujuan untuk menstukturkan semula agama dunia. Namun disebabkan oleh impuls

keagamaan , “dunia” yang kuat sejak awal telah digunakan. Maka berlaku perubahan kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik dalam masyarakat Eropah (khususnya Eropah Barat dan tengah) pada akhir abad ke 17 dan seterusnya . Selanjutnya berlakulah perkembangan kapitalisme, Renaissance dan kemudian krisis umum pada abad ke 17. Kemunculan krisis antara negara dengan masyarakat, serta pandangan sekular dan ilmu pengetahuan (Trevor- Roper, H.R 1965:59-117)

Peranan yang dimainkan Protestantisme diakui oleh Hegel dalam penjelasannya tentang kapitalisme bahawa agama Kristian membebaskan diri dari legalisme Yahudi, agama Protestant menyingkirkan pemujaan-pemujaan terhadap benda-benda sakral dalam agama Katolik dalam abad pertengahan, dan akhirnya agama rasional dalam falsafah Kant menyingkirkan dogmatisme iman Protestant . (Budi Hardiman 1993: 187).

Sedangkan kapitalisme sejak awal pertumbuhannya lagi, ia tidak pernah memperkenalkan dirinya sendiri secara mampan. Kapitalisme tidak memiliki asas kebudayaan. Perkembangan kapitalisme selalu didasari oleh sosio-budaya yang melatarbelakanginya. Tetapi kapitalisme sentiasa melakukan evaluasi dan peninjauan ini akhirnya membentuk standard nilai baru atas nama rasionaliti moden. Ini bermakna ketika Protestant cuba menyingkirkan dogmatisme agama Katolik, kapitalisme telah mengambil tempatnya dan bertindak memasuki wilayah keagamaan

transendental dan membalikkanya dengan nilai duniawi. Sesuai dengan doktrin panggilan Calvinisme, kapitalisme mencipta keinginan (wants) melebihi batas keperluan (needs) (Bell 1978:22). Atas nama rasionaliti, kapitalisme menyusun standard kehidupan dan prinsip-prinsip tingkahlaku pada masyarakat dunia. Di mana penyusunan ini memperlihatkan penyingkiran dogmatisme Katolik oleh Protetsantisme bertujuan untuk memperolehi kehidupan baru yang lebih sempurna. Penyusunan ini dinamakan proses sekularisasi.

Sewaktu Gereja memainkan peranan penting sebagai institusi tertinggi sebelum Reformasi, usaha mencari kekayaan telahpun ada, tetapi kekayaan itu tidak dimiliki oleh rakyat, sebaliknya akan dinikmati oleh golongan Paus. Malah kepercayaan terhadap Tuhan oleh Gereja juga dipertikaikan kerana kewujudan-Nya, digunakan oleh Paus dan pemimpin-pemimpin Gereja untuk mendapatkan kuntungan. Sebaliknya sikap ini tidak terdapat dalam proses sekularisasi yang mana sekularisasi telah menyingkirkan terus Tuhan dalam dunia manusia (lihat tesis ini hal 88 ; Bayer 1991:380).

Sekularisasi telah menyebabkan satu kekosongan moral kerana masyarakat tidak lagi memiliki asas motivasi kehidupan. Menurut Turner , manusia moden tidaklah sampai membunuh tuhan tetapi mereka telah menciptakan dewa-dewa yang tidak memiliki kekuatan baik secara individual maupun kolektif (Turner 1984:291).

Akhirnya nilai-nilai sakral dihapuskan secara perlahan-lahan dari kehidupan seharian masyarakat Protestantisme bebas mencari keuntungan tanpa cengkaman Gereja.

Malah doktrin panggilan Calvinisme memperkuatkan lagi penyingkiran dogmatisme Katolik. Tanpa disedari proses sekularisasi ini telah melahirkan ideologi sekularisme yang menjadi saingan kepada fundamentalisme agama. Malah sekularisme inilah yang melahirkan masyarakat sekularisme Barat hari ini.

Kerana itu penjelasan Eisenstadt terhadap makna Reformasi tidak boleh dipandang ringan. Beliau menjelaskan :

*"... makna Reformasi dan Protestantisme penting diketahui, bukan hanya kerana gerakan ini mempengaruhi secara langstung jenis kegiatan ekonomi, politik atau ilmiah yang baharu, tetapi juga sumbangannya kepada penstukturran semula masyarakat Eropah . Ini merupakan satu struktur yang berkembang akibat krisis yang berlaku selepas Reformasi-Balas. Struktur ini lebih berjaya dalam masyarakat Protestant berbanding dengan negeri-negeri katolik kerana wujudnya potensi transformatif Protestantisme yang berkembang dalam susunan ini. Pelanggaran Protestantisme yang sangat penting dalam arah modernisasi itu timbul setelah orientasi sosial agama totalistic sejak awal lagi menemui kegagalan"*

(Eisenstadt S.N 1967: 25-46)

Sekurang-kurangnya penjelasan ini akan memberi ruang kepada pengkaji supaya melihat hubungan langsung antara Protestantisme dan kapitalisme kepada kecenderungan Puritanisme dan Calvinisme dalam konteks yang lebih luas. Seperti kata Mommsen;

"Bagi Max Weber, faktor utama dalam gerakan agama tertentu "yang mengubah dunia" ialah "puritanisme". Meskipun beliau menyelidiki Varian yang lain dalam Kristian dan agama-agama dunia yang lain, pada pandangannya tidak satupun akibat ajaran sosialisme yang mempengaruhi perkembangan manusia secara revolutioner seperti mana gaya Puritan. Tetapi di luar, beliau menempatkan perhincangan ini dalam perspektif analisis dan perbandingan yang lebih umum. Penekanan utama dalam karya Weber ialah tentang sosiologi agama, tidak kepada hubungan langsung agama dengan berbagai-bagai perilaku ekonomi tetapi setiap wirtschaftsethik setiap agama. Ini merupakan jenis orientasi yang tetap dalam etos setiap agama yang lebih luas dan mempengaruhi kegiatan ekonomi secara langsung"

(Mommsen 1965:71).

Akhir sekali , kita lihat pandangan yang dikemukakan Parsons di mana Max Weber melihat keseluruhan permasalahan ini dengan pendekatan yang berbeza. Dalam kajian tentang hubungan antara Protestantisme dan kapitalisme, tujuan utama adalah melihat sistem institusi masyarakat Barat bagi membezakannya dengan peradaban besar yang lain. Sambil memantapkan apa yang dianggapnya hubungan yang tepat hasil penyesuaian antara pola-pola kognitif Calvinisme dengan sebahagian sikap institusi terhadap peranan masyarakat , Weber menyusunnya dengan sebahagian sikap institusi terhadap peranan sekular masyarakat kita.

Malah Parsons menekankan bahawa, Weber menyusun bahan-bahannya secara sistematik dalam perspektif perbandingan yang berkemungkinan paling luas melalui pengajian khusus tentang agama dan struktur masyarakat Cina, India, dan Judaisme Kuno. Beliau kemudian mendapat bahawa Variasi yang ketat tentang pola tingkat gagasan keagamaan tidak mungkin diperkecil. Dalam hal ini terdapat gambaran struktur sosial bebas yang ada atau institusi ekonomi. Walaupun secara

berkesinambungan beliau menekankan faktor-faktor situasi yang penting dalam sejumlah hubungan yang berbeza (Talcott Parsons 1944:204-210).

Secara jelasnya Parsons berusaha melihat kebenaran dalam tesis Weber terutama tentang kausaliti (hubungan sebab dan akibat) gagasan agama yang bebas dan hubungan fungsional dengan sistem tindakan. Weber kemudiannya mendapati perbezaan dasar antara kepentingan tindakan manusia yang berkaitan dengan masalah sebab dan akibat empiris dengan apa yang disebut oleh pihak lain sebagai “masalah makna”.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab sebelumnya seperti kematian yang belum tiba masanya disebabkan kecelakaan. Masalah tentang bagaimana hal ini berlaku beserta penjelasan tepat tentang punca-punca yang empiris, segera dapat diketahui hingga memuaskan sebahagian besar pemikiran dan meninggalkan pemikiran yang bukan semata-mata disebabkan emosional tetapi kekecewaan kognitif berkenaan dengan pertanyaan mengapa hal-hal tersebut terus berlaku.

Ternyata tesis Weber berjaya menghidupkan perbincangan ilmiah dekad demi dekad. Malah terlalu banyak sumber untuk diteliti bagi menjawab setiap persoalan. Paling penting ialah di dalam kritikan sarjana-sarjana ini terdapat sesuatu dalam tesis Weber. Kebolehan Weber melihat perkembangan institusi agama dan ekonomi yang saling berkembang pesat dan bersangkutan antara satu sama lain tidak boleh disangkal.

Sebagai kesimpulannya, Weber tetap dengan pandangan bahawa Protestantisme menentukan perkembangan kapitalisme dalam tamadun Barat. Manakala Calvinismelah yang menanam semangat kapitalisme agar terus subur dalam diri pengikutnya. Tanpa disedari keseluruhan perkembangan ini melahirkan masyarakat sekular, yang melihat pengaruh agama tidak lagi perlu untuk mencapai kebahagiaan duniawi. Peningkatan rasionalisasi masyarakat berlaku dan perubahan sikap yang berterusan inilah menyebabkan penolakan agama berlaku. Tambahan pula ianya selari dengan kapitalisme dan memuncak ketika tercetusnya Revolusi Industri awal abad ke 19.

## **BAB 5**

# **RUMUSAN KAJIAN**

## 5.0 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini adalah bab terakhir dalam proses penyediaan tesis yang telah dilakukan. Di dalam bab ini penulis akan merumuskan apa yang telah penulis perolehi di dalam bahagian seterusnya iaitu hasil kajian. Rumusan ini juga termasuk pandangan penulis sendiri terhadap hasil kajian yang di perolehi daripada tajuk tesis "Pandangan Max Weber Mengenai Peranan Protestantisme Terhadap Pembentukan Sekularisme dalam tamadun Barat"

### 5.1 HASIL KAJIAN

Kajian dimulakan dengan bab pertama yang merupakan cadangan kajian dan kaedah penyelidikan yang akan digunakan. Kajian Perpustakaan merupakan pendekatan terbaik memandangkan Weber sorang tokoh abad ke 19. Daripada kajian perpustakaan ini, penulis memilih beberapa lagi pendekatan yang lebih mendalam untuk mencapai kehendak tajuk antaranya pendekatan historikal dan historiografi. Ini kerana untuk melihat pandangan Weber, penulis perlu memahami sejarah yang berlaku sebelum zaman Reformasi sehingga kepada Reformasi Protestant. Manakala pendekatan historiografi pula ialah memahami sejarah dari sudut yang berlainan. Contohnya apa yang dipaparkan dalam teks sejarah berbanding dengan apa sebenarnya yang berlaku.

Inilah yang cuba ditonjolkan oleh Weber iaitu melihat Protestantisme sebagai punca kepada kapitalisme, sedangkan fakta sejarah meletakkan kapitalisme sebagai salah-satu punca perkembangan sekularisme.

Melalui kaedah kajian ini, penulis menghadapi masalah terutamanya untuk mendapatkan buku-buku yang berkaitan. dan juga untuk menterjemahkan tulisan-tulisan ke dalam bahasa Malaysia. Seringkali berlaku kesilapan terutama dalam memahami maksud terjemahan. Penulis dapati kurangnya minat sarjana tempatan dalam usaha menterjemahkan karya asing berbanding dengan negara jiran Indonesia, yang banyak menterjemahkan buku-buku ini. Malah ada daripada buku-buku telah tersenarai dalam katalog perpustakaan tetapi masih belum dapat digunakan oleh pelajar. Ini merupakan halangan utama kepada kajian ini.Kajian ini kemudiannya dibahagikan kepada 5 bahagian termasuk bab pengenalan dan rumusan. Penulis cuba mengelakkan perbincangan yang meleret supaya dapat mencapai objektif , kehendak tajuk dan mudah untuk difahami.

Di dalam bab kedua, dibawah tajuk "*latar belakang dan sejarah ringkas peradaban Barat*", penulis menghuraikan latar belakang Max Weber.Latar belakang ini penting untuk melihat pengaruh-pengaruh yang membentuk Weber sebagai seorang intelektual yang berjaya. Penulis dapati Weber sememangnya membesar di kalangan para intelek, mendapat pendidikan yang baik dan banyak pengalaman.

Namun demikian, Weber menghadapi krisis keluarga yang membuatkan beliau membina pandangannya sendiri. Weber banyak menerima pengaruh ibunya dan ini terbukti melalui karyanya yang pertama iaitu "*Roscher and Knies and Logical Problem of Historical Economics*". Weber pernah mengalami kemurungan, dan apabila sembuh beliau memulakan siri penulisannya yang terkenal hingga kini. Max Weber, memiliki karisma tersendiri sehingga berjaya membentuk pengaruhnya. Paling ketara ialah hasil penulisan beliau yang digunakan sebagai teks di sekolah menengah.

Bagi menghasilkan kajian yang mantap Weber mempersiapkan dirinya dengan pelbagai ilmu seperti sains sosial, sejarah, dan sosiologi. Usaha Weber membawa hasil dan banyak membantu Weber memahami kenapa sesuatu peristiwa itu berlaku dan bagaimana juga kaitannya dengan manusia melalui kaedah sains tabii dan kemanusiaan. Weber meletakkan manusia sebagai objek kajian. Meskipun usahanya nampak berselerak(*dispersc*) namun kesemuanya berhubung dengan satu idea iaitu kesedaran (*realization*).

Kemudiannya kajian dibuat ke atas sejarah ringkas peradaban Barat, supaya lebih mudah memahami rentetan Reformasi. Penulis menulis secara ringkas sejarah Eropah terutama di bawah pengaruh Kristian (Gereja). Kemudian diikuti zaman Pertengahan yang menyaksikan perubahan pemerintahannya.

Terutama pengaruh sekular yang mula berkembang selaras dengan kelahiran teori ekonomi. Seterusnya penulis melihat perkembangan dalam era Imperialisme. Era yang bermula abad ke 16 ini merupakan permulaan zaman moden. Ketika inilah munculnya zaman Renaissance yang dikenali sebagai zaman keemasan (golden Age). Penulis dapati perubahan-perubahan zaman ini menyumbang kepada kebangkitan humanisme sekular yang menjadi paksi pegangan masyarakat Barat selepas Reformasi.

Di dalam bab ini juga, penulis membincangkan hubungan antara sekularisme dan agama. Apakah sebenarnya pengertian sekularisme dan hubungannya dengan agama?. Ini adalah kerana pengertian sekularisme berbeza dengan sekularisasi dimana sekularisme merupakan satu sifat anti agama. Sedangkan sekularisasi adalah proses menjadikan sesuatu itu sekular, iaitu perbuatan memisahkan aktiviti dengan pengaruh agama.

Kajian mendapati bahawa Weber, melihat pengaruh sekularisme atau pemisahan agama ini adalah disebabkan oleh Protestantisme itu sendiri. Ini kerana Protestantisme memiliki ciri-ciri anti agama apabila menolak peranan Gereja dalam menyusun atur hidup masyarakat Barat. Kerana itulah Weber mengambil kira sejarah sebelum berlakunya Reformasi untuk membuat telahan/andaian bahawa Protestantlah yang menyebabkan tersebarnya pengaruh sekular.

Bagi memantapkan kajian, penulis melihat hubungan "agama dan masyarakat" iaitu bagaimana agama berfungsi dan berkembang kepada masyarakat Barat. Fokus kepada agama Kristian yang menjadi agama utama sebelum kemunculan Protestant.

Melalui kajian ini, penulis mendapati masyarakat Barat menerima agama sebagai satu peraturan yang menjadi garis panduan antara kehidupan manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, manusia dengan alam ghaib dan manusia dengan Tuhan. Kepercayaan terhadap agama menyebabkan Weber membuat perbandingan antara agama Kristian dengan agama-agama utama yang lain di dunia bagi melihat persamaan dan perbezaan pengaruh agama ke atas masyarakat. Terutamanya pengaruh agama seperti Confucius, Hindu, Buddha, Judaisme dan Islam ke atas perkembangan sekularisme.

Hasil daripada kajiannya Weber mendapati manusia menghadapi "masalah makna" dalam kehidupan dan memerlukan penyelesaian. Manakala penyelesaian hanya boleh diperolehi melalui agama kerana agama mempengaruhi sikap praktis manusia terhadap berbagai aktiviti kehidupan dengan cara paling akrab. Weber kemudian menggariskan Protestantisme sebagai salah satu agama yang mengundang "masalah makna" dalam kehidupan masyarakat. Protestantisme juga berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian "masalah makna" ini. Namun demikian apa yang

diperolehi ialah penyingkiran terus agama setelah masyarakat Barat mencapai tingkat tertinggi dalam perubahan ekonomi. Ianya menunjukkan masyarakat Barat menolak agama setelah berjaya mengatasi sesuatu masalah walaupun agama tersebut yang memberikan panduan bagaimana untuk menyelesaikan masalah.

Bagi melihat apakah sebenarnya peranan Protestantisme dalam tamadun Barat, penulis membincangkan hal ini dalam bab 3 di bawah tajuk "*Protestantisme dan perkembangannya*". Weber di dalam kajiannya ingin membuktikan bahawa peradaban itu menuju kepada tingkat rasionalisasi yang membawa kepada kebangkitan moden dan keadaan ini hanya berlaku di Barat.

Protestantisme contohnya lahir dan berkembang disebabkan oleh Gereja yang berkuasa penuh ke atas masyarakat zaman itu. Pasa awalnya Reformasi bertujuan untuk menjatuhkan dominasi Gereja, tetapi apabila gerakan Reformasi mempunyai kekuatan lahir mazhab yang di gelar mazhab Protestant, menjadi pemimpin kepada Reformasi. Malah kejayaan-kejayaan Reformasi telah membentuk negara-negara Protestant di Eropah dan negara-negara lain di Barat.

Kemuncak kejayaan Reformasi ini dilihat sewaktu Martin Luther dan John Calvin menjadi pemimpin di mana perubahan masyarakat selepas Reformasi dilihat Weber sebagai punca kepada sekularisme dalam tamadun Barat. Sikap anti agama menyebabkan rakyat yang dibelenggu kemiskinan berusaha keluar dari kepompong Gereja. Apabila golongan ini berjaya memperbaiki hidup mereka mula menolak kepentingan dan kepercayaan agama ke atas kehidupan sehari-hari.

Perkembangan sekularisme ini kemudiannya membawa kepada proses sekularisasi iaitu memisahkan terus aktiviti harian dengan agama. Contohnya pendidikan tidak lagi mengambil kira kepentingan alam abadi (akhirat) sebaliknya tumpuan di berikan ke atas ilmu dunia sahaja. Ilmu yang dapat membantu masyarakat Barat memperolehi kebahagiaan di dunia. Pada awalnya sikap anti agama ini membawa kebaikan kepada perubahan ekonomi. Namun setelah ianya berkembang, agama terus disingkirkan . Lahir masyarakat Barat yang tidak di bayangi oleh agama sehingga membenarkan amalan sekular.

Kajian ke atas Reformasi Protestant terbahagi kepada dua tokoh yang menjadi tumpuan Weber. Pertamanya Martin Luther (1483-1546) dan keduanya John Calvin (1509-1564). Permulaan Reformasi ini menurut Burn and Ralph, adalah disebabkan dua faktor. Pertamanya Jerman pada abad ke 10 dan ke 14, merupakan sebuah negara pertanian yang ketinggalan. Kedua, rakyat Jerman ketika itu dicengkam oleh kuasa Gereja yang memegang pemerintahan tertinggi. Ia juga dikatakan sebuah pemberontakan teologi dan politik.

Martin Luther bangkit untuk melakukan pemberontakan ke dalam bidang keagamaan. Luther mengetuai Reformasi dan memprotes keras dominasi Gereja. Antara bantahan Luther adalah mengenai penjualan surat pengampunan dosa yang

bertentangan dengan ajaran Jesus, penekanan terhadap doktrin keimanan dan doktrin panggilan, kedudukan sama rata Pendeta dan manusia biasa di bawah prinsip pokok perjuangannya iaitu "Kepaderian orang Kristian biasa". Kesan daripada tindakannya Luther telah memecahkan Jerman kepada beberapa bahagian dan satu daripada bahagian tersebut menyokong kuat usahanya. Kekuatan Reformasi di bawah pimpinan Luther berjaya menaikkan semangat petani yang kemudian melancarkan pemberontakan. Kemuncak Reformasi ialah berlangsungnya perang 30 tahun di bumi Eropah yang dilihat Weber sebagai kesan paling besar dalam melahirkan kapitalisme moden.

Walau bagaimanapun inti Protestantisme ialah etika keagamaan yang disesuaikan dengan etika kapitalisme yang disebut Weber sebagai *elective affinity*. Ianya berkaitan dengan doktrin panggilan (*calling*) yang disarankan oleh Luther iaitu bekerja keras seperti yang dilakukan oleh pengikut Protestantisme merupakan sebuah panggilan Tuhan (*ibadah*). Ianya tidak dianggap satu dosa tetapi sebagai jalan untuk menyelesaikan "masalah makna".

Perjuangan Luther disambung oleh John Calvin pada tahun 1509-1564) di Geneva. Calvin bergerak lebih radikal daripada Luther dalam memperjuangkan hak masyarakat Barat. Calvin menempatkan manusia sebagai "petugas Tuhan" dan

kerana itulah manusia harus bekerja dan menguruskan harta benda tuhan di dunia ini secara efektif dan efisyen. Calvin juga menjadikan etika kerja sebagai dituntut oleh agama. Semua manusia tidak terkecuali dari bekerja untuk mengabadikan diri pada Tuhan. Setiap orang yang bekerja keras mendapat ganjaran. Semakin kuat seseorang itu bekerja, semakin banyak pahala yang diperolehnya. Inilah yang dilihat Weber sebagai tekanan yang mendorong masyarakat melakukan pekerjaan. Kesannya, ia turut membantu perkembangan ekonomi , perubahan struktural masyarakat dan perbezaan jurang pendapatan.

Kesan daripada Reformasi Protestant ini, lahir sikap keinsanan (humanisme) yang mencabar sikap beragama. Ianya mengembangkan fahaman sekularisme dengan mengasingkan bidang politik dan sosial daripada agama.Kemudian lahir sistem ekonomi baru iaitu sistem kapitalisme (sistem pelaburan modal), Pasaran terbuka dengan penemuan kawasan-kawasan baru, teknik-teknik perniagaan baru, kemajuan bidang sains dan teknologi dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Setiap perkembangan ini diasaskan oleh satu pendekatan baru iaitu tidak berlandaskan ajaran agama Pendekatan ini menggunakan prinsip rasionalisme yang menjadikan akal sebagai paksi utama. Setiap perkara yang tidak mampu difahami

akal akan ditolak ke tepi termasuklah kepercayaan alam ghaib dan alam akhirat. Perkembangan ini membantu perkembangan *humanisme* dan sekularisme dalam tamadun Barat. Malah menurut Weber ekoran daripada keadaan inilah lahir satu moraliti kapitalistik yang tidak wujud dalam ajaran Katolik abad pertengahan.

Bagi melihat pengaruh Protestantisme, penulis kemudian meringkaskan perkembangan kapitalisme dengan memberikan definisi kapitalisme, prinsip dan dasar serta sejarah kapitalisme. Setelah melihat kapitalisme, penulis melihat pula bagaimana hubungan antara kapitalisme dan sekularisme. Iaitu antara persamaan prinsip kapitalisme , kebebasan individu, kepentingan diri dan pasar bebas". Ketiga-tiga prinsip ini mempunyai "*individual conscience*" yang kemudiannya bersatu dengan humanisme dan melahirkan fenomena baru yang dijelaskan Weber sebagai moraliti kapitalistik dalam sejarah Barat. Malah Weber percaya perkembangan sekularisme dan kapitalisme tidak dapat berkembang tanpa adanya gerakan Protestantisme.

Pandangan Weber tentang etika Protestant sebagai punca kepada sekularisme dibincangkan dalam bab 4, iaitu bab terakhir. Weber mendapati dalam kajiannya bertajuk "*the Protestant Ethic and Spirit of Capitalism*" menemui petanda kepada kelahiran kapitalisme moden, yang melibatkan Protestantisme khususnya Calvinisme.

Weber turut melihat perkembangan Protestantisme dalam kebudayaan masyarakat Barat. Weber kemudian menghuraikan pengaruh Calvinisme dan hubungan antara Protestantisme dan kapitalisme.

Menurut Weber kapitalisme moden lahir dari kumulatif kekuatan sosial, politik , ekonomi dan agama dalam sejarah Eropah. Namun bermula abad Reformasi sehingga abad ke 18 pengaruh agama lebih bersifat menentukan. Pengaruh agama ini merujuk kepada Protestantisme di bawah Calvinisme yang melahirkan satu semangat dan dinamakan Weber sebagai "Semangat kapitalisme".

Weber kemudian mendapati persamaan antara kapitalisme dan Calvinisme ialah jenis manusia yang menjadi pendukungnya dan matlamat yang ingin dicapai oleh keduanya iaitu mengaut keuntungan. Di bawah doktrin panggilan , memperolehi harta kekayaan merupakan kemungkinan petanda keselamatan , ia menunjukkan termasuknya segelintir manusia dalam golongan yang terpilih oleh Tuhan. Sementara kapitalisme juga mempunyai matlamat untuk mencapai keuntungan maksimum dalam ekonomi yang membabitkan perniagaan berskala besar.

Weber kemudian membuat perbandingan antara Protestantisme dengan agama-agama dunia dan beliau mendapat kesemua agama memiliki ciri-ciri kapitalisme tetapi agama-agama ini mempunyai kekuatan menolak perkembangan kapitalisme. Jika lahir pengaruh sekularisme dalam agama-agama ini ianya adalah disebabkan oleh pengaruh Barat. Bukan agama itu sendiri. Kerana itu Weber menjelaskan perkembangan sekularisme berlaku di mana-mana tetapi di Barat ianya tidak terbatas.

Weber Seterusnya melihat perkembangan agama-agama dunia tersebut dan hubungannya dengan kapitalisme. Weber berpendapat kemungkinan bagi agama-agama utama dunia untuk menjadi pemangkin perkembangan kapitalisme sememangnya ada, namun kekuatan pegangan dan kepercayaan agama-agama tersebut ternyata lebih kuat daripada Protestantisme di dalam menghalang pertumbuhan sekularisme. Pandangan Weber berdasarkan kepada perkembangan sekularisme dalam tamadun Barat itu sendiri.

Walaupun pada awalnya Protestantisme menganjurkan kerja keras sebagai ibadah tetapi apabila masyarakat Barat berjaya mencapai kejayaan, mereka sendiri menolak Protestantisme sebagai agama keselamatan. Contohnya agama Islam sendiri, mempunyai ciri-ciri Protestantisme. Antaranya bekerja keras sebagai satu ibadah, usaha dan ictiar untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia. Namun ianya tidak bermakna jika disertakan dengan amalan-amalan yang ditolak oleh kitab (Al-Quran).

Sejauhmanapun atau setinggi manapun usaha seseorang umat Islam itu ianya haruslah berlandaskan agama dan ganjaran daripadanya akan diperolehi di akhirat. Begitu juga kepercayaan terhadap perkara ghaib, bukanlah sesuatu yang salah malah wajib kerana ianya sebagai salah-satu daripada rukun Iman. Walaupun perkara-perkara ghaib itu tidak dapat dilihat secara realistik atau dibuktikan secara saintifik, umat Islam tidak perlu mencari alasan untuk menolak kepercayaan tersebut. Ini kerana kandungan Al-quran telah menjelaskan segala-galanya.

Perbezaannya dengan Protestantisme terutama Calvinisme ialah, dorongan bekerja keras adalah satu ibadah dan ganjaran daripadanya diperolehi oleh masyarakat Barat secara terus di atas muka bumi ini. Akibat daripada tanggapan itu, sudah tentu mereka tidak perlu lagi mempercayai hal-hal ghaib yang perlu difahami melalui kitab-kitab dan keimanan bukan keupayaan akal (*reason*) yang melihat secara realiti sahaja. Kerana itulah akhirnya masyarakat Barat mempersoalkan, apa perlunya terikat dengan agama lagi sekiranya kebahagiaan dan ganjaran akhirat boleh dikumpul di dunia?

Selari dengan penolakan ini, "*individual conscience*" lahir dan bersatu dengan humanisme yang mula berkembang melahirkan semangat sekularisme. Malah semangat sekularisme ini bergabung pula dengan kapitalisme yang mula berkembang melahirkan satu moraliti kapitalistik. Iaitu keupayaan dan keghairahan mencari kebahagiaan dunia menyebabkan masyarakat Barat secara rasionalnya menolak

kepentingan agama. Usaha mengumpul harta duniawi dan menikmati kesenangan menjadi matlamat utama mereka.

Dalam perkembangan ini, Gereja tidak lagi dilihat sebagai institusi yang penting terutama menentukan ekonomi, sosial dan politik dalam kehidupan mereka. Inilah yang masyarakat Barat "warisi" sehingga ke hari ini, pencarian keselamatan yang berterusan ini akhirnya menyebabkan mereka terjerumus ke dalam satu jurang yang begitu jauh dari pencarian keselamatan sebenar.

Oleh kerana itu, maka Weber meletakkan Protestantisme sebagai punca utama kepada perkembangan ini. Weber melihat semangat kapitalisme ini asalnya bukan dorongan untuk memiliki semua benda. Terutamanya melalui 'doktrin panggilan' oleh Calvinisme. Maksudnya pengumpulan harta duniawi bukanlah satu aktiviti semata-mata untuk kekayaan, atau untuk pembaziran. Sebaliknya ia adalah satu cara masyarakat Barat untuk menperolehi keselamatan.

Ini bermaksud, jika masyarakat itu berjaya dalam kehidupan duniawinya maka keselamatan di akhirat telahpun diperolehinya, tanpa perlu mendapat nasihat daripada Paderi, tanpa perlu mengeluarkan wang membeli surat pengampunan dosa, dan tanpa tekanan dari mana-mana pihak. Sebaliknya usaha tersebut akan membantu mereka memiliki taraf status sosial yang lebih tinggi.

Begitu juga dengan golongan-golongan yang kuat berpegang kepada agama. Mereka tidak lagi perlu menahan diri dari menyertai kehidupan dunia, berhibur, bekerja malah mereka juga berhak berkahwin untuk memenuhi keperluan seks. Kesemua ini akan mengelakkan perlakuan di luar batasan yang tidak bermoral ke atas masyarakat dengan penyalahgunaan kuasa yang diberikan seperti sebelumnya. Kiranya kesemua ini telah dimiliki masyarakat ini tergolong dalam golongan segelintir manusia yang dipilih oleh Tuhan. Inilah yang dimaksudkan Weber sebagai ascetiksme dunia. Malah Weber juga berpendapat mana-mana agama di dunia ini boleh membantu atau menghalang pertumbuhan kapitalisme tersebut.

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis juga meneliti kritikan-kritikan sarjana ke atas tesis Weber. Secara keseluruhannya sarjana-sarjana Barat menolak teori Weber. Hanya segelintir daripada mereka yang menerima tesis Weber. Ini mungkin disebabkan mereka tidak memahami apa yang hendak disampaikan Weber iaitu agama berperanan dalam menentukan halatju peradaban manusia.

Inilah yang dilihat Weber sebagai tingkat rasionalisasi manusia, iaitu kekuatan akal budi manusia yang menolak ciri-ciri tradisional. Semakin tinggi akal manusia, semakin rasionallah mereka dalam membuat keputusan. Secara tidak langsung ia meningkatkan peradaban manusia tersebut.

Hujah Weber tentang Protestantisme yang bersifat menentukan perkembangan ini mendapat tentangan dari kebanyakan sarjana, ahli politik dan masyarakat awam. Namun jika dilihat secara realitinya, dekad-demi dekad sarjana Barat tidak henti-henti membahaskan tesis Weber. Ini sebenarnya sebagai satu bukti bahawa ada sesuatu yang hendak disampaikan oleh Weber tetapi tidak secara jelas. Paling asas ialah kekuatan pengaruh agama dalam menentukan hala-tuju hidup manusia.

Penolakan oleh golongan sarjana ini jika dilihat secara realiti bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana bermula daripada Reformasi Protestant sehingga kepada zaman Renaissance, kelahiran Saintifik, Revolusi Industri dan era Globalisasi hari ini, masyarakat Barat telahpun termasuk didalam golongan yang terhasil daripada Protestantisme.

Secara sedar ataupun tidak mereka menolak kepercayaan beragama terutama hubungan antara agama dan dunia. Penolakan inilah yang menggalakkan perkembangan sekularisasi selepas pengaruh sekularisme. Pemisahan agama dan negara, agama dan masyarakat, agama dan pendidikan, agama dan kebudayaan terhasil daripada perkembangan ini. Malah pemisahan inilah yang melahirkan dunia moden hari ini.

## 5.2 PANDANGAN PENULIS

Melalui kajian yang telah dilakukan secara keseluruhannya penulis berpendapat bahawa Max Weber adalah seorang tokoh ilmuan yang mempunyai sudut pandangan yang berbeza dengan tokoh-tokoh lain. Malah persoalan yang cuba diungkap oleh Weber iaitu Kapitalisme punca kepada perkembangan sekularisme dalam tamadun Barat dan perkembangan kedua-duanya adalah didalangi oleh Protestantisme, tidak dapat dilihat oleh kebanyakan sarjana. Oleh kerana itulah maka Weber mendapat lebih banyak kritikan dalam penghasilan tesis-tesisnya yang menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu hari ini.

Secara keseluruhannya, Max Weber menggunakan kaedah saintifik melalui pendekatan sosiologi sejarah dalam kajiannya tentang peradaban manusia termasuklah karyanya *the Protestant Ethic and Spirit of Capitalism*. Tujuannya bukan untuk menceritakan naratif sesuatu peristiwa tetapi untuk menimbulkan konsep *ideal types*. *Ideal types* adalah bentuk generalisasi dan tidak ada fenomena di dalam sejarah yang memiliki kesemua ciri-ciri tersebut. Minat yang mendalam Weber ke atas tamadun Barat, melahirkan kajiannya tentang kapitalisme. Kapitalisme adalah salah satu daripada konsep *ideal types*. Satu ciri penting kapitalisme ialah rasionalisme. Rasionalisme pula berlaku di seluruh dunia namun perkembangannya di Barat tidak terbatas.

Weber melihat keunikan rasionalisasi ini membawa kepada kebangkitan modenisme dalam tamadun Barat. Kerana itulah beliau membuat kajian hubungan antara agama dan tindak-tanduk ekonomi dalam tesisnya *the Protestant Ethic*. Beliau sebenarnya cuba membuktikan bahawa Etika Protestant di bawah Calvinisme sebagai punca kelahiran masyarakat kapitalis di Barat. Untuk menguatkan hujahnya Weber bukan sahaja mengkaji agama-agama dunia seperti hindu, Buddha, Yahudi dan Confucianisme malah membuat perbandingan antara agama-agama ini dengan Kristian.

Weber mendapati Protestantisme mengakui dunia ini ciptaan Tuhan manakala keselamatan diperolehi daripada kerja -kerja yang dilakukan di atas dunia. Manakala di Timur, penyatuan dengan Tuhan merupakan aspek utama yang dilihat Weber sebagai lari dari keduniaan. Bagaimanapun Weber akhirnya menyedari bahawa, Protestantisme itu sendiri menyebabkan rasionalisasi dan sekularisasi budaya. Apabila kapitalisme menjadi kuat ia menjanakan motivasinya sendiri. Dengan itu ia tidak memerlukan stimulasi agama untuk terus hidup. Ia juga menekankan pengasingan individu ketika berhadapan dengan Tuhan. Keadaan ini menurut Weber telah membentuk salah-satu asas penting kepada kewujudan individualisme moden. Akhirnya masyarakat Barat beralih kepada sekularisme dan bukan agama untuk keselamatan mereka.

Kajian Weber bukan hanya kepada agama-agama utama dunia, malah beliau turut membandingkan peningkatan rasionalisasi tamadun awal. Namun paling utama ialah buah fikiran beliau yang meletakkan agama sebagai salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Berbeza dengan Marx yang menganggap agama sebagai candu rakyat iaitu manusia yang terikat dengan agama tidak mampu membina peradaban yang kukuh. Sedangkan Weber membuktikan sebaliknya, kerana agamalah manusia mencapai tingkat rasionalisasi tetapi sifat tamak semulajadi manusia menyebabkan mereka menolak peranan agama dalam kehidupan.

Apakah ini bermakna teori Marx benar?. Jawapannya sudah tentu tidak, kerana manusia menurut Weber sentiasa mengalami "masalah makna" dalam kehidupan. Masalah makna hidup tersebut hanya boleh diselesaikan melalui kepercayaan beragama. Penolakan agama dari satu segi dilihat memantapkan kehidupan manusia tetapi dari segi yang lain ia lebih banyak mengundang masalah makna. Kerana itu penolakan agama akibat daripada Protestantisme sebenarnya menyebabkan masalah makna ini berterusan. Tiadanya jalan penyelesaian secara saintifik menyebabkan timbul pelbagai masalah dalam kehidupan. Namun persoalannya mahukah masyarakat barat ini kembali kepada situasi asal? Sudah tentu tidak kerana bagi mereka kebahagiaan dunia mampu menutup "masalah makna" sedangkan mereka terlupa bahawa mereka sebenarnya memberontak terhadap keperluan rohani dan jasmani.

Keupayaan Weber melihat permasalahan ini sejak dari awal patut dipuji. Meskipun banyak kritikan yang diterimanya namun seandainya Weber masih hidup beliau akan merasakan dirinya dihargai. Ini kerana agama sememangnya memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Meskipun masyarakat Barat menolak kepercayaan beragama, mereka patut menyedari kemungkinan keruntuhan peradaban mereka adalah disebabkan oleh penolakan agama itu sendiri.

Malah penemuan Weber tentang hubungan antara Protestantisme, kapitalisme dan sekularisme tidak boleh dipandang ringan. Weber berjaya mengaitkan Protestantisme dibawah era Calvinisme dengan perkembangan kapitalisme. Dari proses inilah Weber mengesahkanlahirnya sekularisasi dalam tamadun dan peradaban Barat. Malah sekularisasi masyarakat Barat menjadi semakin mampan apabila ideology sekularisme diterima pakai dan kukuh hingga ke hari ini. Malah sekularisme cuba mengulangi proses yang sama kepada agama-agama lain didunia melalui kapitalisme yang bergerak secara evolusi.

Walaupun terdapat kekurangan dalam tesis Weber namun perbincangan yang dikemukakan sangat menarik. Sebagai bapa sosiologi, Weber berjaya menarik sarjana, ahli pemikir, ahli politik sama-sama melihat kebenaran tesisnya. Namun apa yang penting ialah, Max Weber telah memberikan kita satu perspektif dan alternatif dalam mengkaji peradaban manusia. Walaupun ada diantara kita mungkin tidak

bersetuju dengan pendapat beliau namun kita masih boleh menggunakan pendekatan yang Weber lakukan dan melihat peradaban manusia terutama Barat melalui perspektif sendiri.

Ternyata teori Max Weber mengenai peranan Protestantisme terhadap kelahiran sekularisme di dalam tamadun Barat mempunyai kekuatan tersendiri. Bukan kapitalisme dan bukan sekularisme berkembang dengan sendiri atau menyebabkan perkembangan ini tetapi sebaliknya Protestantismelah yang menjana kepada perkembangan semangat kapitalisme dan seterusnya melahirkan sekularisme dalam tamadun Barat sehingga hari ini. Ini adalah satu proses transformasi yang perlu difahami oleh setiap pengkaji untuk menghuraikan tesis Weber di masa akan datang.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Suhelmi M.A .1999. *Pemikiran Politik Barat*. Darul Falah. Jakarta. Indonesia.
- Badrul Hisham Hassan. 1993. *Ensiklopedia Sirah Perkembangan Ilmu*. Jil 3. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bagus.L. 1996. *Kamus Filsafat*. Gramedia.Jakarta Indonesia.
- Bayer, Peter F.1991 .*Privatization and Public Influence of Religion In Global Society*. dalam Mike Featherstone (ed.) 1991.Global Culture;Nationalism, Globalization and Modernity. SAGE Publication. London.
- Berger. P. 1990. *Revolusi Kapitalis*(terj.) LP3ES. Jakarta Indonesia.
- Brubaker, Roger. 1984. *The Limits of Rationality; an essay on the Social Thought of Max Weber*. George, Allen & Unwin.London.
- Burns, Ralph .1969. *World Civilization from Ancient to Contemporary*. New York.
- Cuzzort, R.P. 1969.*Humanity and Modern Sociology Thought*. New York :Holt Rinchart And Winston Inc.
- Dr. Teuku Iskandar. 1994. *Kamus Dewan Edisi Baru*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durkhiem E. The Elementary Forms of Religius Life (terj. J.Swain) . Free Press.Illanois of Glencoe.
- Franz Magnis. 1996. *Filsafat Sebagai Ilmu Kritis*. (terj.Suseno). Pustaka Filsafat.Penerbit Kanisius.Jakarta, Indonesia.
- Gerth, H.H & Wright Mills, C. 1969. *From Max Weber Essay in Sociology*. Oxford University Press. New York.
- Headar Nashir. 1997. *Agama dan Krisis Kemanusian Moden*. Pustaka Pelajar. Yogyakarta.
- Hebermas, J.1988. *Legitimation Crisis*. Polity Press. Cambridge Oxford.

Kamaruddin Salleh/ Ahmad Sunawari Long. 1998. *Pemikiran*. Ibn.Khaldun. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Karls Jasper, Leonardo, Descartes.1964. *Max Weber Three Essey*. (terj. Ralph. Manhien Routlagde & Keagen Paul. London.

Lerner R.E. 1998. *Western Civilization*. W.W Norton Company. New York. London. Vol 11.

Lerner, Max. 1950. "*Introduction*" in *The Prince and The Discounces*. (terj Sang Pengeran ) Gramedia .Jakarta.Indonesia.

Lessonof, Micheal h.1994. *The Spirit of Capitalisme and The Protestant Ethic*. (An Inquiry into the Weber Thesis).Edward Elgar Publishing Limited.

Levi, Elbert William. 1991. *Sociology as Social Expression*.University Chicago Press.Illanois.

Mac Rae,Donald G. 1974. *Weber*. The Weburn Press.London.

Mohd. Kamlin .1986. *Pengantar Pemikiran Politik Barat*. UKM ,Bangi.

Muhammad Uthman El-Muhamady. 1976. *Peradaban dalam Islam*. Pustaka Aman Press. Kota Baharu.

Othman.1994. *Agama Kristian :Satu Analisa dan Perbandingan* .Pustaka Aman Press.Kota Baharu.

Rand, A. 1970. *Capitalisme; The Unknown Ideal*. A Signet Book, New York.

Robertson H.M .1935. *Aspect of The Rise of Economics individualisme*. Cambridge. Cambridge University Press.

Robertson,Roland.e.d 1997. *Agama Dalam Interpretasi Sosiologi* (terj Dewan Bahasa Dan Pustaka). DBP .Kuala Lumpur.

Roll,Eric. 1995. *A History of Economic Thought 4<sup>th</sup> Edition*. .(terj. Dewan Bahasa dan Pustaka.) Faber and Faber Limited.London.

Samuelson, K. 1961. *Religion and Economic Action*.London Heinmann.

Sharma. 1982. *Western Political Thought (Plato to Hugo Grotius)*. New Delhi. Starling

Publisher Private Limited.

Syed Muhammad Hussin Al-Attas. 1963. *The Weber Thesis and South East Asia*. Archibes De Sociologie Des Relegious.Vol 8.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1981. *Islam dan Sekularisme*. Pustaka Bandung

Tawney. R.H .1946. *Protestantisme En Capitalism. Max Weber in Die Critics*. Wofers Gronigen Bataria (terjemahan).

Weber Max. 1930. *Protestant Ethic and Spirit of Capitalism* (terj. Talcott Parson). Allen & Unwin.

-----, 1951. *The Religion of China*. (Terj. Dan e.d H.H Gerth and C.Wright Mills. Glencoe Illianois Press. Free Press.

-----, 1958. *The Religion of India*. (Terj. Dan e.d H.H Gerth and D. Martindale.Glencoe Illianois Press. Free Press.

-----, 1965. *The Sociology of Religion*. (Terj. Ephraim Fischoff). Methuen.London .

-----, 1963. *The Protestant Ethic And The Spirit of Capitalism*. (terj. Talcott Parson. Allen & Uwin University Book.London.

-----, 1966. *Teori of Social Economic Organisation*.terj. A.M Henderson and Talcott Parson. New York Free Press.

-----, 1976. *The Agrarian Sociology of the Ancient Civilisation*. (terj. R.I. Frank). London.

### Majalah dan Jurnal

Fischoff.E. 1994. *Protestant Ethic and Spirit of Kapitalisme*. Social Reasearch Jil . 11 (P.54-77).

Hudson. W. 1961. *The Weber Thesis Re-Examined*. Church History .Jil 30 (p. 88-89)

Husain Heryanto.1999. *Kapitalisme Satu Modus Existensi*. Kajian Ideologi Peradaban Dan Agama. HMI & Cabang Depok & FIKI UI Depok. Sesi kedua Short Course. 21 Disember 1999.Jakarta.